


Jilid IV
Bil. 1



Hari Selasa
27hb Februari, 1990

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Perletakan Jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat—
Y.B. Tuan D. P. Vijandran [Ruangan 21]

Titah Ucapan Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 21]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 41]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 42]

Cuti kepada Ahli-ahli-Kebenaran:

Y.B. Dato' Musa Hitam (Kota Tinggi)

Y.B. Tuan D. P. Yijandran (Kapar) [Ruangan 44]

JAWAPAN-JAWAPANMULUTBAGIPERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 45]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 133]

KANDUNGANNYA—(samb.)

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 133]

Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah—Y.H. Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh)
[Ruangan 134]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pert.ua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N.,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (KubangPasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar
Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menleri Pengangkutan DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P.
(Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMADRITHAUDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kola Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit)'.
„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P.,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR
HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (SantubOHg).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K.
(Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Tcknologi dan Alam Sekilar, DATUK AMAR STEPHEN YONG
KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Mcnteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tcmpatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N.
(Hulu Langat).

„ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.
(Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).

- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.LJ., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD, KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WANABUBAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAIA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHEWAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpal).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar,
TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan DatOk).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEKH FADZIR, D.S.D.K. A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAP BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., PJ.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAJB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., DJ.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N. B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AJIMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHIEH MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., A.P (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAYID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S, (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).

- „ TUAN HAJI ~~HAJI~~ BIN AHMAD, A.M.N., p.c.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bemas).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kola Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kola Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAH MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).

Yang Berhormat TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).

- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SIJBKY BIN HAJI ABDUL RAOFF, A.M.N., P.J.M. (Ballk Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIPP, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M, (Alor Gajah)
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAPAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD, ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.IJ, S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.I., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.j. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C.K.M.N., A.M.N. (Saratok),
- „ TUAN PTITING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelevu).

- Yang Berhormat Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Sempoma).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungei Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEN SUNG SENG *alios* TIU SING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahirbin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 27hb Pebruari, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)

PEMASYHURANTUAN YANG DI-PERTDA

**Perletakan Jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat
Y.B. Tuan D. P. Vijandran**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari Ahad, 24hb Pebruari, 1990 Setiausaha Dewan Rakyat telah menerima sepucuk surat yang dialamatkan kepadanya daripada Yang Berhormat Tuan D. P. Vijandran bertarikh 23hb Pebruari, 1990 yang menyatakan seperti berikut:

"Saya ingin memberitahu dengan ini saya melctakkan jawatan saya sebagai Timbalan Yang di-Pertua Parlimen,

Terima kasih,

t.t.

D. P. Vijandran".

Oleh yang demikian, Yang Berhormat Tuan D. P. Vijandran bukanlah lagi seorang Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat mulai daripada 24hb Pebruari, 1990.

**TITAH UCAPAN KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG
DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi semalam 26hb Pebruari, 1990 Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pcrtuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Tilah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibenangiakan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi Parlimen.

TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG IX SULTAN AZLAN SHAH

Bismillaahir Rahmaanir Rahiim,

Assalaamu Alaikum WarahmatuIIaahi Wabarakaatuh.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama di Istiadat Perasmian Penggal Keempat, Parlimen Ketujuh pada hari ini.

Tahun 1989 merupakan tahun bersejarah dan gemilang bagi Malaysia kerana banyak kemajuan dan kejayaan telah dicapai dalam berbagai bidang. Ini adalah kerana usaha yang bersungguh-sungguh yang telah diambil oleh Kerajaan Beta dengan sokongan rakyat, di samping kerjasama yang semakin erat di antara sektorawam dan sektor swasta.

Beta bersyukur kerana keadaan keselamatan negara pada keseluruhannya terus bertambah baik dan terkawal. Dengan berakhirnya ancaman bersenjata Komunis di Semenanjung, kita dapat memberikan tumpuan yang lebih kepada pembangunan negara. Namitn begitu, Kerajaan dan rakyatperlu terus berwaspada akan ancaman-ancaman lain yang boleh menjejaskan perpaduan masyarakat dan kestabilan negara. Berkaitan dengan masalah dadah, Kerajaan Beta akan terus memperhebatkan usaha-usaha memeranginya di semua peringkat.

Kita semua mestilah memainkan peranan masing-masing bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan negara terus terpelihara. Beta menyeru semua rakyat mengekalkan semangat patriotik supaya sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan akan terus menjadi amaian kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Tahun ini merupakan tahun terakhir tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Walaupun kita menghadapi kemelesetan ekonomi di awal pelaksanaan Rancangan ini, dengan usaha gigih Kerajaan dan rakyat semua, kita telah dapat memulihkan ekonomi negara dalam tempoh yang singkat. Beta merasa bangga bahawa pertumbuhan ekonomi bagi tahun lalu berada di tahap yang tinggi dan prospek bagi tahun 1990 adalah cerah. Kerajaan Beta akan terus bemsaha membantu meningkatkan daya saingan dan produktiviti negara serta mewujudkan iklim pelaburan yang lebih menarik. Dalam hal ini, sektor swasta perlulah memainkan peranan yang positifbagi menjayakan usaha-usaha Kerajaan Beta itu.

Kerajaan Beta juga berusaha menswastakan projek-projek yang sesuai sebagai langkah untuk meningkatkan lagi kecekapan dan produktiviti di samping mengurangkan perbelanjaan awam supaya sumber kewangan yang terhad dapat digunakan bagi kepentingan umum.

Kedaaan pengangguran tahun ini dijangka dapat dikawal dan keadaan ini akan bertambah baik lagi pada tahun-tahun yang akan datang. Usaha-usaha akan terusdiambil

bagi meningkatkan peluang-peluang pekerjaan di semua sektor ekonomi terutamanya di sektor-sektor perkilangan dan perkhidmatan termasuk pelancongan yang dijangka berkembang dengan lebih pesat,

Melalui program-program pembangunan tanah pula, kesan-kesan positif dapat dilihat seperti pewujudan peluang-peluang pekerjaan, penurunan kadar kemiskinan dan peningkatan taraf hidup.

Adalah mustahak kita meneruskan dasar berjimat-cermat dalam perbelanjaan untuk mengukuhkan lagi kedudukan kewangan negara. Namun demikian, Kerajaan Beta akan terus memberi perhatian supaya keperluan perbelanjaan unik sektor-sektor penting diutamakan. Di samping itu, adalah penting kita sentiasa menghayati prinsip berdisiplin dalam pengurusan kewangan supaya pembaziran wang dan penyelewengan dapat dielakkan.

Pelaksanaan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 yang telah dipersetujui akan mengukuhkan lagi kedudukan institusi-institusi kewangan dan menambahkan keyakinan orang ramai terhadap industri bank. Aktiviti institusi-institusi kewangan ini akan dapat membantu pertumbuhan ekonomi.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Berbagai langkah sedang diambil bagi meningkat dan mengukuhkan sektor eksport negara dengan meningkatkan eksport di pasaran-pasaran tradisional. Di samping itu, usaha-usaha akan diteruskan untuk memperluas dan mempelbagaikan eksport ke pasaran-pasaran baru.

Perdagangan luar terus menunjukkan prestasi yang menggalakkan dan masih memperolehi lebih dagangan. Walau bagaimanapun, kita harus berwaspada terhadap perkembangan-perkembangan negatif/ kesan dari dasar perlindungan dan perjanjian perdagangan dua hala yang diamalkan oleh setengah-selengah negara maju.

Perubahan-perubahan yang sedang berlaku di Eropah Timur dan beberapa buah negara Sosialis yang lain, mungkin akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi dunia dan perdagangan antarabangsa. Beta berharap agar kita dapat mengambil peluang ini untuk meningkatkan lagi hubungan ekonomi dan perdagangan dengan negara-negara tersebut.

Dalam bidang perindustrian, sektor perkilangan terus memainkan peranan sebagai penggerak utama untuk memajukan pertumbuhan ekonomi dan akan terus menjadi penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) negara dalam dekad sembilan puluhan.

Beta merasa bangga kerana buat kali pertama dalam tahun 1989 hasil eksport barang-barang pembuatan Malaysia telah melebihi 50 peratus daripada jumlah eksport negara. Ini semua adalah menunjukkan kejayaan pengurusan ekonomi oleh Kerajaan Beta serta sokongan yang kita dapat oleh semua pihak.

Sebagai komponen penting kepada strategi perindustrian, industri kecil dan sederhana akan terus diberi penekanan untuk memainkan peranan sebagai industri sokongan dalam sektor perkilangan.

Dalam bidang pertanian pula, Kerajaan Beta akan meningkat dan memesatkan pertumbuhan sektor makanan dengan memperluaskan pemasaran eksport dan penggantian import melalui kegiatan pertanian dan ternakan yang intensi/. Industri berasaskan perikanan akan dimajukan dengan berkembangnya perikanan laut dalam dan penekanan akan diberi kepada pembiakan biri-biri di kebun-kebun getah.

Sektor barangan utama dan industri-industri yang berasaskan komoditi akan terus memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara dalam dekad sembilan puluhan. Kerajaan Beta akan terus memperhebatkan usaha-usaha bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam menghadapi cabaran dan persaingan dalam pasaran antarabangsa. Antara langkah-langkah yang diambil, ialah meningkatkan penyelidikan dan pembangunan, pemindahan teknologi, khtisusnya kepada pekebun-pekebun kecil, peningkatan mutu dan pemprosesan tanjut dalam pengeluaran barangan utama.

Kerajaan Beta akan terus mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mendapat pasaran yang lebih baik bagi komoditi yang separuh siap dan yang telah diproses serta mengatasi kempen-kempen anti minyak kelapa sawit dan anti kayu tropika, Sejajar dengan dasar Perhutanan Negara pula, Kerajaan Beta akan memperkemaskan pengurusan perhutanan berlandaskan Deklarasi Langkawi Mengenai Aldm Sekitar.

Kerajaan Beta juga memberi penekanan kepada industri pelancongan sebagai industri yang penting di negara ini. Pembangunan industri pelancongan bukanlah menjadi tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Selain daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri, pihak penguasa tempatan, syarikat-syarikat swasta, persatuan-persatuan dan orang-orang awam juga perlu terus menerus memainkan peranan bagi menjayakan Tahun Melawat Malaysia 1990. Beta menyeru semua rakyat terus mengamalkan sikap kemesraan dan berbudi bahasa serta menjaga kebersihan supaya negara kita dipandang tinggi dan menjadi lebih menarik kepada pelancong-pelancong.

Ahili-ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Beta akan terus melaksanakan projek-projek infrastruktur terutama di kawasan luar bandar dan meningkatkan mutu serta taraf infrastruktur yang sedia ada. Pembinaan jalan raya baru dan peningkatan mutu jalan raya yang sedia ada, terutama di Sabah dan Sarawak akan terus dilaksanakan. Selain dari itu, Kerajaan Beta sedang berusaha memodenkan perkhidmatan pos dan akan terus melaksanakan projek-projek bekalan air, elektrik dan telekomunikasi serta meninggikan mutu perkhidmatan dan kecekapan dan pengurusan perkhidmatan-perkhidmatan itu. Penekanan akan diberi juga kepada peningkatan perkhidmatan keretapi dan pelabuhan-pelabuhan. Kesemua ini adalah untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Kerajaan Beta juga memberi keutamaan kepada kesihatan keluarga, khasnya kepada penduduk-penduduk luar bandar, dengan terus berusaha memajukan perkhidmatan kesihatan. Langkah-langkah yang diambil ialah mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan dan menambah kemudahan kesihatan di kawasan luar bandar.

Dalam bidang pendidikan, usaha-usaha sedang dibuat bagi menyesuaikan Sistem Pendidikan dengan perubahan-perubahan dan kemajuan yang pesat dan mencabar dalam bidang itu. Tumpuan akan diberi kepada, antara lain, perluasan penjurusan di peringkat pendidikan menengah bagi merangkumi bidang-bidang vokasional dan

kemakiran serta pendidikan komputer secara berperingkat di semua sekolah. Di samping itu, langkah-langkah sedang diambil untuk meningkatkan lagi mutu pendidikan dan memperluaskan peluang pendidikan bermutu untuk rakyat terutamanya di kawasan luar bandar.

Sains dan teknologi adalah mustahak untuk memperkukuh dan mempercepatkan proses perindustrian negara. Usaha untuk meningkatkan kandungan teknologi tempatan akan dilipatgandakan melalui berbagai cara, termasuklah penglibatan pihak swasta untuk menjalankan sendiri penyelidikan dan pembangunan.

Kerajaan Beta akan berasaha meningkatkan lagi perkhidmatan siaran radio dan TV untuk membina sikap dan pemikiran rakyat dalam usaha mempercepatkan pembangunan negara dan mengekalkan perpaduan rakyat.

Di bidang sukan pula, kejayaan negara menduduki tempat kedua dalam Sukan SEA XV pada tahun lalu, telah mengharumkan nama Mataysia di rantau ini. Ini hendaklah dijadikan sebagai pendorong untuk kita meningkatkan lagi prestasi sukan negara. Kerajaan Beta akan berusaha untuk memastikan mutu sukan negara terus meningkat dengan mengadakan berbagai kemudahan, kepakaran dan galakan,

Kerajaan Beta sentiasa mengambil berat terhadap golongan yang kurang bernasib baik seperti orang cacat dan orang tua. supaya masa hadapan mereka akan terjamin. Beta menyeru kepada sektor swasta supaya mencontohi amalan sektor awam untuk menentukan sebilangan pekerjaan dikhaskan kepada golongan orang cacat. Bagi golongan termiskin pula, program-program ekononu telah dan akan diatur supaya mereka dapat berdikari dan menyertai arus pembangunan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Di peringkat antarabangsa, Kerajaan Beia telah berjaya mempertingkatkan lagi usaha-usaha hubungan dalam berbagai bidang antara Malaysia dengan negara-negara lain. Malaysia akan terus mengutamakan hubungan dengan negara-negara ASEAN, negara-negara Islam dan ahli-ahli Pergerakan Berkecuali dan Komanwel.

Peranan dan kepentingan Malaysia dalam arena antarabangsa semakin diikiiraj'dan mula menampakkan kejayaan. Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali di Belgrade dan Persidangan Agung UNESCO yang ke-25 di Paris pada tahun lalu telah memberi penghormatan kepada Malaysia,

Kejayaan yang dicapai di Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang telah diadakan di ibu negarapada tahun lalu, telah mengharumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa. Beta merasa gembira kerana negara telah menerima penghargaan yang tinggikan puji dari Ketua-ketua Kerajaan Komanwel serta negara-negara lain di atas keupayaan Malaysia menguruskan persidangan yang bertara/antarabangsa dengan jayanya. Berlandaskan Deklarasi Langkawi Mengenai Alam Sekitar, Kerajaan Beta akan meneruskan usaha-usaha gigih untuk perlindungan alam sekitar berasaskan prinsip pembangunan yang berterusan.

Suka juga Beta mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Beta. terutama Memanda Perdana Menteri. Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad kerana bimbingan dan kepimpinan beliau menggerak dan melibatkan seluruh negara bagi menjayakan CHOGM.

Sebagai Ahli Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk penggal 1989-1990, Malaysia sentiasa peka akan tanggungjawabnya kepada masyarakat antarabangsa bagi menjaga keselamatan dan keamanan dunia. Penyertaan askar-askar Malaysia dalam Kumpulan Pengaman Bangsa-Bangsa Bersatu di sempadan Iran-Iraq dan di Namibia, membuktikan keikhlasan dan kesanggupan Malaysia menyumbang tenaga dalam usaha menjaga keamanan dunia.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Dalam usaha-usaha untuk membangunkan ekononu negara dan meningkatkan taraf hidup rakyat, Kerajaan Beta juga akan terus memberi penekanan kepada aspek-aspek rohani dan moral yang berteraskan nilai-nilai murni agama. Dalam pada itu, Gerakan Budaya Kerja Cemerlang yang bertemakan "Kualiti Teras Kejayaan" yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Beta pada bulan November 1989, hendaklah terus dijadikan amalan dan dihayati oleh semua rakyat, sama ada dalam perkhidmatan awam, sektor swasta mahupun pertubuhan sosial. Perkhidmatan dan pengeluaran barang-barang berkualiti akan menghasilkan peningkatan daya saingan Malaysia di pasaran dunia di samping menjamin kehidupan yang berkualiti uniuik rakyat,

Usaha-usaha ke arah meningkatkan prestasi perkhidmatan awam akan diteruskan untuk menghadapi cabaran yang dijangka bertambah dan menjadi semakin kompleks. Negara kita memerlukan anggota-anggota perkhidmatan awam yang berdedikasi, berwibawa, berkebolehan pada tahap yang tinggi dan menekankan kecemerlangan dan kejujuran. Bagi maksud itu, Kerajaan Beta akan terus berusaha memastikan supaya perkhidmatan awam akan dianggotai oleh tenaga kerja yang cekap, berkesan, produkti/ dan mementingkan perkhidmatan yang berkualiti,

Beta mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua anggota Perkhidmatan Kerajaan yang berkhidmat di dalam dan di luar negeri dengan penuh dedikasi, jujur dan taat setia serta semua pihak yang memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bela menghargai dan menyanjung tinggi perkhidmalan Pasukan Keselamatan yang telah mempertahankan kedaulatan negara.

Beta menyeru Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat supaya menjalankan tugas dan kewajipan mereka yang telah diamanahkan. Tugas dan tanggungjawab tersebut hendaklah dijalankan dengan penuh ikhlas dan jujur demi kepentingan negara,

Akhtr kata, Beta menyeru semua rakyat supaya menumpu sepenuh taat setia kepada Kerajaan Beta semoga negara kitayang terdnta akan terus bersatupadu, aman, maju dan makmur.

*Wabittahit Taufik Walhidayah,
Wassalamu Alatkum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.*

The English translation is as follows:

In the name of Allah, Most Beneficent, Most Merciful.

Assalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

Mr President, Mr Speaker, Honourable Members of Dewan Negara and Honourable Members of Dewan Rakyat.

I thank Allah, the Almighty, for His blessings in enabling me to address this House in conjunction with the Official Opening of the Fourth Session of the Seventh Parliament today.

The year 1989 was a good and historic one for Malaysia in terms of achievements in development and success in various fields. This is due to the dedicated effort of my Government with the support of the people, and the increasingly close cooperation between the public and private sectors.

I am grateful that the country's overall security situation is under control and continues to improve. With the end of the Communist armed threat in Peninsular Malaysia, we can now devote our resources to national development. Despite this, the Government and the people will continue to remain alert to other forms of threats which may threaten national unity and stability. With regard to the dadah threat, my Government will continue to intensify efforts to combat it at all levels.

We must all carry out our respective roles in order to ensure peace and prosperity for the country. I urge all Malaysians to uphold their patriotism so that Parliamentary Democracy and Constitutional Monarchy will continue to be a part of our way of life.

Honourable Members,

This year is the final year of the Fifth Malaysia Plan. Although the country faced economic recession in the early part of the Plan, due to the dedicated effort of the Government and the people, the economy had recovered in a short span of time. I am glad to note that the rate of economic growth for last year was high and growth prospects for this year are bright. My Government will continue its efforts to promote greater competitiveness, increase national productivity and create a more attractive investment climate. In this regard, the private sector should assume a positive role to ensure the success of my Government's efforts.

My Government is also in the process of privatising suitable projects as a means of increasing their efficiency and productivity, and reducing public expenditure thus enabling those financial resources to be expended for public benefit.

The employment situation this year is expected to improve and the situation will continue to be better in the coming years. More efforts will be made to increase job opportunities in all sectors of the economy, particularly in the rapidly expanding manufacturing and service sectors, including tourism.

The implementation of land development schemes has brought about positive results such as the creation of jobs, reduction in the incidence of poverty and increase in the standard of living.

It is important that we continue to be cautious in our spending in order to further strengthen the country's financial position. Nevertheless my Government will continue to give priority to vital sectors. At the same time, it is important that we always adhere to proper disciplinary principles of financial management, in order to prevent wastage and misappropriation of funds.

The implementation of the Bank and Financial Institutions Act 1989 which has been tightened, will further strengthen the position of financial institutions and increase public confidence in the banking industry. The activities of these institutions will contribute to economic growth.

Honourable Members,

Various measures are being undertaken to intensify exports to the traditional markets. At the same time more concerted efforts will be carried out to expand and diversify our exports to new markets.

Foreign trade continues to perform well with surplus trade balance being recorded. However, we should be alert to the negative impact arising from protectionist policies and bilateral trade arrangements of some developed countries.

Changes that are taking place in Eastern Europe and several other socialist countries could lead to increased economic growth and trade. I hope that we could take advantage of the situation to further improve our economic and trade relations with those countries.

In industry, the manufacturing sector continues to be the main engine of growth and will continue to be the biggest contributor to the Gross Domestic Product in the 1990s.

I am pleased to note that, in 1989, the export revenue of Malaysia-made goods for the first time exceeded 50 percent of the country's total export revenue. This reflects the good economic management by my Government with the strong support of all sectors.

Small and medium-scale enterprises which are important components to our industrialization strategy, will continue to be developed so that they continue to play the role as supportive industries in the manufacturing sector.

In the field of agriculture, my Government will expand and intensify the growth of the food sector through the expansion of export markets and import substitution by means of intensive agriculture and animal rearing activities. Fishery-based industries will be further developed by expanding deep sea fishing. Emphasis will also be given towards encouraging sheep rearing in rubber estates.

Primary commodities and commodity-based industries will continue to contribute substantially to the national economy in the 1990s. My Government will increase its efforts to further upgrade efficiency and raise productivity in facing challenges and competition in the international markets. Some of the steps that are taken are intensification of research and development, technology transfer to smallholders, upgrading of quality and processing of primary products.

My Government will continue to take appropriate measures to obtain better markets for semi-processed and processed products and to counter the anti-palm oil and tropical timber campaigns. The Government will also streamline its forestry management so as to conform with the National Forestry Policy and the provisions of the Langkawi Declaration on Environment.

My Government will also give emphasis to tourism as an important industry to the country. However the development of the tourist industry is not solely the Government's responsibility. Other than the Federal and State governments, local authorities, private companies, associations and the general public should be actively involved towards ensuring the success of the 1990 Visit Malaysia Year. I urge all Malaysians to continue to be courteous and friendly and to maintain cleanliness so that our country will always be highly regarded and attractive to tourists.

Honourable Members,

My Government will continue to provide infrastructure particularly in rural areas and upgrade existing facilities. The construction of new roads and the upgrading of existing ones, especially in Sabah and Sarawak will continue to be carried out. In addition, my Government is taking steps to modernize the postal service, and will continue to implement water supply, electricity and telecommunication projects. Emphasis will also be given towards improving the railway and port services. All these efforts are aimed at accelerating economic growth and upgrading the quality of life of the people.

My Government is also giving priority to family health programmes, especially in the rural areas. Steps are being taken to further increase and improve the quality of health services and facilities in rural areas.

In education, efforts are being carried out to ensure that our education system could accommodate the rapid changes and faces the challenges in this field. Emphasis will be given, among others, towards expanding the streaming at the secondary level of education to include vocational, skill and computer training in stages in all schools. In addition, steps are being taken to further improve the quality of education and provide more opportunities for quality education especially for those in the rural areas.

Science and technology are necessary to strengthen and accelerate the industrialisation process of the nation. Efforts to increase the local technology content will be intensified through various means including encouraging the private sector to carry out their own research and development.

My Government will strive to further improve radio and television broadcasting services in order to develop a more positive attitude and outlook among the people in the pursuit of national development and maintenance of national unity.

In the field of sports, the success of our nation in attaining second place in the XV SEA Games last year has enhanced our image in the region. This should motivate us to further improve our performance. My Government will ensure that the standard of sports continue to be raised through the provision of various facilities, expertise and incentives.

My Government has always given attention to the welfare of the less fortunate groups such as the handicapped and the aged. I call upon the private sector to emulate the public sector in setting aside jobs for the handicapped. As for the poor, development programmes have been and will continue to be implemented to enable them to be self-reliant and participate in the development process.

Honourable Members,

At the international level, my Government has succeeded in intensifying efforts in establishing relations in many areas between Malaysia and other nations. Malaysia will continue to give priority to relations with ASEAN, the Islamic Countries, members of the Non-Aligned Movement and member nations of the Commonwealth.

Malaysia's role in the international arena is increasingly being recognised and has begun to show results. This has been acknowledged at the Non-Aligned Summit in Belgrade and the 25th General Conference of UNESCO in Paris last year.

The success attained at the Commonwealth Heads of Government Meeting (CHOGM), which was convened at the nation's capital last year, resulted in Malaysia receiving accolades from the international community. I am happy with the acknowledgement by the Heads of Government of the Commonwealth and other nations on Malaysia's ability to successfully organize such a major international event. With regard to the provisions of the Langkawi Declaration on Environment, my Government will continue to protect the environment in the context of on-going development.

I would like to take this opportunity to congratulate the Government, in particular the Prime Minister, Datu' Seri Dr Mahathir Mohamad for his guidance and leadership to mobilise the whole nation to participate in making CHOGM a success.

As a member of the United Nations Security Council for the 1989-1990 term, Malaysia is always conscious of her responsibilities to the international community in maintaining world peace and security. The participation of Malaysian soldiers in the UN peace-keeping forces at the Iran-Iraq border and in Namibia, is testimony to the sincerity and readiness of the country to contribute towards maintaining world peace.

Honourable Members,

My Government will continue to give emphasis on moral and spiritual aspects based on religious values in our effort to develop the nation's economy and raise the standard of living of the people. In this regard, the Excellent Work Culture Campaign with the theme "Quality—Foundation of Success" launched by my Government in November 1989, should continue to be accepted and practised by all, irrespective of whether they are in the public or private sectors or social organisations. The production and provision of quality goods and services will give Malaysia a competitive edge in the world market and ensure a better quality of life for the people.

Efforts to improve the performance of the public service to meet the increasingly numerous and complex challenges ahead will continue. Our nation needs sincere, dedicated, creditable and competent public service officials who strive for excellence. Towards this end, my Government will continue to take measures in order to ensure that the public service is made up of efficient, effective and productive officers who will give emphasis to quality service.

I would like to express my gratitude to all members of the public service serving in the country or abroad for their loyal, sincere and dedicated service and to all those who have contributed towards the nation's economic growth. I also extend my appreciation to our Security Forces for successfully defending the nation's sovereignty.

I call upon the Honourable Members of the Dewan Negara and Dewan Rakyat to perform the duties and responsibilities entrusted to them. These duties and responsibilities should be carried out with absolute sincerity and honesty for the national interest.

Finally, I call upon all Malaysian to give their absolute loyalty to my Government so that our beloved country will continue to be united, peaceful, progressive and prosperous.

*Wabillahit Taufik Walhidayah,
Wassalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.*

MEMPERKENANKAN AKTA- AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Penuan Agong dengan limpah kumia Baginda telah berkenan mem-persetujukan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Pnggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 1990;
2. Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1990;
3. Akta Kewangan 1990;
4. Akta Kewangan (No. 2) 1990;
5. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1990;
6. Akta Pertubuhan (Pindaan) 1990;
7. Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1990;
8. Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990;
9. Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) 1990;
10. Akta Pinjaman Tempatan (Pindaan) 1990;
11. Akta Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 1990;
12. Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1990;
13. Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1990;
14. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1990;
15. Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 1990;
16. Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 1990;
17. Akta Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 1990;
18. Akta Jualan Barang (Pindaan dan Perluasan) 1990;
19. Akta Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan 1990;

20. Akta Bank Pertanian Malaysia (Pindaan) 1990;
21. Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1990;
22. Akta Lembaga Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1990;
23. Akta Lembaga Kemajuan Pertanian MUDA (Pindaan) 1990;
24. Akta Lembaga Kemajuan Pertanian KEMUBU (Pindaan) 1990;
25. Akta Lembaga Padi dan Beras Negara (Pindaan) 1990;
26. Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1990; dan
27. Akta Bahasa Kebangsaan (Pindaan) 1990.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen Penggal yang lalu.

Saya jemput Seiiusaha membacakan perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

"29hb Disember, 1989

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1990;
2. Rang Undang-undang Kewangan;
3. Rang Undang-undang Kewangan (No. 2);
4. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) (No. 2);

5. Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Lembaga Pertubuhan Peladang (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Bank Pertanian Malaysia (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Negara (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan);
14. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan);
15. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan);
16. Rang Undang-undang Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan);
17. Rang Undang-undang Jualan Barang (Pindaan dan Perluasan);
18. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan);
19. Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan);
20. Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi;
21. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);

22. Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan);
23. Rang Undang-undang Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan);
24. Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan);
25. Rang Undang-undang Bil Perben-daharaan (Tempaian)(Pindaan);
26. Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan) (Pindaan); dan
27. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan).

Yang ikhlas,
t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN
NEGARA."

CUTI KEPADA AHLI-AHLI— KEBENARAN

Y.B. Dato' Musa Hitam (Kota Tinggi)

Y.B. Tuan D. P. Vijandran (Kapar)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

- (a) Yang Berhormat Dato' Musa Hitam, Ahli Parlimen bagi kawasan Kota Tinggi dari 26hb Februari hingga 16hb Mac, 1990; dan
- (b) Yang Berhormat Tuan D. P. Vijandran, Ahli Parlimen bagi kawasan Kapar dari 26hb Februari hingga 16hb Mac, 1990.

JAWAPAN-JAWAPANMULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

MAS—PRESTASI PERKHIDMATAN CEMERLANG

1. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sebab-sebab yang telah menjejaskan prestasi "Perkhidmatan Cemerlang" Penerbangan Malaysia (MAS);
- (b) sejauhmanakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Penerbangan Malaysia itu telah menjejaskan perkhidmatan penerbangannya terutama dalam memenuhi pertambahan pelancong ke negara ini sempena Tahun Melawat Malaysia (TMM); dan
- (c) terangkan langkah yang telah diambil dan langkah-langkah jangka pendek dan panjang bagi memulih, meningkat dan mengekalkan kecemerlangan Penerbangan Malaysia (MAS).

5-5-90

1. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pengangkutan menjejaskan lentang prestasi Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS):

- (a) kenapakah sejak akhir-akhir ini prestasi perkhidmatan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) merosot;
- (b) apakah langkah/strategi baru yang diambil oleh pihak Kerajaan dan MAS sendiri di dalam meningkatkan kembali imej MAS;
- (c) sila senaraikan jumlah kapal terbang yang dimiliki oleh MAS dan berapakah pula yang disewa. Dan berapa buah lagi yang sedang diuruskan pembeliannya oleh pihak MAS;
- (d) berapakah jumlah destinasi penerbangan MAS untuk dalam

dan luar negeri. Dan ke manakah pula destinasi baru MAS untuk 1990 ini; dan

- (e) apakah rancangan-rancangan MAS bagi tempoh 5 tahun akan datang.

6-3-90

5. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan kes kelewatan keberangkatan dan pendaratan pesawat MAS dalam dan di luar negeri sejak 1hb Januari, 1990;
- (b) apakah punca yang mengakibatkan kelewatan tersebut; dan
- (c) mengapa masalah-masalah yang dihadapi oleh MAS dan DCA seperti tempahan lebihan dan kekurangan pesawat serta kemudahan-kemudahan lapangan terbang tidak dapat diatasi sebelum menjelang Tahun Melawat Malaysia.

14-3-90

6. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Pengangkutan menyatakan masalah yang dihadapi oleh MAS berhubung dengan menyediakan satu perkhidmatan yang cekap, kemas dan licin. Kegagalan MAS menyediakan perkhidmatan yang baik ini akan mengagalkan prestasi "Melawat Malaysia 1990" dan seterusnya imej negara. Adakah ini merupakan satu kelemahan atau satu sabotaj yang licin. Kiranya ia, apakah rancangan untuk mengatasinya.

Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik): Tuan Yang dipertua, soalan yang dibangkitkan ini adalah sama dengan soalan-soalan yang akan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar pada 5hb Mac, 1990, Yang Berhormat Tuan Ong Tee Keat pada 6hb Mac, 1990 dan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan pada 14hb Mac, 1990.

Oleh itu, saya akan member! jawapan kepada soalan-soalan tersebut pada hari ini bersama-sama dengan soalan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi Perkhidmatan Cemerlang Penerbangan Malaysia (MAS) telah terjejas dalam masa 6 bulan yang lalu disebabkan perkara-perkara berikut:

- (a) (i) penambahan perminiaan perkhidmatan MAS yang di luar jangka dari dalam dan luar negeri akibat dari pertumbuhan ekonomi yang pesat;
- (ii) kelewatan penerimaan kapal-terbang baru yang dipesan. Pada awalnya, MAS dijangka menerima dua buah kapal-terbang Boeing 747-400 pada bulan Mac dan April, 1989. Akan tetapi oleh kerana masalah-masalah yang dihadapi oleh Syarikat Boeing, penerimaan kapal-terbang-kapal-terbang tersebut telah tergendala sehingga penghujung tahun 1989;
- (iii) bagi memenuhi kekurangan kapal-terbang akibat perkara-perkara yang diterangkan, MAS telah menyewa beberapa buah kapal-terbang. Pada mulanya, kapallerbang-kapal-terbang yang disewa dapat beroperasi dengan yang baik tetapi kemudiannya berlaku beberapa kali kerosakan. Kerosakan ini telah membawa kepada kelewatan-kelewatan penerbangan dan ini pula telah memberi kesan-kesan yang lain terhadap perkhidmatan yang telah menyebabkan sungutan-sungutan daripada orang ramai;

(iv) pemindahan operasi penerbangan dalam negeri dari Terminal 1 ke Terminal 2, Lapangan terbang Subang dalam bulan Disember juga telah mengakibatkan kelewatan; dan

(v) kelewatan menyiapkan pembesaran "flight kitchen" yang disebabkan oleh kelewatan di pihak kontraktor dan tergendalanya perkhidmatan penyajian "catering". Ini juga menyebabkan kelewatan penerbangan MAS.

(b) Adalah tidak benar bahawa perkhidmatan penerbangan MAS terutama dalam memenuhi perlambahan pelancong ke negara ini sempena Tahun Melawat Malaysia telah terjejas. Perkhidmatan-perkhidmatan MAS masih lagi berjalan seperti biasa dan masih membawa sebilangan besar pelancong yang melawat ke negara ini.

(c) Langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah diambil untuk memulih, meningkatkan dan mengekalkan kece-merlangan MAS adalah:

- (i) menamatkan penggunaan pesawat DC 10 yang dipajak yang selalu tergendala dan digantikannya dengan pesawat-pesawat baru; dan
- (ii) mengambil dan melantik kakitangan-kakitangan baru selaras dengan perkembangan di dalam MAS;
- (iii) menambah kelengkapan yang perlu untuk operasi di Terminal 2;
- (iv) membentuk "task force" khas untuk mengawasi agar masalah-masalah serupa tidak timbul semula; dan

- (v) bagi langkah jangka panjang pula ialah membeli banyak lagi pcsawai-pesawat baru dan dalam masa beberapa tahun yang akan datang, MAS akan membelanjakan \$5.5 bilion.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri iaitu beberapa kalikah Yang Berhormat Menteri telah mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan MAS dan juga Kesatuan Pekerja MAS, dan saya ingin mendapat tahu apakah masalah-masalah pokok yang telah diimbulkan oleh Kesatuan Pekerja MAS dan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka?

Yang kedua, mengenai kelewatan penerimaan pesawat Boeing 747-400, saya ingin mendapat tahu sama ada pihak MAS dan Kementerian yang berkenaan ada membuat tuntutan pampasan daripada Syarikat Boeing itu? Jika skiranya ini telah dibuat, saya ingin mendapat tahu apakah perkembangannya?

Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar saya telah mengadakan perbincangan dengan Kesatuan Pekerja MAS dan suasana perbincangan itu adalah baik dan persetujuan telah dicapai di mana Kesatuan itu juga menerima nasihat untuk memperbaiki sesungguhnya imej dan perkhidmatan MAS.

Bagi menjawab soalan yang kedua mengenai pampasan yang dituntut daripada Syarikat Boeing, adalah benar, Tuan Yang di-Pertua, iaitu satu persetujuan telah dicapai di atas alasan yang akan diberi sebagai gantirugi alas kelewatan MAS, tetapi alasan itu tidak boleh diumumkan oleh kerana ini adalah satu kontrak antara Boeing dan MAS dan dalam kontrak itu disebutkan tidak boleh diumumkannya oleh kerana Boeing sedang menjalankan "negotiations" dengan banyak lagi "Airlines" di mana

kapalterbang Boeing juga lewat diberi kepada mereka.

Tuan Hashim bin Satin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai persiapan di Terminal 2. Bilakah ianyadijangkasiap 100% kemudahan kepada penumpang-penumpang dalam negeri?

Kedua, apakah kemudahan di Terminal 2 itu akan berkurangan berbanding dengan kemudahan kepada penumpang-penumpang dalam negeri yang terdapat sebelum pemindahan daripada Terminal 1 ke Terminal 2.

Ketiga, apakah penumpang-penumpang dalam negeri akan terus berkurangan turun-naik bas untuk pergi ke kapalterbang dan selepas turun daripada kapalterbang ke Terminal 2. Apakah rancangan di masa hadapan untuk mengelakkan kerumitan turun-naik bas ke kapalterbang dan daripada kapalterbang? Apakah ianya lermasuk di dalam rancangan pembesaran \$5.5 jula yang akan dilaksanakan oleh Kementerian?

Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, sebab utama pemindahan penumpang-penumpang domestic ke Terminal 2 adalah oleh kerana Lapanganterbang Subang atau Terminal 1 telah tidak boleh menampung lagi penumpang-penumpang yang lebih oleh kerana penumpang-penumpang melalui Terminal 1 pada ketika itu telah berjumlah lebih daripada 5 juta orang setahun. Pemindahan penumpang-penumpang domestic ke Terminal 2 telah melibatkan 2 juta orang dan sekarang ini Terminal 1 adalah senang atau lega sedikit. Itulah sebab utama pemindahan kepada Terminal 2. Oleh kerana penumpang-penumpang atau traffic meningkat dengan pesat di Terminal 1, keputusan telah dibuat untuk pindah ke Terminal 2 dengan secepat mungkin dan hanyamasa dua bulan sahaja diberi untuk pemindahan itu. Walaupun, kerja-kerja kontrak seperti kaunter-kaunter yang perlu boleh dihabiskan, lain-

lain alat yang diperlukan seperti tangga di mana di Terminal I tidak diperlukan oleh kerana ada nose bridge. Sekarang ini di Terminal 2 tangga-tangga ini tidak mencukupi dan kena ditempah dan dibuat. Sekarang semua itu telah siap termasuk lain-lain kemudahan seperti tempahan bas-bas istimewa di mana ianya tidak begitu tinggilah letapi yang rendah dan senang dinaiki dengan beg-beg dan lain-lain barang. Tempahan untuk mendapat bas-bas seperti itu akan menelan masa sekurang-kurangnya enam bulan. Oleh keranaitulah semuakelengkapan ini tidak boleh disiapkan atau diadakan dengan sepenuhnya sehingga masa tiga, empat atau lima bulan lagi.

Mengenai soalan macam mana Kementerian akan membelanjakan \$5.5 bilion itu, ini adalah untuk membeli pesawat-pesawat baru, komputer-komputer dan juga simulator-simulator yang baru dan ini tidak termasuk untuk terminal-terminal baru oleh kerana terminal-terminal baru adalah bukan tanggungjawab MAS tetapi adalah tanggungjawab DCA.

SIARAN LANGSUNG PERSIDANGAN PARLIMEN DI TV

2. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) memandangkan liputan televisyen dan media bagi Persidangan Parlimen sangat tidak mencukupi dan tidak memberi keadilan kepada Parlimen yang biasanya bersidang hanya tiga kali setahun, sama ada beliau akan mengambil tangkah-langkah untuk mengarahkan media elektronik dan cetak memberi lebih banyak liputan meluas Persidangan Parlimen setiap hari;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa walaupun RTM telah diarahkan memperuntukkan masa 10 minit dari masa 30 minit berita nasional untuk Laporan Parlimen semasa

Dewan bersidang biasanya ini tidak dipatuhi dan adakah Kementerian berkenaan akan mengekalkan program Laporan Parlimen menerusi televisyen supaya perhatian khusus boleh ditumpukan ke atas Persidangan Parlimen; dan

- (c) sama ada Kerajaan telah mengkaji kemungkinan mengadakan siaran langsung Persidangan Parlimen dan mengizinkan rakyat mengetahui sepenuhnya apa yang wakil rakyat mereka lakukan bagi menjaga kepentingan para pengundi mereka dan hal ehwal negara, dan sama ada beliau sedar bahawa inilah satu cara bagi menyelesaikan keadaan tidak cukup korum yang tetap berlaku dalam Parlimen.

6-3-90

56. Tuan M.G. Pandithan minta Menteri Penerangan menyatakan memandangkan siaran-siaran Parlimen di Britain telah mendapat sambutan yang menggalakkan, kenapa Kementerian Penerangan masih tidak mahu menyiarkan laporan Parlimen secara langsung melalui TV di negara kita.

8-3-90

41. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang menyiarkan perjalanan majlis Mesyuarat Parlimen melalui RTM. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, dalam menjawab soalan dari Yang Berhormat dari Bukit Bintang, saya memohon izin menjawab juga pertanyaan-pertanyaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan yang sama maksudnya, iaitu:

- (i) Yang Berhormat dari Tapah bertarikh 6.3.90; dan

- (ii) Yang Berhormat dari Ampang
Jaya bcriarih 8-3-90.

Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan tidak bercadang menyiarkan Persidangan Parlimen secara langsung di Televisyen dan Radio, kecuali acara-acara Pembukaan Rasmi Persidangan Parlimen oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, pembentangan Belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan mana-mana perkara yang ditikirkkan penting memerlukan siaran langsung.

Kementerian berpendapat liputan yang dibuat oleh media elektronik dan media cetak setakat ini adalah memadai. Media cetak telahpun menyediakan ruang-ruang khusus untuk Laporan Parlimen, sementara media elektronik telah menyediakan Laporan mengenai Persidangan Parlimen dalam Warta Berita di Televisyen dan Radio dan Laporan khusus mengenai Persidangan Parlimen di Radio.

Saya mengakui bahawa RTM pada masa yang lalu telah menyediakan Laporan Persidangan Parlimen di televisyen. Dari kajian yang telah dijalankan oleh pihak RTM, adalah didapati bahawa jumlah penonton kepada Laporan Parlimen tersebut adalah terlalu sedikit, maka Kementerian memutuskan supaya masa sekurang-kurangnya 10 minit disediakan untuk Laporan Parlimen dan dimasukkan ke dalam Berita Nasional memandangkan Berita Nasional ditonton oleh lebih kurang 2.5 juta orang setiap hari. Namum begitu, laporan khusus mengenai Persidangan Parlimen melalui Radio terus dikekalkan dan keperluan menambah masa Laporan Parlimen di Radio boleh dipertimbangkan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Uli: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah disebulkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sedikit sebanyak memberi penjelasan kepada kita mengenai keadaannya. Tetapi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah kajian yang dibuat ke atas rancangan Laporan

Parlimen dulu berasaskan kepada masa bila mana ia diadakan, kerana selalunya kalau Laporan Parlimen diadakan pada jam 11 malam sudah tentu tidak ramai orang mengikuti dan begitu juga kalau Berita diadakan pada jam 11 malam, memang sudah tidak ramai yang mengikuti. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah Kementerian beliau bercadang untuk mengadakan Laporan Parlimen ini dan diadakannya sebelum masa Berita pukul 8 malam dan selepas itu dibuat kajian supaya benarkah penontonnya hanya begitu sedikit sebagaimana yang dilaporkan oleh Yang Berhormat tadi?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bilangan penonton kepada Laporan Parlimen begitu sedikit sekali maka Kementerian telah memikirkan supaya waktu khas sebanyak lebih kurang 10 minit dimasukkan ke dalam Warta Berita Nasional pada jam 8 malam oleh kerana penonton Berita Perdana atau Berita Nasional jam 8 malam merupakan bilangan penonton yang begitu banyak. Kementerian pada masa ini tidak mempunyai cadangan untuk mengawal atau mengadakan sebarang Laporan Parlimen yang khas selain daripada apa yang telah diumumkan dalam Berita Nasional sepanjang Parlimen bersidang seliap hari.

Tuan Zubir bin Embong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana telah ditukarkan daripada 30 minit rancangan asal kepada 10 minit dalam Berita Nasional, apakah telah dibuat kajian oleh Kementerian Penerangan kesannya dari segi pemikiran, sikap dan sebagainya ke atas rakyat jelata iaitu penonton daripada rancangan khusus kepada 10 minit dalam rancangan itu? Apakah kajian ini dibuat menyebabkan 10 minit itu dimasukkan ke dalam Berita Nasional atau sebab-sebab lain. Kalau ia memberi kesan yang agak tidak menggalakkan, apakah cara yang akan difikirkan dengan ditambah daripada 10

minit mungkin kepada 20 minit atau mungkin kepada 15 minit dan sebagainya. Mohon penjelasan.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, telah saya kalakan ladi akibat kajianlah dan didapati penonton yang sedikitlah yang menyebabkan RTM membuat perubahan untuk memasukkan laporan Parlimen ke dalam berita. Sama ada perlu waktunya ditambah daripada 10 minit atau lebih itu knalah kita Tikirkan semula jika benar-benar memerlukan. Tetapi walau macam manapun, seperti mana yang kita semua maklum bahawa selain daripada TV, laporan khusus melalui radio dalam semua rangkaian terus diadakan. Pada pendapat kami radio merupakan satu media elektronik yang lebih berkesan kerana ianya dapat didengar di mana-mana, di kereta, di hutan pun ada radio, di kampung dan di Lempat-tempat yang tidak ada elektrik atau karan boleh kita dengar melalui radio. Jadi, begitulah, Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada pertanyaan itu.

(Soalan No. 3, 26, 44, 46, 50 dan 61 dipindahkan ke minggu hadapan)

KELAS QURAN UNTUK KANAK-KANAK

4. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Pcrdana Mcnieri menyaikan bilakah kelas Quran yang diluluskan sebanyak \$20 juta itu akan bermula, keranasudah ramai menanyakan hal demikian.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs. Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Perlua, kelas-kelas Quran untuk kanak-kanak telah sedia berjalan di tiap-tiap negeri di seluruh negara yang dikendalikan oleh pihak berkuasa agama Islam Negeri. Peruntukan wang yang dimaksudkan itu adalah sebagai bantuan bagi membolehkan pihak-pihak berkuasa itu memperbanyakkan lagi kelas-kelas tersebut dan peruniukan wang itu telah diluluskan bagi tahun 1990 dan kini

sedang diedarkan mengikut keperluan masing-masing.

INSIDER TRADING DI BURSA SAHAM KUALA LUMPUR

5. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan kes "insider trading" yang telah dapat dikesan di Bursa Saham pada tahun 1986, 1987, 1988 dan 1989;
- (b) berapa orang telah dihukum atas kesalahan itu dalam tempoh yang sama; dan
- (c) apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil untuk membanteras perbuatan tersebut.

2-3-1990

8. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan kenyataan beliau bahawa beberapa orang akan didakwa kerana menjalankan perdagangan dalaman, nyatakan siapakah ini dan sejauhmanakah perdagangan dataman ini mcnjejaskan Bursa Saham.

20. Tuan Lee Lam Thye minta Memeri Kewangan menyatakan memandangkan kenyaiaan umum yang beliau buat pada 18hb Januari lahun ini mengenai tindakan Kerajaan terhadap urusaniaga dalaman di Bursa Saham Kuala Lumpur, apakah tindakan lanjut yang telah diambil ke atas perkara ini. Berapa ramai orang serta juga syarikat yang telah dikenalpasti kerana melakukan urusaniaga dataman di Bursa Saham Kuala Lumpur setakat ini, apakah lindakan yang telah diambil dan bilakah mereka ini akan dihadapkan ke mahkamah.

5-3-1990

37. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kewangan menyatakan butir-butir mengenai siasatannya ke atas dagangan dalaman (insider trading) di Bursa Saham Kuala Lumpur dengan memberi nama syarikat-syarikat dan individu-individu

yang terlibat dan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan setakat ini.

9-3-1990

45. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan hasil penyiasatan yang dilakukan ke dalam dagangan dalaman dan sama ada Kerajaan tidak mengendahkan langsung laporan-laporan polis tentang berlakunya dagangan dalaman berhubung dengan penjualan saham, Multi-Purpose Holdings apabila Hume cuba mengambilalih kumpulan itu pada tahun lepas.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Ampang Jaya adalah hampir serupa dengan pertanyaan-pertanyaan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Bagan, Bukit Bintang dan Sandakan yang masing-masing dijadualkan untuk dijawab pada 2hb, 5hb dan 9hb Mac, 1990 maka saya memohon menjawab kelima-lima pertanyaan tersebut secara serentak pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, uniuik makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini belum ada sesiapa pun yang didakwa kerana melakukan kesaiahan perdagangan dalaman. Ingin dimaklumkan bahawa Akta Perindustrian Sekuriti 1983 mengandungi peruntukan-peruntukan yang jelas dan nyata yang melarang perdagangan dalaman bagi tujuan memberi perlindungan kepada pelabur-pelabur, khususnya kepada pelabur-pelabur kecil. Dalam hubungan ini pihak-pihak berkuasa yang bertanggungjawab, iaitu Pendaftar Syarikat selaku Pendaftar di bawah Akta Perindustrian Sekuriti dan Jawatankuasa Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sentiasa mengawasi dengan rapi perjalanan dan kegiatan BSKL termasuk

mengesan sebarang pergerakan harga yang luar biasa. Sekiranya didapati bukti yang menunjukkan adanya perdagangan dalaman, penyiasatan yang sewajarnya pasti akan diambil untuk membawa pesalah yang berkenaan ke Mahkamah.

Sungguhpun begitu, daripada pengawasan yang dijalankan adalah didapati lerlalu sukar untuk mengesan dan mendapatkan bukti-bukti yang jelas untuk mendakwa seseorang berhubung dengan perdagangan dalaman. Misalnya dalam kes penjualan saham Multi-Purpose Holdings apabila Hume cuba mengambilalih kumpulan itu tahun lepas, bukti-bukti yang cukup tidak diperolehi untuk membolehkan tindakan selanjutnya diambil.

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak Pendaftar Syarikat pada masa ini sedang menjalankan penyiasatan ke atas beberapa orang yang disyaki telah melakukan perdagangan dalaman. Walau bagaimanapun, penyiasatan yang dibuat akan mengambil masa oleh kerana banyak dokumen-dokumen yang perlu diteliti dan dikaji. Oleh yang demikian, saya tidak dapat menyatakan keputusan penyiasatan ini. Berhubung dengan sejauh manakah perdagangan dalaman ini akan mencetuskan BSKL, adalah jelas sekiranya dibiarkan ianya akan melemahkan kepercayaan umum dan antarabangsa kepada pergangan di BSKL. Oleh itu, hasrat Kerajaan untuk mengadakan satu bursa saham yang teratur, terbuka, saksama dan berwibawa mungkin tidak akan tercapai.

Ingin saya menegaskan sekali lagi bahawa pihak-pihak berkuasa berkenaan akan sentiasa mengawasi dengan rapi dan terus mengambil tindakan ke atas sebarang penyelewengan dan amalan-amalan yang tidak sihat ini. Antara langkah-langkah kawalan dan perlindungan yang diambil bagi

mencegah berlakunya perdagangan dalam adalah:

- (i) menjalankan pemeriksaan dari masa ke semasa ke atas syarikat broker saham, lerutamanya ke atas perniagaan-perniagaan sekuriti yang dijalankan olehnya;
- (ii) mengadakan pengawasan rapi terhadap pasaran sekuriti;
- (iii) memastikan pcruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965, Kod Malaysia mengenai Pengambilalih dan Percantuman 1987 dan Kehendak-kehendak Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur, dengan ini, "KLSE Listing Requirements" berhubung pendedahan maklumlah kepada orang ramai sentiasa dipatuhi.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah benar bahawa tidak ada kes sampai sekarang ini perdagangan dalam dikesankan dan dibawa ke Mahkamah, bukan olch kerana undang-undang dan peraturan-peraturan yang ketat tetapi oleh kerana tidak ada keupayaan pihak Kementerian untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap perbuatan ini. Bukankah tadi ada disebutkan oleh Yang Berhormat, kes insider trading Multi-Purpose Holdings, dalam siasatan ini Pendaftar Syarikat atau Registrar Companies dalam siasatannya, khususnya mengenai kes "Chua Ma Yu" adalah diganggu oleh Peguam Negara dan apa sebenarnya yang berlaku dalam kes ini. Akhirnya, bukankah Yang Berhormat sedar bahawa rakyat jelata tidak percaya bahawa Kerajaanjujuruniukmembateras masalah perdagangan dalam oleh kerana dalam pandangan mereka bagaimana Kerajaan boleh membanieras masalah ini apabila dalam negara ini "insider trader" yang ulama adalah dalam pucuk pimpinan tertinggi Barisan Nasional. *(Tepuk)*

Dato* Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Seperti yang saya sebutkan dalam jawapan asal tadi, perdagangan

dalam ini adalah sangat sukar dikesan dan dibuktikan melaman kita mendapat kerjasama yang sangat rapat daripada mereka yang terlibat. Walau bagaimanapun, kita meneruskan siasatan dan kalau kita mendapat bukti yang nyata kita akan mengambil tindakan mengikut undang-undang dan peraturan seperti yang kita lctapkan. Perdagangan dalam ini bukan sahaja berlaku di tempat kita, malahan di seluruh dunia dan ianya juga sukar dikesan dan diambil tindakan.

Berkenaan dengan tuduhan daripada Yang Berhormat Keiua Pembangkang mengalakan pucuk pimpinan, itu adalah hanya tuduhan dan kalau Yang Berhormat ada bukti yang nyata dan jelas, sila kemukakan perkara itu sebagai tuduhan dan sebagainya dan kita akan menyiasat. Dan Kerajaan Barisan Nasional ada bukti yang nyata, kita mengambil tindakan kepada semua pemimpin, baik ianya Menteri ataupun Menteri Besar seperti yang lelah dibuktikan oleh rekod kita. Kita tidak menyimpan sesiapa yang bersalah dalam apa juga kesalahan yang telah dibuktikan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan lambahan. Adakah benar Yang Berhormat selain MPH, Time Industrial, UEM sedang disiasat oleh pihak Kerajaan untuk memastikan bahawa perdagangan dalam tidak berlaku dan adakah kerana kecuaian dari dalam Kementerian Kewangan untuk mengawaiseliaan perdagangan seperti ini misalnya dengan UEM.UEM dimiliki oleh UMNO Baru. Kalau begitu.mengapa tidak dapat dicegahkan daripada punca lagi. Apakah sebabnya?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dilaporkan oleh akhbar, memang benar beberapa syarikat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu dalam penyiasatan oleh Pendaftar Syarikat.

Berkenaan dengan soalan yang kedua itu, walau sesuatu kesalahan itu berlaku, ia lidak semestinya menggambarkan

bahawa kita lemah dari segi pengawalan. Soal orang hendak buat salah ini, dia tidak kira kita lemah ataupun kuat. Soal mereka hendak buat salah adalah soal diri masing-masing. Mereka mungkin nampak ada peluang, tidak amanah, mereka buat salah. Tetapi kalau orang buat salah tidak menunjukkan kelemahan kita. Apa yang kita boleh buat ialah sesiapa yang melanggar peraturan-peraturan, kita akan mengambil tindakan jika terdapat bukti yang nyata berkenaan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat sedikit pembetulan iaitu dua perkataan yang terakhir "dan ini" dihapuskan. Soalan yang ke 6.

MALAYSIA BERSATU

6. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan Kerajaan beri melahirkan "MALAYSIA BERSATU" di dalam negara yang berbilang kaum dan agama seperti negara kita, apakah halangan-halangan ulama yang dihadapi sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mempunyai rancangan dalam berbagai bidang untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini. Rancangan ini telah wujud semenjak negara merdeka dan Malaysia ditubuhkan dan telah dipertingkatkan dari masa kesemasa. Rancangan Kerajaan termasuklah program dalam bidang Bahasa Kebangsaan, pendidikan, penerangan, kebudayaan dan sukan. Memanglah dalam apa jua rancangan kita, apalah lagi dalam rancangan yang begitu kompleks seperti memupuk perpaduan negara, kita akan menghadapi berbagai masalah.

Masalah tersebut termasuklah masalah berhubungan dengan sikap rakyat dan perbezaan dalam kedudukan sosio-ekonomi di antara kaum. Sungguhpun demikian, Kerajaan akan terus berusaha memantapkan perpaduan negara dan Kerajaan yakin akan berjaya dengan penyertaan dan komitmen rakyat.

Tuan Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu ketika dahulu, satu slogan telah diheboh-hebohkan oleh pihak-pihak tertentu iaitu slogan Malaysian-Malaysia. Soalan tambahan saya ialah adakah slogan Malaysian Malaysia merupakan satu-satunya faktor utama yang menghalang atau mengganggu gugat perasaan Malaysia Bersatu di kalangan rakyat jelata di negara ini. Jika ia, apakah tindakan Kerajaan untuk membetulkan keadaan, jika tidak, apakah keadaan yang sebenar?

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, slogan Malaysian Malaysia adalah slogan oleh sebuah parti siasah. Dan yang sebenarnya yang menghalang dari segi perpaduan masyarakat atau perpaduan kaum di negara ini adalah kegagalan mencapai Dasar Ekonomi Baru dan pemupukan terdapatnya prasangka kaum dan racial stereotype yang masih berleluasa di negara ini. Inilah tiga faktor yang dapat saya kemukakan, yang boleh menghalang tercapainya perpaduan kaum di negara ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tidak dengar satu faktor disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu faktor polarisasi perantau ataupun regional polarisation di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Maka adalah jelas sekarang anti-Federal feeling pun sedikit bergerak di Negeri Sabah sebab PBS menghadapi masalah dengan UMNO Baru serta Semangat Ngap Sayot di Negeri Sarawak untuk menentang atau apa-apa yang dinampakkan sebagai hakisan hak-hak

mereka di bawah sistem Persekutuan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya, adakah pihak Kerajaan telah menjalankan satu kajian untuk menentukan sama ada UMNO Baru sendiri, pemimpin-pemimpin UMNO Baru sendiri bertanggungjawab kepada masalah perkauman di negara kita, sebab dasar-dasar dijalankan oleh UMNO Baru, sebab kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin UMNO Baru dan sebagainya. Minta jawab.

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tuduhan pemimpin-pemimpin UMNO Baru yang boleh menyebabkan tidak tercapainya perpaduan kaum di negara ini, bercanggah dengan perbuahan pemimpin-pemimpin UMNO Baru seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat. Pemimpin-pemimpin UMNO Barulah yang menjalankan dasar Kerajaan untuk memupuk perpaduan kerana dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah Dasar yang dibuat bersama-menerusi pemimpin-pemimpin UMNO Baru yang berada dalam Kerajaan. Jadi, saya suka hendak sangkal dan menafikan tuduhan ini.

Dan berkaitan dengan polarisasi regional yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, soal perpaduan kaum ini tanggungjawab semua pihak, semua rakyat. Dan di mana negeri pun terdapat di negara ini. Kalau masyarakat-masyarakat tertentu, kaum-kaum tertentu atau parti-parti siasah tertentu di dalam mana-mana negeri, cuba untuk memecah-belahkan rakyat, mewujudkan polarisasi ini maka sukar untuk Kerajaan melahir dan memperkukuhkan lagi perpaduan di negara ini.

TELEFON MARS

7. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos

menyatakan:

- (a) bilakah perkhidmatan telefon MARS di kawasan Kg. Tamu Darat dan Kg. Ratau, Kota Belud akan dapat diperbaiki, memandangkan ianya telah rosak sejak awal bulan Oktober tahun lalu; dan
- (b) mengapakah dalam masa telefon tersebut tidak dapat digunakan kerana rosak namun bil tuntutan bagi "metered call" masih berterusan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

- (a) Perkhidmatan telefon di kawasan Kg. Tamu Darat dan Kg. Ratau, Kota Belud yang disediakan melalui sistem MARS (Multi access radio system), dengan izin, telah diperbaiki dan dipulih perkhidmatannya pada 16hb Pebruari, 1990. Perkhidmatan telefon di kawasan berkenaan telah tergendala semenjak 20hb Oktober, 1989 oleh kerana hampir semua peralatan termasuk antenna, kabinet peralatan serta kad-kad sistem telah terbakar akibat disambar petir pada tarikh berkenaan.

. Kelambatan membaik-pulih kerosakan ini adalah disebabkan oleh ketiadaan alat ganti di mana keseluruhan peralatan sistem berkenaan terpaksa diganti dengan peralatan baru dan ia memakan masa untuk mendapatkannya.

- (b) Mengenai aduan adanya tuntutan "Metered Calls" semasa kerosakan berkenaan berlaku, saya telah diberi pengesahan oleh pihak STM bahawa dalam siasatan mereka, ini tidak berlaku.

Kemungkinan bil tuntutan tersebut adalah bagi masa sebelum

kerosakan berkenaan berlaku, dan pelanggan boleh merujuk perkara ini sekiranya ada berlaku kepada Kedai Telekom seperti biasa walaupun terus kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, selalunya kila dengar dan kita membuat aduan terhadap bil telefon yang lebih banyak daripada biasanya dan tiap-tiap kali aduan-aduan dibuat dan dapat jawapan selepas siasatan didapati bahawa bil-bil tersebut adalah teratur, betul. Dan saya hendak minta Setiausaha Parlimen, sehingga hari ini sejak telefon telah diswastakan beberapa aduan dapat ditentukan di mana aduan itu adalah benar dan adalah kelalaian atau kesilapan atau kerosakan komputer ataupun salah cetak oleh STM.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka yang tepat untuk mengenalpasti aduan-aduan meter yang berlebihan dengan panggilan-panggilan yang dibuat oleh pelanggan-pelanggan STM, tetapi setakat yang saya tahu aduan-aduan berkenaan bil yang berlebihan tidak sampai 1% dalam bilangan pelanggan STM. Dari 1% aduan ini hanya segelintir sahaja, tidak sampai 0.001% yang terdapat adanya kesilapan alat ataupun adanyakcsilapan kemasukan akaun. Walau bagaimanapun, sejak penswasaan ataupun corporatisation of STM, dengan izin, STM telah cuba mengatasi soal aduan ini mcmakai satu sistem yang dipanggil "detail bill system", Dengan detail bill system ini kila dapat tahu pada masa apa, pada tarikh apa kita buat panggilan kepada sesiapa. Sekiranya ada kesilapan dalam bil itu kila dapat buktikan dengan bil detail itu.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang saya akui benar bahawa telefon yang dimaksudkan tadi itu telah dibaikpulih pada 16hb Februari. Semasa dalam kerja pembaikan, salah seorang di kawasan itu telah berianya kepada pegawai berkenaan kenapa sekarang baru dibaikpulih?

Katanya, oleh sebab perkara ini sudah sampai di Parlimen. Jadi, adakah ianya disebabkan perkara ini sudah dibawa ke Parlimen barulah tindakan diambil untuk memperbaikinya? *(Ketawa)*

Yang kedua, mungkin saya bersetuju bahawa tidak ada bayaran tuntutan untuk "metered calls" ataupun mungkin walaupun ada, yang dikenakan sebelum itu. Di sini saya ingin bertanya pula tentang sewa (rental) semasa telefon itu di dalam kerosakan. Adakah sesuai dikenakan rental semasa telefon-telefon tadi itu tidak berfungsi, dalam erti kata yang lain, semasa tanya rosak?

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jawapan oleh pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja tertentu itu yang mengatakan stesen ini diperbaiki kerana soalan ini telah dibawa kepada Parlimen, saya tidak ada informasi berkenaan dengan perkara ini. Walau bagaimanapun, mungkin ini adalah satu jawapan oleh pegawai-pegawai rendah ataupun pekerja-pekerja bukan dengan sikap yang serius. Saya diberitahu kelambatan untuk memperbaiki stesen berkenaan itu ialah kerana kelambatan menerima peralatan yang digunakan untuk mengganti peralatan di stesen tersebut.

Berkenaan dengan sewa (rental), adakah sewa (rental) dikenakan semasa telefon itu rosak, jawapannya dikenakan kerana sejauh yang saya tahu, kebanyakan kerosakan ini telah dibaiki dalam masa 24 jam ataupun 48 jam. Boleh dikatakan kebanyakannya diperbaiki dalam masa 7 jam dari masa kerosakan dan hanya segelintir ataupun sedikit sahaja daripada kerosakan itu diperbaiki dalam masa 48 jam. Jadi, dengan jawapan itu saya ingat tidak

Tuan Maidom P. Pansai: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang 6 bulan!

Tuan Maidom P. Pansai: Ya, hampir 5 bulan ini, sejak daripada Oktober hingga sekarang, 16hb Februari.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada perkara-perkara seperti ini saya harap Yang Berhormat itu akan kemukakan perkara ini kepada STMB ataupun kepada Jabatan Telekom. Kita tentu akan siasat perkara ini. *(Ketawa)*

PARTI KOMUNIS MALAYA— PERJANJIAN PENAMATAN

8. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah syarat-syarat dan jadual pengunduran anggota-anggota Parti Komunis Malaya (PKM) daripada kubu-kubu di hutan belantara negara ini terutamanya di sempadan Malaysia-Thai. Adakah benar tuduhan oleh setengah-setengah pihak yang mengatakan kononnya pihak Kerajaan akan memberi ganjaran kepada anggota-anggota PKM apabila mereka keluar dari hutan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat yang dipersetujui dalam perjanjian penamatan kegiatan bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM) yang dimeterai pada 2hb Disember, 1989 lalu adalah:

- (i) PKM akan menamatkan sama sekali semua kegiatan bersenjataanya;
- (ii) PKM akan membubarkan semua unit-unit bersenjataanya;
- (iii) PKM akan memusnahkan semua senjata, peluru, bahan letupan dan jerangkap samarnya di Malaysia dan di Thailand;
- (iv) anggota-anggota PKM yang berhasrat untuk kembali atau menetap ke negara ini dibenarkan membuat permohonan dan akan diproses mengikut kehendak undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu negara ini.

Mengikut persetujuan yang dicapai dalam perjanjian tersebut semua unit-unit bersenjata PKM yang kini berada di hutan Thailand telah pun meletakkan senjata dan keluar dari pengkalan-pengkalan mereka serta dilempatkan di empat buah Kampung Aman di Selatan Thailand di mana mereka dikawal oleh pihak berkuasa Thai.

Adalah tidak benar pihak Kerajaan akan memberi apa-apa bentuk ganjaran kepada anggota-anggota PKM apabila mereka keluar dari hutan sepertimana yang ditohmahkan oleh setengah-setengah pihak tertentu.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah anggota-anggota nanti bebas untuk menganggotai mana-mana badan politik yang ada di tanahair ini?

Keduanya, apakah langkah-langkah dan kemungkinan anggota-anggota nanti yang menganggotai mana-mana badan politik, terutama yang kecewa akan membawa arus penentangan melalui badan-badan politik tertentu. Kalau ada, apakah langkah persediaan daripada pihak Kerajaan atau Kementerian?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya nyatakan tadi bahawa kepulangan mereka mestilah mengikut proses dan kehendak undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu negara ini, itu baru hendak balik ke negara ini. Dengan sebab itu tidak ada timbul masalah adakah mereka memasuki badan politik atau tidak, ini akan ditentukan dengan keadaan-keadaan semasa mereka telah menjalani segala kehendak-kehendak undang-undang. Jadi, dengan sebab itu perkara kedua tidak akan timbul.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adalah terlalu anih apabila mendengar jawapan daripada Timbalan Menteri mengatakan tidak ada ganjaran yang diberi kepada

pihak PKM sesudah mencapai persetujuan dengan Kerajaan Malaysia, manakala PKM bersetuju kepada beberapa syarat yang telah dikenakan oleh Kerajaan Malaysia. Saya ingin bertanya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengikut dakwaan daripada akhbar-akhbar yang diterbitkan di Bangkok ataupun Thailand, antara lain, bahawasanya syarat yang dipersetujui iaitu mereka bebas pulang. Memang benar mereka bebas pulang mengikut proses-proses tertentu, tetapi sudah barang tentu mereka tidak dikenakan tindakan seperti ISA ataupun dibicarakan dalam mahkamah terbuka sebagai jenayah perang

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila bertanya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, bermakna bukannya itu sebagai satu syarat ganjaran yang telah diberi kepada anggota komunis PKM yang bermaharajalela dalam negara kita selama ini? Bukankah itu satu syarat yang begitu besar yang diberi kepada pihak PKM?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya nyatakan tadi, keempat-empat perkara itulah yang telah dimeterai pada 2hb Disember, 1989 - tidak ada tambahan lain. Jadi, tidak timbul perkara mereka akan bebas kembali, kerana apa yang tercatat dalam Perkara 4 bahawa mereka terpaksa mengikuti kehendak undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu sepertimana yang seringkali kita lakukan kepada ahli-ahli PKM yang menyerah diri di negara ini.

INFLASI—KADAR

19. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah kadar inflasi negara semenjak 10 tahun kebelakangan ini;
- (b) adakah kadar tersebut lebih tinggi atau rendah berbanding dengan

negara-negara ASEAN dan Latin Amerika yang lain pada tempoh yang sama; dan

- (c) apakah strategi yang akan diambil untuk mengurangkan kadar inflasi negara.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Purata kadar inflasi negara semenjak 10 tahun kebelakangan ialah 3.7 peratus.
- (b) Kadar tersebut adalah rendah jika dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara ASEAN dan Latin Amerika pada tempoh yang sama. Di antara negara-negara ASEAN hanya Singapura yang menunjukkan kadar inflasi yang lebih rendah berbanding dengan Malaysia. Lain-lain negara ASEAN telah mengalami kadar inflasi yang lebih tinggi berbanding dengan Malaysia. Misalnya, purata kadar inflasi di Indonesia dalam 10 tahun kebelakangan ini adalah 9.3%, di Filipina kadar ialah 15% dan di Negri Thai kadar ialah 5.8%, berbanding dengan 3.7% di Malaysia. Di negeri-negeri Latin Amerika, kadar inflasi adalah lebih tinggi, misalnya, kadar inflasi di Latin Amerika dalam 10 tahun kebelakangan ini ialah 1,133%.
- (c) Strategi yang akan diambil untuk mengurangkan kadar inflasi termasuklah dasar fiskal dan kewangan yang berhati-hati. Pihak Kerajaan akan terus mengawal perbelanjaan sektor awam supaya tekanan atas harga tidak bertambah. Di samping itu, dasar kewangan akan dilaksanakan supaya jumlah sumber kewangan adalah mencukupi untuk membiayai kegiatan-kegiatan yang produktif dan pada

masa yang sama tidak meningkatkan tekanan inflasi. Dasar-dasar untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negeri dan pembangunan industri-industri kecil dan sederhana juga akan digalakkan oleh Kerajaan untuk mengurangkan tekanan atas pengeluaran tempatan.

Dengan pelaksanaan dasar-dasar ini, walaupun jangkaan awal bahawa kadar inflasi bagi tahun 1989 ialah 4.0%, kadar yang sebenarnya ialah 2.8% akibat dari dasar-dasar yang dapai membendung peningkatan harga.

Tuan Chew Kam Hoy: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauhmanakah kelemahan nilai ringgit telah menyumbangkan kepada kenaikan kadar inflasi? Soalan kedua, saya ingin tahu juga adakah Kementerian beliau menganggap inflasi yang tinggi sebagai satu cabaran, satu kesempatan untuk mempertingkatkan lagi usaha negara kita membina industri tempatan dengan tujuan mengantikan barangan import?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bahagian soalan yang perlama itu, berbagai-bagai faktor telah menyumbangkan kepada kadar inflasi kita lebih tinggi pada masa yang lalu termasuk jugalah seperti yang disebut kadar pertukaran asing kita.

Bagi bahagian yang kedua, iaitu soal apakah pandangan saya. Pandangan tentang perkara ini berbeza-beza. Banyak cara kita melihat tentang inflasi ini dari berbagai sudut. Maka oleh sebab itu, terpulang kepada bagaimana kita memandang inflasi itu, ianya boleh menjadi baik kepada negara, dalam keadaan yang kita dapat control ataupun dapat kita kawal. Kalau inflasi terlalu tinggi, yang menyebabkan produktiviti yang tidak dapat menyaingi kadar inflasi, maka ianya akan buruk pada negara kita.

PROJEK PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN (KESBAN)

10. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil setakat ini untuk membangunkan kawasan-kawasan yang dahulunya dikategorikan sebagai kawasan hitgm alau kawasan keselamatan dan apakah bentuk-bentuk pembangunan ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus melaksanakan sena meningkatkan pelaksanaan semua projek pembangunan yang telah dirancang di kawasan-kawasan yang berkenaan tertutamanya projek-projek yang dikenalpasti di bawah pelaksanaan Projek Pembangunan dan Keselamatan (KESBAN). Projek-projek Jni telahpun dilaksanakan sejak akhir tahun 1981 lagi yang bermaksud untuk meningkatkan tahap pembangunan sosio-ekonomi seria keseiamalan masyarakatdi kawasan yang berkenaan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dijawab oleh Timbalan Menteri tadi, projek-projek di dalam KESBAN telah dilakukan. Tetapi projek-projek KESBAN adalah projek secara line agency. Yang saya maksud ini adalah secara pembangunan, secara mengikut "area development" seperti pembangunan PELDA ataupun PELCRA. Soalart saya di sini, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan sedar bahawa di kebanyakan kawasan-kawasan hitam ini wujud tanah-tanah yang dimiliki oleh penduduk-penduduk yang dipaksa pindah di masa darural dahulu oleh Kerajaan colonial dan di mana rumah-rumah mereka dtbakar, tanaman-tanaman mereka dibinasakan dan juga biantang ternakan mereka disembelih untuk menghalang pasukan komunis mendapatkanya. Soalan saya yang kedua ialah adakah Kerajaan akan mewujudkan sekadar segera satu unit khas untuk mengatasi dan menolong penduduk-penduduk yang terbuang ini, yang

kebanyakannya hidup melarat di kawasan-kawasan pulih yang berhampiran di situ dan yang mana bidang tugas unit khas ataupun pasukan peugas ini ialah memberi pampasan dan juga memberi balik tanah-tanah mereka melalui rancangan pembangunan seperti FELCRA ataupun FELDA?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, sepertimana yang kita tahu bahawa kawasan tersebut masih lagi merupakan kawasan yang bahaya oleh kerana masih lagi ada banyak jerakap-jerakap samar yang mesti dimusnahkan dan kedua-dua pihak diperlukan yang telah dimeterai dalam perjanjian dengan PKM, akan menyelesaikan perkara ini dengan secepat mungkin. Yang kedua, Kerajaan juga mesti memastikan bahawa sesiapa sahaja yang memasuki kawasan ini mestilah mendapat kebenaran daripada pihak-pihak yang tertentu agar tidak berlaku, misalnya, mencuri kayu balak dan menanam atau menggunakan tanah-tanah di situ dengan sewenang-wenangnya. Jadi, perkara ini sedang dalam kajian serius oleh pihak Kerajaan dan kita juga sedia maklum bahawa peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kelima bagi KESBAN yang bernilai \$397 juta masih lagi belum selesai dibelanjakan dan sektor sosial sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi adalah bernilai \$34 juta yang mungkin dapat menyelesaikan masalah-masalah yang ditimbulkan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Soal Jawab Mulut selesai.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 61 akan dimasukkan dalam naskah bercetak kelak)

PROTON SAGA—JUALAN

11. Tuan Haji Mohd Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah keupayaan

Kilang Proton Saga sekarang dapat mengeluarkan motor Proton Saga berikutan dengan permintaan yang sungguh menggalakkan dari negara sahabat pada masa kebelakangan ini. Apakah sebarang usaha yang telah diadakan oleh pihak EON sama ada menambah pekerja, menambah bekerja masa atau seumpamanya bagi memenuhi permintaan ini dengan menyatakan:

- (a) bilangan yang telah dijual setakat ini kepada negara-negara luar dan juga yang telah dijual dalam negeri; dan
- (b) bilangan yang telah dipesan oleh beberapa negara luar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud):

- (a) Berikutan dari permintaan yang menggalakkan, PROTON telah meningkatkan pengeluarannya daripada 40,000 unit setahun kepada 80,000 unit setahun dengan melaksanakan kerja dua shift. Langkah ini telah dijalankan mulai bulan Ogos 1989.
- (b) Sehingga akhir Disember 1989, sebanyak 164,633 unit Proton Saga telah dijual. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 151,447 unit atau 92% dijual di Pasaran dalam negeri, manakala 13,186 unit atau 8% lagi dieksport.
- (c) Bagi tahun 1990 ini, PROTON menjangka dapat mengeksport sebanyak kira-kira 14,000 unit Proton Saga, Walau bagaimanapun perangkaan mengenai bilangan kenderaan Proton Saga yang telah ditempah oleh negara-negara asing tidak dapat dinyatakan memandangkan ianya adalah rahsia syarikat.

PULAU JEREJAK— MEMINDAHKAN

12. Tuan Teok Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 25-11-3989, satu usul yang meminta pihak Kerajaan Pusat memindahkan pusat tahunan di Pulau Jerejak ke satu tempat yang lain, supaya membolehkan pulau itu dipulangkan kepada Negeri Pulau Pinang bagi dimajukan oleh negeri ini menjadikan pulau ini sebagai pusat ekonomi dan pelancongan dan usul ini telah disokong sepenuhnya oleh kedua-dua parti pemerintah dan parti pembangkang dan diluluskan. Jika ya, sama ada pihak Kerajaan Pusat ada menerima permintaan dari pihak Kerajaan Negeri supaya memulangkan Pulau Jerejak. Jika ya, bilakah permintaan tersebut dibuat dan adakah pihak Kerajaan Pusat bersetuju dengan permintaan ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan Pusat menyedari bahawa ada permohonan dari Kerajaan Negeri untuk membangunkan Pulau Jerejak sebagai pusat ekonomi dan pelancongan. Pada masa ini Kerajaan Pusat sedang menimbangkan permohonan Kerajaan Negeri itu.

PERLARIAN/PENDATANG HARAM DI SABAH

13. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan disebabkan tugas Pasukan Petugas Mengenai Pelarian-Pelarian dan Pendatang-Pendatang Haram telah diperluaskan ke Sabah, apakah pencapaian ketara yang dicapai olehnya sehingga kini; bukannya benar semenjak tugas Pasukan Petugas diperluaskan ke Sabah keadaan di Sabah bertambah buruk dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pasukan Petugas Khas Persekutuan Mengenai Pendatang Luar Negeri di Sabah dan Wilayah Persekutuan merupakan sebuah agensi yang baru sahaja ditubuhkan, khas untuk negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, Sebelum ini tidak ada badan Persekutuan yang dipertanggungjawabkan khusus mengenai perkara tersebut. Oleh itu kurang benar untuk menyatakan bahawa tugas Pasukan Petugas diperluaskan ke Sabah.

Sebagai sebuah agensi yang baru, program serta gerak tindak yang dirancangan akan mengambil masa untuk dirasai keberkesannya. Lebih-lebih lagi masalah yang berhubung dengan Pendatang Luar Negeri di Sabah telah wujud semenjak 18 tahun dahulu. Masalah Pendatang Luar Negeri di Sabah adalah rumit dan memerlukan usaha serta perancangan yang rapi untuk mengendalikannya. Meskipun begitu, Pasukan ini telahpun mula bergerak ke arah menyelesaikan masalah ini. Gerakan-gerakan penangkapan dan pengusiran oleh pihak-pihak penguatkuasa di Sabah telah dipertingkatkan. Bagi tahun 1989, sejumlah 18,372 Pendatang Luar Negeri telah ditangkap oleh pihak Polis dan Imigresen dan seramai 12,393 orang telah diusir keluar balik ke negara masing-masing. Pasukan Petugas Khas juga telah menyelesaikan masalah Pendatang Haram yang menjadi mangsa kebakaran di Tawau bulan September 1989 dahulu. Semua Pendatang Haram berjumlah 112 orang yang menumpang di Pusat Tenaga Imigresen Sabah dan Bangunan Bulan Sabit Merah di Tawau telah dihantar balik ke negara asal mereka dalam bulan Januari 1990.

Dengan mengambilkira situasi dan keadaan yang telah sedia ada mengenai masalah Pendatang Luar Negeri di Sabah semenjak 18 tahun dahulu, adalah kurang benar bagi menyatakan bahawa keadaan itu telah bertambah buruk semenjak adanya Pasukan Petugas Khas di Sabah. Jika penangkapan jenayah bagi tahun 1989 diambil sebagai satu "yard-stick",

adalah didapati bahawa situasi yang buruk sudah mulai menjadi baik. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, jumlah kes jenayah yang dilakukan oleh Pendatang-Pendatang Luar Negeri dalam tahun 1989 ialah 760, dibandingkan dengan 2,281 kes jenayah bagi tahun 1988.

Walau bagaimanapun, adalah diakui bahawa banyak lagi usaha-usaha yang perlu dilancarkan dan dipertingkatkan bagi menyelesaikan masalah Pendatang Luar Negeri di Sabah dan Wilayah Persekutuan secara komprehensif. Segala gerak tindak yang dirancang oleh Pasukan Petugas Khas adalah menuju ke arah maklumat ini.

Y.B. ENCIK ADENAN SATEM— KENYATAAN SENSITIF

14. Dr Nicholas Munong Ibau minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah siasatan telah siap dibuat terhadap laporan Polis No. 10134/88 Kuching yang dilaporkan oleh Parii Bangsa Dayak Sarawak di Balai Polis Kuching pada 27-12-1988 mengenai ucapan Y.B. Encik Adenan Salem, Menteri Tanah Negeri Sarawak dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 28-11-1988 yang menyentuh perasan marah dan sensitif bagi kaum Iban di Sarawak.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Siasatan ke atas laporan Polis No. 10134/88 yang dibuat di Balai Polis Kuching mengenai ucapan Y.B. Encik Adenan Saïem di Dewan Undangan Negeri Sarawak telah selesai dan sekarang ini sedang menunggu keputusan dari Peguam Kanan Persekutuan Sarawak.

PERISYTIHARAN LANGKAWI DENGAN MASALAH ALAM SEKITAR

15. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Sains, Teknologi

dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang diatur untuk jangka pendek dan jangka panjang bagi melaksanakan kehendak "Perisytiharan Langkawi" yang diputuskan oleh CHOGM berhubung dengan masalah alam sekitar;
- (b) sejauhmana langkah mengeluarkan kayu balak dan lain-lain hasil hutan dilakukan secara liberal oleh Kerajaan Barisan Nasional memberi kesan kepada suasana persekitaran dan sejauhmana pula dasar pengeluaran kayu-kayan itu dapat disesuaikan dengan kehendak Perisytiharan Langkawi itu;
- (c) berikutan dengan minat Kerajaan untuk meluaskan sektor industri perkilangan maka apakah langkah untuk mengimbangi masalah pencemaran supaya masalah yang dihadapi oleh negara-negara perindustrian tidak menjadi masalah pula kepada negara ini; dan
- (d) bagaimana keputusan CHOGM berhubung dengan alam sekitar tadi dapat dilaksanakan di rantau ASEAN termasuk membersihkan rantau ini dari dijadikan tempat membuang sisa radio aktif atau toksid.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):

- (a) Kerajaan bukan sahaja serius dalam merangka Deklarasi Langkawi ini bahkan juga telahpun melaksanakannya. Kerajaan sedang giat berusaha supaya semua agensi Kerajaan serta orang awam sedar akan implikasi deklarasi ini. Deklarasi ini juga akan diumumkan di forum-forum atau mesyuarat-mesyuarat untuk makluman dan penerimaan.

Untuk jangka panjang, faktor-faktor alam sekitar akan diambil kira dalam semua kegiatan termasuk pembangunan industri dan kemajuan tanah. Seterusnya semua agensi Kerajaan telah diarahkan melalui Pekeliling Bil. 3 Tahun 1989 supaya mengambil kira faktor-faktor alam sekitar tersebut dalam persediaan Rancangan Malaysia Keenam. Begitu juga semua aktiviti-aktiviti swasta dan agensi pembangunan Kerajaan yang telah ditetapkan adalah dikehendaki untuk menjalankan kajian EIA. Selain daripada itu, Kerajaan telahpun menubuhkan urus-tia di Kementerian Luar Negeri untuk menentukan semua resolusi dilaksanakan dengan berkesannya.

- (b) Jika perkataan "liberal" yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bermaksud tanpa kawalan, itu adalah tidak benar. Bagi semua lesen pembalakan, syarat-syarat dikenakan mengikut peraturan-peraturan tertentu, satu daripadanya ialah berdasarkan prinsip pengurusan perhutanan berterusan atau "sustainable forestry management principle". Ini adalah selaras dengan pelan tindakan alam sekitar terkandung di dalam Deklarasi Langkawi, iaitu usahasama negara-negara membangun dipergiatkan dalam bidang pengurusan perhutanan, perkilangan dan pengeksportan hasil hutan yang mempunyai nilai tambahan.
- (c) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengimbangi masalah pencemaran sektor perindustrian ialah melalui rancangan dan kelulusan penempatan industri-industri dengan mengambil kira faktor-faktor alam sekitar, termasuk pemasangan alat-alat untuk mengelak

pencemaran alam sekitar. Di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 setiap aktiviti perindustrian yang berpotensi mencemar dikehendaki menjalankan satu kajian kesan alam sekitar sebelum projek industri dapat diluluskan.

- (d) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat keputusan CHOGM berhubung dengan alam sekitar dapat disalurkan melalui Mesyuarat Pegawai Kanan Alam Sekitar ASEAN dan Mesyuarat Menteri ASEAN yang bertanggungjawab ke atas hal-ehwal Alam Sekitar dan juga forum dan persidangan serantau yang lain.

Mengenai pencegahan pembangunan sisa buangan berbahaya serta menentukan bahawa pembuangan sisa berasal dari negara-negara maju tidak berlaku di negara-negara membangun, kawalan boleh dilaksanakan melalui program dan aktiviti kerjasama antara anggota ASEAN. Dalam hal ini juga, matlamat ini boleh dicapai sekiranya satu perjanjian antarabangsa mengawal penggerakan buangan berbahaya luar sempadan iaitu Konvensyen Basel dapat diterima oleh semua negara termasuk ASEAN.

RADIO BASE STATION DI KUDAT

16. Tuan Joe Ojihi Supiring minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) mengapa permohonan Masyarakat Kudat ke atas Installation (RBS) Radio Base Station di daerah ini belum diselenggarakan. Sedangkan Kerajaan melalui jawapan Kementerian kepada soalan saya dalam Parlimen tahun 1989 telah berjanji untuk menyiapkan pemasangan alat tersebut dalam bulan Jun, 1989; dan

- (b) masyarakat disepanjang jalan besar Tajau-Loro Besar Tajau-Loro Besar, Tiga Papan dan Suangpai telah pun mengemukakan rayuan setiap tahun, supaya talian tenaga dapat dipanjangkan/dibekalkan dalam kawasan ini. Bilakah Kementerian dapat menunaikan hasrat masyarakat ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Adalah tidak dinafikan bahawa pihak Syarikat Telekom Malaysia telah berjanji untuk memasang sebuah Stesyen Induk (Radio Base Station) di kawasan Kudat untuk meningkat mutu perkhidmatan ATUR kepada pengguna yang pesat bcrambah di kawasan itu.

Pihak Syarikat Telekom memang telah merancang untuk memulakan operasi stesyen itu dalam bulan Ogos, 1989, tetapi malangnya oleh kerana pcralaian yang dipesan dalam bulan Januari, 1989 telah lambat diterima, perlaksanaannya telah terpaksa ditangguhkan. Alat-alat berkenaan hanya baru diterima dalam bulan Disember, 1989.

Di sini suka saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kerja-kerja pemasangan alat-alat di stesyen berkenaan akan mula dijalankan minggu pertama bulan Mac ini, dan dijangka stesyen itu akan mula beroperasi pada akhir bulan itu juga.

- (b) Mengenai soalan bahagian bekalan elektrik untuk kawasan Loro Besar telah diluluskan di bawah peruntukan tambahan 1989 dan pelaksanaannya akan dijalankan dalam tahun ini.

Manakala untuk kawasan Tiga Papan dan Suangpai, mereka telah pun disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk pertimbangan.

BEKAS PERAJURIT— JAWATANKUASA PEMULIHAN

17. Dato' Zainol Abidin bin Johari minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah beliau berpuashati dengan perjalanan Jawaiankuasa Pemulihan Bekas Perajurit di tiap-tiap negeri.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Pihak Kementerian telah dan sedang berusaha meningkatkan usaha-usaha ke arah memulihkan semula jawatankuasa pemulihan Bekas Perajurit di tiap-tiap negeri demi untuk kebaikan mereka.

Dalam bulan Jun, 1988 Y.B. Menteri Pertahanan telah mencadangkan kepada semua Kerajaan Negeri supaya Jawatankuasa Pemulihan Bekas Perajurit Peringkat Negeri yang pernah diwujudkan dahulu diaktifkan semula. Tujuannya ialah membantu bekas-bekas perajurit mendapatkan peluang-peluang pekerjaan, lesen-lesen gerai perniagaan, kontrak-kontrak dan tanah tapak rumah dan pertanian.

Setakat ini dua buah Kerajaan Negeri telah mengambil semula Jawatankuasa Pemulihan Bekas-Bekas Perajurit Peringkat Negeri, iaitu Negeri Selangor Darul Ehsan dan Negeri Melaka. Sementara negeri-negeri yang lain berpendapat tugas-tugas JPBN boleh dijalankan sendiri oleh Setiausaha Kerajaan Negeri atau salah seorang Pegawai Kanan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Sungguhpun cadangan Y.B. Menteri Periahanan itu tidak dilaksanakan sepenuhnya, pihak Kementerian berpuashati dengan kerjasama yang telah diberikan oleh semua Kerajaan Negeri

dalam membantu dan memperbaiki bekas-bekas perajurit di seluruh negara.

Saya percaya masih banyak lagi ruang bagi Kerajaan-Kerajaan N geri membantu bekas-bekas perajurit untuk menikmati kehidupan yang lebih baik di negeri masing-masing.

AKTA PELAJARAN 1961— DRAF PINDAAN

18. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) perkembangan terbaru berhubung dengan Draf Pindaan Akta Pelajaran 1961 dan bilakah draf itu dikemukakan dalam Dewan Rakyat sebagai Rang Undang-undang untuk perbincangan;
- (b) apakah Draf Pindaan tersebut ini dikelaskan sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi dan tidak dibenarkan untuk pengetahuan umum; jika ya, kenapa; jika tidak, kenapa tidak menghantar satu naskhah draf itu kepada Biro Pendidikan dan Kebudayaan DAP untuk kajian sungguhpun Biro ini telah membuat permohonan kepada beliau;
- (c) kenapa semua parti komponen Barisan Nasional sahaja yang diberi salinan Draf Pindaan tersebut untuk perbincangan; dan
- (d) bolehkah Kerajaan memberi jaminan bahawa Kerajaan akan memberi masa yang mencukupi kepada rakyat untuk membincang sebelum Rang Undang-undang itu dibentangkan dan diluluskan dalam Dewan Rakyat, jika tidak, mengapa.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Rang Undang-undang Pendidikan yang baru itu akan dibentangkan di Dewan Rakyat setelah semua

pihak yang dipertanggungjawabkan mengikut peraturan untuk meneliti draf Rang Undang-undang itu memberi ulasan serta persetujuan mereka dan setelah Kementerian Pendidikan berpuashati Rang Undang-undang tersebut dapat mencapai matlamatnya.

- (b) Perkara-perkara yang diberi tumpuan dalam penggubalan Akta Pendidikan yang baru telah dimaklumkan dengan jelasnya dalam kenyataan-kenyataan akhbar Y.B. Menteri Pendidikan, khususnya dalam kenyataan akhbar pada 23 Oktober, 1988. Semua pihak telah dipelawa untuk mengemukakan pandangan dan cadangan tentang Akta. Pandangan dan cadangan orang ramai dan pertubuhan-pertubuhan awam dan politik telah diperolehi melalui usul dan memorandum yang banyak diterima oleh Kementerian Pendidikan. Oleh kerana perkara-perkara yang diberi tumpuan dalam penggubalan akta baru itu telah diugiumkan serta pihak orang ramai dan pelbagai pertubuhan telah pun mengemukakan pandangan dan cadangan mereka, maka soal untuk memaklumkan perkara tersebut sekali lagi kepada orang ramai, termasuk Biro Pendidikan dan Kebudayaan DAP, tidak timbul pada peringkat ini.
- (c) Cadangan penggubalan itu dipanjangkan kepada ahli-ahli parti komponen Barisan Nasional, yang mewakili semua kaum dan menjadi Ahli Jemaah Menteri oleh kerana, mengikut peraturan, pandangan Jemaah Menteri adalah diperlukan sebelum sesuatu rang undang-undang hendak digubal dan dibentangkan dalam Parlimen.
- (d) Ahli-ahli Yang Berhormat, semua Wakil Rakyat, akan diberi masa yang secukupnya untuk mengkaji draf rang undang-undang

berkenaan apabila dibentangkan dalam Parlimen nanti.

HOTEL DI IBU KOTA— KADAR SEWA BILIK

19. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan bahawa sebahagian besar hotel-hotel di Ibu Kota dan di beberapa buah negeri telah mengambil kesempatan dengan menaikkan sewa bilik di antara 10 hingga 30 peratus sempena Tahun Melawat Malaysia. Adakah hotel-hotel berkenaan mendapat kelulusan dari Kerajaan terlebih dahulu untuk berbuat demikian. Adakah beliau sedar dengan kenaikan itu akan menyulitkan pelanggan-pelanggan tempatan khasnya mereka yang berurusan atau para pegawai kerajaan serta pelancong dalam negeri.

Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Ng Cheng Kuai): Pengusaha-pengusaha hotel tidak perlu mendapat kelulusan atau kebenaran mana-mana pihak atau Kerajaan dalam menaikkan kadar sewa bilik mereka. Kementerian hanya boleh menasibai pengusaha-pengusaha hotel agar mengenakan kadar sewa yang berpalutan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara perbandingan kadar sewa hotel di negara kita adalah di antara termurah jika dibandingkan dengan kadar sewa hotel di negara-negara ASEAN.

PENJARA—KENAIKAN PANGKAT

20. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) faktor yang mempengaruhi kenaikan pangkat dan pemberian tugas di berbagai-bagai cawangan dalam Pasukan Pengawal Penjara;
- (b) sejak kemerdekaan, apakah perubahan-perubahan yang menonjol sekali di segi bertambah rumi dan sofistikatednya tugas-

lugas pengawal penjara negara;

- (c) mengenai permohonan untuk bertugas sebagai pasukan pengawal penjara, apakah trend yang jelas diperlihatkan di antara lempoh masa semasa kemerdekaan dan sekarang, khasnya di segi kelulusan akademik, keperluan latihan sama ada di dalam atau di luar negeri bagi memperolehi kepakaran baru dalam bidang ini dan sebagainya. Silakemukakan di mana sesuai, statistik yang dapat memberi gambaran yang jelas terhadap trend ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Seseorang yang hendak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dalam perkhidmatan penjara mestilah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan terlebih dahulu. Antaranya telah disahkan dalam jawatan dan telah lulus peperiksaan yang disyaratkan. Pemilihan dalam kenaikan pangkat adalah didasarkan kepada kebolehan dan kecakapan seseorang itu, bebas dari apa-apa tindakan tatatertib, kesesuaian untuk jawatan yang hendak diisi dan pegawai-pegawai tersebut dikhendaki menjalani proses temuduga. Faktor kekananan diambil kira apabila kebolehan dan kecakapan seseorang itu sama.
- (b) Sejak kemerdekaan perubahan yang ketara sekali dihadapi oleh Jabatan Penjara ialah terdapatnya berbagai jenis penjenayah termasuklah penjenayah yang terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah, penjenayah kolar putih dan pendatang tanpa izin. Pesalah jenis baru ini memerlukan bentuk kawalan dan pemulihan yang berbeza-beza antara satu sama lain.

(c) Pengambilan pegawai-pegawai penjara pada masa dahulu (Pramerdeka) kebanyakan dipilih berdasarkan atas tubuh badan yang besar dan aktif dalam bidang sukan. Pada masa sekarang pengambilan pegawai-pegawai penjara berdasarkan aspek-aspek kelulusan akademik di samping memiliki kesihatan tubuh badan dan pemilihan dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Kelulusan-kelulusan yang dicitapkan ialah:

- (i) Penguasa Tingkatan Biasa—Ijazah;
- (ii) Pcnolong Penguasa Tingkatan Biasa—Sijil Tinggi Persekolahan atau Diploma; dan
- (iii) Pegawai Pcnjara Tingkatan II—Sijil Rendah Pclajaran.

Setelah dipilih semua pegawai penjara adalah dikehendaki menjalani latihan asas di Pusat Latihan Pegawai Pcnjara atau di Maktab Pegawai Penjara.

KADA—PENANAMAN PADI

21. Tuan Haji Mohamed bin Haji Yaacob meminta Menteri Perikanan menjelaskan kemajuan yang dicapai oleh KADA dalam usaha meningkatkan penanaman padi di kawasan Rantau Panjang dan apakah rancangan KADA untuk para petani di kawasan KADA selain daripada tanaman padi.

Tuan Ong Tin Kim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, luas kawasan sawah yang telah ditanam padi dalam kawasan Parlimen Rantau Panjang ialah 1,798 ha termasuk dalam pengairan KADA dan di luar pengairan KADA

sebagaimana berikut:

<i>Jawatankuasa Pembangunan Unit Peladang (JPUP)</i>	<i>Dalam Pengairan</i>	<i>Luar Pengairan</i>
Tasik Berangan	67 hek.	60 hek.
Jejawi	64hek.	1,085hek.
TokSangkut	18hek.	363 hek.
Chenerai	141 hek.	—
	290 hek.	+ 1,508hek.

Hasil dari projek yang dilaksanakan, padi dapat ditanam lebih dari satu musim dan purata hasil keluaran meningkat kepada 4 tan/ha semusim berbanding dengan kira-kira 3 tan/ha sahaja sebelum projek.

Untuk menambah lagi pendapat petani petani dalam kawasan KADA, KADA juga telah berusaha dengan memberi bantuan-bantuan dan galakan-galakan supaya petani-petani bergiat menanam tanaman-tanaman jangka pendek dan memelihara ternakan dengan kerjasama Jabatan Pertanian dan juga Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri di Kawasan tersebut.

LEBUHRAYA BUKIT KAYU HITAM-GURUN—LALULINTAS

22. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kerjaraya memberi butir-butir lanjut mengenai volume lalulintas di Lebuhraya Baru di Kedah dari Gurun ke Bukit Kayu Hitam, dan sama ada pengaliran lalulintas itu mewajarkan kos tinggi yang ditanggung untuk membinanya.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah lalulintas yang menggunakan lebuhraya Bukit Kayu Hitam ke Gurun untuk tahun 1989 adalah sebanyak lebih kurang 3 juta buah kenderaan.

Walaupun pengaliran lalulintas pada masa sekarang adalah agak rendah, adalah

dijangka pengaliran ini akan meningkat kelak apabila siapnya Lebuhraya Utara-Selatan. Dengan siapnya Lebuhraya Utara-Selatan ini, ianya akan menjadi penyambungan terus ke Jambatan Pulau Pinang alau ke Selatan. Mengcnai kos yang tinggi terlibat untuk pembinaannya, saya perlu menckankan bahawa di dalam merancang pcmbangunan infrastruktur jalan, secara amalan Kerajaan perlulah melihat dari skop yang lebih luas untuk mencntukan ianya membawa manafaat yang menyeluruh khususnya bagi kawasan-kawasan mundur, seperti kawasan-kawasan sempadan dan pendalaman yang kurang membangun. Manafaat tersebut hanya akan dapat dilihat apabila keseluruhan PAKEJ projek lebuhraya utara selatan telah siap nanti.

POEMS OF LU HSUN— MENGHARAMKAN

23. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Dalam Ngeri menyatakan:

- (a) scbab-scbab mengapa Kcrajaan mengharamkan pada 14-2-1989 scbuah buku berjudul "Poems of Lu Hsun" yang diterjemahkan oleh Hung Hsiu Chy;
- (b) Tajuk-tajuk tepat seliap puisi yang lerkandung di dalam buku icrsbut;
- (c) nama penerbit buku tersebut;
- (d) dengan cara apakah buku lersebut memudaratkan ketenteraman awam dan mengancam keselamatan negara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Kcrajaan lelah mcngharamkan buku "Pocms of Lu Hsun" kerana ianya boleh memudaratkan ketenteraman dan keselamatan negara.
- (b) Buku tersebut mcngandungi (42) tajuk puisi seperi di Lampiran "A".

- (c) Nama penerbii buku berkenaan ialah "Joint Publishing Co. Hong Kong Branch 9, Queen Yictoria Street, Hong Kong".
- (d) Buku tersebut didapati mcngandungi puisi-puisi/pantun-pantun yang secara halus menyemarakkan semangat militan dan mengagung-agungkan kekuatan revolusi parti komunis. Ideologi komunisme yang ditonjolkan oleh kesemua puisi buku berkenaan menentang sistem demokrasi yang diamalkan oleh negara ini. Kandungan yang sedcmikian boleh mempengaruhi sebilangan masyarakat Malaysia dan akibalnya akan menimbulkan suasana kctegangan. Oleh itu ia pcrlu diharamkan oleh kerana ianya pasti memudaratkan ketentcraman awam dan keselamatan ncgara.

LAMPIRAN A

POEMS OF LU HSUN

1. Inscription on My Photo (1903)
2. An Elegy on Fan Ai-Nung (July 22, 1912)
3. To Uchiyama (February 1931)
4. In Memory of the Forgotten (Pebruary, 1931)
5. To Mr O.E. Going Back to Japan with Orchids (February 12, 1931)
6. To a Japanese Dramatic Critic (March 5, 1931)
7. Song of ihe Hsiang Spirit (March 5, 1931)
8. An Umtitled Pocm (March 5, 1931)
9. TwoUnititledPoems(June 14,1931)
10. Seeing Mr Hiloshi Masuda off to Japan (December2, 1931)
11. An Untitled Poem (January 23, 1932)
12. An Impromptu Poem (March 31, 1932)
13. To Peng-tse (March 31,1932)

14. Written after the January 28 incident (July 11, 1932)
15. In Mockery of Myself (October 12, 1932)
16. Four Saliric Poems on Some Professors (December 29, 1932)
17. What I Have Heard (December 31, 1932)
18. Reply to a Friend's Irony (December 31, 1932)
19. Two Untitled Poems (December 31, 1932)
20. An Untitled Poems (December 31, 1932)
21. New Year's Day, 1933 (January 26, 1933)
22. To a Japanese Painter (January 26, 1933)
23. Students and Jade Buddha (January 30, 1933)
24. Mourning the Fate of College Students (January 31, 1933)
25. Inscription on "Battle Cries" (March 2, 1933)
26. Inscription on "Wandering" (March 2, 1933)
27. A Lament for Yang Chuan (June 21, 1933)
28. An Inscription for San Yi Pagoda (June 21, 1933)
29. An Untitled Poem (June 28, 1933)
30. Two Poems for a Japanese Friend (August 21, 1933)
31. An Untitled Poem (November 27, 1933)
32. Advise Yuh Ta-fu Not to Move His Family to Hangehow (December 30, 1933)
33. An Untitled Poem (December 30, 1933)
34. Written Jokingly after Reading the Fabricated News about My suffering from "Meningitis" (March 16, 1934)
35. An Untitled Poem (May 30, 1934)

36. Thoughts on an Autumn Night (September 29, 1934)
37. To Hsu Kuang-Ping (An Inscription on "Chieh Tsu-yuan's Guide to Traditional Chinese Paintings Vol. III") (December 9, 1934)
38. An Impromptu Poem Composed at Late Autumn (October 1935)
39. Why I Lost my Love (October 3, 1924)
40. Inscription on "Nothing More" (October 30, 1928)
41. Song of the Good Sort (December 11, 1931)
42. A Nanking Ballad (December 25, 1931)

GURU BERSARA SECARA PILIHAN

24. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Osman minta Menteri Pendidikan menyaikan berapa peratuskah jumlah guru-guru yang belum sampai umur untuk bersara telah bersara (optional retirement) walaupun tempoh perkhidmatannya tidak cukup. Apakah sebab ianya berlaku.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratus guru-guru yang bersara secara pilihan bagi tempoh tiga tahun kebelakangan adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Peratus bersara pilihan</i>
1986	0.39
1987	0.26
1988	0.36

Ini bermakna peratus guru bersara secara pilihan adalah kecil iaitu tidak sampai 1%. Di antara sebab-sebab yang diberi oleh guru-guru yang bersara secara pilihan (optional retirement) ialah:

1. Mereka tidak berupaya untuk menghadapi pelbagai cabaran baru hasil daripada beberapa Reformasi Pendidikan seperti pelaksanaan KBSR, KBSM, pendidikan

vokasional yang memerlukan banyak pengorbanan dari segi tenaga (fizikal dan mental) dan masa.

2. Atas sebab-sebab kesihatan dan ingin berchat supaya dapat menumpukan perhatian pada keluarga yang selama ini terabai disebabkan beban tugas.
3. Mendapati peluang-peluang yang lebih baik di bidang kerjaya yang lain.

BUMIPUTERA DALAM BIDANG PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

25. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah meminta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah untuk mengatasi kaum Bumiputera yang masih keinggalan dalam pemilikan pengurusan dan keusahawan serta pengawalan dalam sektor pembuatan, barang runcit, perdagangan, perkhidmatan dan bidang-bidang iktisad yang tertentu selepas tahun-tahun 1990.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Di dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menjalankan berbagai usaha untuk membantu Bumiputera seperti memberi khidmat nasihat, menganjurkan bengkel, seminar dan dialog dari masa ke semasa serta memberi maklumat mengenai peluang-peluang perniagaan. Bagaimanapun adalah didapati bahawa usahawan-usahawan Bumiputera masih lagi keinggalan dalam beberapa bidang perdagangan dan perindustrian, dan menghadapi masalah-masalah dari segi pengurusan, kewangan, pemasaran dan juga pengeluaran.

Dengan yang demikian, bagi masa akan datang adalah perlu kelemahan-kelemahan ini terus diperbaiki dengan cara mendedahkan Bumiputera kepada

unsur-unsur duniakomersial dengan lebih intensif supaya mereka dapat bersaing. Usahawan Bumiputera tidak seharusnya mengharapkan perlindungan berterusan dan khusus atau semata-mata meminta supaya dihidkan mana-mana peluang atau sesuatu kegiatan itu kepada Bumiputera sahaja.

Kemudahan-kemudahan asas akan terus disediakan oleh **Kerajaan** tetapi pengusaha-pengusaha Bumiputera hendaklah sama-sama berusaha dan bersaing dengan kaum lain di dalam sesuatu kegiatan itu. Cara ini akan mendorong mereka supaya meningkatkan mutu pengeluaran dan perkhidmatan, menjadi lebih agresif dalam pemasaran dan senantiasa mengamalkan prinsip-prinsip pengurusan perniagaan yang baik.

(Soalan No. 26. Sila lihat nota mengenai Soalan No. 3)

MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA—KEMAJUAN

27. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Perdana Menteri menyatakan hasil kemajuan yang telah dicapai oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) dari masa penubuhannya hingga masa kinian bilakah jangkamasanyaberakhir.

5-3-90

32. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan bilakah laporan NECC akan dikeluarkan kepada rakyat Malaysia dan bilakah pihak Kerajaan akan mengemukakan Dasar Ekonomi Kebangsaan untuk zaman selepas tahun 1990.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat bagi kawasan Bandar Kuching kerana kedua-dua soalan itu adalah mengenai perkara yang sama, iaitu berkaitan dengan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN).

Sebagaimana kita semua maklum, Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) telah ditubuhkan dengan tujuan untuk mengadakan satu forum di mana rakyat daripada berbagai latar belakang dan kepentingan berpeluang mengemukakan hasrat dan pandangan mereka mengenai pelaksanaan dan pencapaian Dasar Ekonomi Baru dan juga penggubal bagi satu dasar baru selepas 1990. Seramai 150 orang ahli telah dilantik oleh Kerajaan bagi mewakili segenap lapisan masyarakat seperti pertubuhan politik, peniaga, kesatuan sekerja, bank dan institusi-institusi kewangan, guru, petani, nelayan dan kumpulan-kumpulan minoriti.

Sehingga kini, Majlis telah mengadakan sidang pleno sebanyak 13 kali bagi mendengar dan membahas pandangan ahli-ahli. Majlis juga telah selesai membahas nama laporan yang disediakan oleh beberapa Jawatankuasa Majlis iaitu:

- (i) Laporan Jawatankuasa Pengutipan, Metodologi dan Analisa Data;
- (ii) Laporan Jawatankuasa Mengkaji Prestasi Pelaksanaan Dasar Pembasmian Kemiskinan;
- (iii) Laporan Jawatankuasa Mengkaji Prestasi Pelaksanaan Dasar Penyusunan Semula Masyarakat;
- (iv) Laporan Jawatankuasa Pembangunan Sumber Tenaga Manusia;
- (v) Laporan Jawatankuasa Ekonomi dan Perimbangan Antarabangsa; dan
- (vi) Laporan Jawatankuasa Khas Mengenai Perpaduan Negara.

Pada peringkat ini, laporan penuh yang mengambil kira semua isu dan pandangan yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli dan yang terdapat di dalam laporan-laporan Jawatankuasa sedang disediakan dan dijangka akan dibentangkan dan dibincangkan dalam sidang Majlis pada bulan April. Laporan akhir MPEN akan

dikemukakan kepada Kerajaan setelah Majlis berpuas hati dengannya. Kerajaan akan menimbangkan laporan MPEN dengan penuh tanggungjawab demi faedah setiap golongan rakyat negara ini dan akan membuat pengumuman mengenai laporan tersebut pada masa yang sesuai kelak.

PENJARA—BANDUAN MELARIKAN DIRI

28. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang kedudukan pengurusan penjara di Malaysia:

- (a) kenapakah, selalunya berlaku banduan melarikan diri dari penjara;
- (b) apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membendung masalah ini;
- (c) berapa ramai banduan yang telah melarikan diri dari penjara semenjak 1980 hingga 1990. Dan berapakah jumlah mereka yang sempat ditangkap serta berapakah pula yang masih bebas; dan
- (d) apakah kerajaan bercadang untuk membuat satu dasar yang lebih terperinci dan konkrit bagi pengurusan penjara di negara kita dan bila akan dilaksanakan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Antara sebab-sebab utama yang membolehkan banduan-banduan melarikan diri dari penjara ialah:
 - (i) kelalaian pegawai penjara semasa menjalankan tugas;
 - (ii) peluang yang wujud semasa menyertai "projek khidmat bakti" di luar penjara.
 - (iii) keadaan fizikal penjara yang sudah tidak sesuai

- serta kurangnya kemudahan peralatan kawalan yang disediakan; dan
- (iv) keadaan kesesakan di penjara tertentu menyebabkan banduan-banduan berpeluang untuk melarikan diri.
- (b) Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi membendung masalah ini ialah:
- (i) mengenakan lindungan tatatertib yang keras termasuk buang kerja ke atas pegawai penjara yang didapati cuai menjalankan tugas;
- (ii) mempergiatkan rondaan di sekeliling penjara-penjara;
- (iii) menambahkan bilangan pegawai-pegawai penjara bagi mengawal banduan-banduan yang perlu dibawa keluar daripada penjara misalnya untuk mendapatkan rawatan di hospital atau menghadiri perbicaraan di mahkamah;
- (iv) membina lebih banyak menara-menara kawalan;
- (v) menambah pemasangan "sport light" (dengan izin) di sekeliling tembok penjara;
- (vi) menambah pemasangan wire kecemasan di sekeliling pagar di atas tembok penjara bagi menghalang banduan-banduan memanjat tembok penjara;
- (vii) memindahkan banduan-banduan daripada penjara yang mengalami kesesakan ke penjara-penjara yang baru dibina/
- penjara-penjara yang tidak mengalami kesesakan;
- (viii) menghantar pengawai/kakilangan penjara menghadiri keselamatan dari semasa ke semasa; dan
- (ix) mempergiatkan program pemulihan supaya ianya lebih berkesan.
- (c) Jumlah banduan yang telah melarikan diri dari penjara semenjak tahun 1980 hingga 1990 ialah 249 orang, mereka yang dapat diangkap ialah 156 orang dan mereka yang masih bebas ialah 93 orang".
- (d) Kerajaan bercadang akan membuat beberapa perubahan ke atas pengurusan penjara dan perubahan-perubahan ini akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi.

ARTIS MELANGGAR KOD ETIKA PENYIARAN

29. Tuan Hu Sepang minta Menteri Penerangan menyatakan bilangan dan nama-nama artis dan kumpulan-kumpulan yang diharamkan memberi pertunjukan di dalam RTM oleh kerana soal akhlak atau melanggar sesuatu syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian dan juga nyatakan sebab-sebab dan tempoh masa mereka diharamkan.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: RTM tidak pernah mengharamkan mana-mana artis atau kumpulan dari membuat persembahan di atas sebab-sebab akhlak atau melanggar syarat-syarat Kod Etika Penyiaran. Tetapi, jikalau ada artis-artis atau kumpulan-kumpulan yang tidak mematuhi garis panduan Etika dan Tertib persembahan di TV seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan tentulah RTM terpaksa mengambil tindakan tidak membenarkan mereka dari pertunjukan-pertunjukan tertentu sehingga mereka mematuhi garis panduan ini.

Sehingga kini RTM pernah mem-berhentikan persembahan artis-artis yang terlibat dengan najis dadah dan menyambung semula pertunjukan mereka apabila mereka tidak lagi terlibat dengan najis dadah.

Tindakan ini diambil bukan sahaja untuk mengurangkan celaan dari penonton tetapi juga untuk menjaga maruah artis-artis itu sendiri.

WARGANEGARA MALAYSIA MELAWAT CINA—KEBENARAN

30. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk membatalkan syarat-syarat dan sekatan unik rakyat Malaysia dan rakyat Republik Rakyat Cina bebas melawat dan melancong antara satu sama lain. Memandangkan Kerajaan Malaysia telah berkurang sensitifnya terhadap Republik Rakyat Cina yang dikatakan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri pada 20hb Disember, 1989 di Johor Bahru.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sudi mengkaji dari semasa ke semasa syarat-syarat dan peraturan-peraturan bagi warganegara Malaysia melawat dan melancong ke Republik Rakyat China. Syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ada sekarang ini ditetapkan oleh Kerajaan mengikut keperluan semasa.

KELAS TINGKATAN ENAM DI PENAMPANG

31. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Kelas Tingkatan Enam boleh dimulakan di Penampang untuk menampung keperluan daerah tersebut yang kini mempunyai lima buah sekolah menengah Kerajaan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan pusat Tingkatan Enam di daerah Penampang, Sabah, masih belum boleh dipertimbangkan lagi buat masa sekarang oleh kerana pusat-pusat Tingkatan Enam yang sedia ada di kawasan berhampirannya masih mampu menampung jumlah pelajar yang layak memasuki Tingkatan Enam dari sekolah-sekolah daerah Penampang.

WANG PALSU MALAYSIA DI SABAH

32. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes-kes yang telah dibawa ke mahkamah berbanding dengan jumlah kes-kes yang masih di dalam penyiasatan berhubung dengan wang-wang palsu Malaysia bagi tiga tahun kebelakangan ini di Negeri Sabah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Bagi lempoh tiga tahun kebelakangan ini, sejumlah 155 kes wang palsu telah dikesan di Sabah. Dari jumlah itu, 108 telah dibawa ke mahkamah sementara bakinya masih dalam tindakan penyiasatan.

BANK PERTANIAN—PEMINJAM

33. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada pihak Kementerian berkenaan sedar bahawa peminjam-peminjam di Bank Pertanian yang gagal menjelaskan pinjaman mereka telah dikenakan kadar faedah Denda sebanyak 6% setahun yang mana dibandingkan dengan bank-bank lain adalah terlalu tinggi. Jika sedar adakah Y.B. dan pihak Kementerian berkenaan bercadang meminta jasa baik pihak Bank Pertanian supaya menghapuskan kadar tersebut memandangkan Bank Pertanian adalah sebagai sebuah bank pembangunan dan para peminjam sedang mengalami masalah yang besar di dalam membayar balik pinjaman mereka

disebabkan bahan-bahan komoditi hasil daripada perusahaan pertanian sejak beberapa tahun yang lalu hingga pada masa ini berada di paras yang terlalu rendah.

Tuan Ong Tin Kim: Pihak Kementerian sedar bahawa peminjam-peminjam di Bank Pertanian yang gagal menjelaskan pinjaman tanpa sebab-sebab tertentu akan dikenakan faedah denda sebanyak 6% setahun dikira atas baki harian. Jika dibandingkan dengan Bank Perdagangan kadar ini lebih rendah kerana Bank-bank Perdagangan mengenakan faedah denda dalam lingkungan 1% sebulan menjadikan 12% setahun.

Walau bagaimanapun faedah denda yang dikenakan oleh Bank Pertanian boleh dikecualikan atau dijadual semula sekiranya projek-projek yang gagal disebabkan oleh faktor-faktor di luar kawalan peminjam, seperti kemarau, banjir dan kebakaran. Pertimbangan ini hanya diberikan kepada mereka yang benar-benar layak sahaja.

HELIKOPTER NURI— KEMALANGAN

34. Tuan Bujang bin Haji Ulis minia Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapakah jumlah nahas udara Kementerian Pertahanan yang melibatkan helikopter jenis Nuri semenjak 1985;
- (b) apakah hasil penyiasatan pihak Kerajaan di atas kemalangan udara yang melibatkan Nuri yang berlaku di Lundu, Sarawak baru-baru ini; dan
- (c) apakah Kerajaan akan menghentikan penggunaan Nuri dan Skyhawk kini dan di masa-masa akan datang.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:

- (a) Jumlah pesawat NURI yang terlibat dengan kemalangan

semenjak tahun 1985 adalah sebanyak 2 buah.

- (b) Punca sebenar kemalangan ke atas pesawat NURI yang berlaku di LUNDU, Sarawak baru-baru ini masih lagi belum dapat dipastikan kerana Lembaga Penyiasatan sedang dalam proses penyiasatan yang masih belum selesai.
- (c) Buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk menghentikan penggunaan pesawat NURI. Perkhidmatannya akan diteruskan sehingga ke satu masa yang akan ditentukan nanti. Walau bagaimanapun perkhidmatan pesawat SKYHAWK dijadualkan akan lambat tempoh perkhidmatannya pada tahun 1995.

KAMPUNG PELANCONGAN DI KAMPUNG NELAYAN

35. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Pertanian menyatakan berhubung dengan konsep dan lujuan sebenar untuk mewujudkan kampung-kampung pelancongan di setiap kampung nelayan. Apakah dasar-dasar yang digunakan oleh pihak Kementerian di dalam memilih kampung-kampung tersebut. Sejauhmanakah pelaksanaan projek tersebut telah dijalankan dan bagaimanakah sambutan orang ramai terhadap projek tersebut khususnya di kalangan para pelancong luar negeri sempena Tahun Melawat Malaysia.

Tuan Ong Tin Kim: Industri pelancongan negara sedang berkembang pesat pada masa ini. Dalam hal ini, sektor pelancongan juga mempunyai pelbagai tarikan yang unik dan tersendiri untuk memikat para pelancong. Konsep dan tujuan sebenar untuk mengadakan kampung-kampung pelancongan dalam kampung nelayan ialah untuk mewujudkan kampung-kampung nelayan

yang bersih dan indah yang akan menjadi tumpuan para pelancong tempatan dan luar negeri. Pengwujudan kampung-kampung pelancongan ini juga akan dapat menambah pusat destinasi pelancong yang ada dalam negara. Di samping itu, nelayan juga akan berpeluang untuk meningkatkan pendapatan mereka melalui penglibatan dalam aktiviti-aktiviti pelancongan seperti "Sports Fishing", penyediaan kemudahan chalet, penjualan barangan hasil kerjatangan nelayan dan lain-lain kegiatan pelancongan. Pemilihan kampung-kampung pelancongan ini adalah berasaskan kepada terdapatnya ciri-ciri yang boleh menarik para pelancong untuk mengunjungi kampung tersebut seperti berikut:

- (i) Keindahan kampung;
- (ii) Kemudahan asas yang sempurna;
- (iii) Terdapat pelbagai aktiviti kebudayaan tradisi yang menarik seperti permainan tradisional;
- (iv) Mudah dikunjungi;
- (v) Pelbagai kerstimewaan dan keunikan terdapat di kampung seperti alam semula jadi, tumbuhan dan hidup-hidupan di laut;
- (vi) Pelbagai keusahawanan diusahakan oleh masyarakat nelayan; dan
- (vii) Pakor sejarah/tinggalan sejarah.

Setakat ini, rancangan untuk mewujudkan kampung-kampung pelancongan di kampung-kampung nelayan sedang dalam peringkat awal pelaksanaan. Walau bagaimanapun, memandangkan arah aliran (trend) minat pelancong luar negeri lebih tertumpu kepada kawasan-kawasan berhampiran pantai, maka adalah dijangkakan projek ini akan mendapat sambutan yang

menggalakkan di kalangan pelancong luar negeri.

KETUA PENGARAH PENJARA— LANTIKAN

36. Tuan Haji Mohd. Som Sailan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kebijaksanaan tindakan Kementerian menghantar seorang pegawai polis untuk mentadbir Jabatan Penjara Negara. Adakah ini menunjukkan pentadbiran Jabatan Penjara lemah. Terangkan juga kejadian yang menunjukkan pentadbiran Jabatan Penjara lemah bagi tahun-tahun 1988 dan 1989.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan telahpun memutuskan untuk melantik seorang Pegawai Kanan Polis sebagai Ketua Pengarah Penjara dan lantikan itu dibuat secara pertukaran sementara.

Keputusan melantik seorang Pegawai Polis itu dibuat dengan tujuan untuk memantapkan disiplin di Jabatan Penjara dan juga untuk melicinkan perancangan gantian pegawai-pegawai kanan penjara.

GAJI PEKERJA LADANG

37. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar tentang setengah-seiengah pihak majikan Estet-estet di negara kita yang tidak melancarkan dengan penuhnya "Section 16.1—Employment Act 1955". Apakah sebabnya pihak Kementerian tidak mengambil apa-apa tindakan ke atas majikan-majikan yang tidak mengikut undang-undang tersebut;
- (b) apakah sebabnya Mahkamah Industri K.L. masih belum memberi keputusan di atas "Origination Motion 35/75" dalam Mahkamah Industri Kuala Lumpur, walaupun kes ini telah

diperdengarkan 15 tahun dahulu;
dan

- (c) bolehkah pihak Kemenierian melancarkan satu kajian bcrbalik ke atas kes lersebut dan menyelidiki jika terdapat apa-apa penyelewengan yang bcr laku dan jika terbukti, mengambil tindakan ke atas pihak-pihak yang terbabit dalam penyelewengan lersebut.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban):

- (a) Mengikut scksyen 16 (1) Akta Kerja 1955, di sektor perladangan majikan diwajib membcrici kerja yang sesuai dengan kebolehan seseorang pekerja itu serta membayar kepadanya sekurang-kurangnya 24 hari gaji setiap bulan sekiranya pekerja itu sanggup bekerja. Pcruntukan seksycn ini adalah dipatuhi dikebanyakan tempat, ada juga majikan yang telah didakwadi Mahkamah Buruh kerana tidak mematuhiinya.

Walau bagaimanapun bagi tujuan melaksanakan pcruntukan ini, menurut keputusan Mahkamah Perusahaan Bil. 111/86 mengenai perkara ini yang melibatkan Persatuan Pcnge luar-Pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW), pekerja bolch melakukan penorehan getah dua karii (double tapping) pada mana-mana hari kerja uniuik menggantikan penorehan getah yang tidak dapat dilakukan dalam tempoh berkenaan disebabkan keadaan cuaca buruk atau sebab yang lain. Memandangkan hakikat ini Kementerian Buruh telah membenarkan keputusan Mahkamah Perusahaan iuu dilaksanakan demi

kepentingan perhubungan perusahaan di sektor perladangan.

Mengenai bahagian (b) dan (c), kes "Originating Motion 35/75" adalah berkaitan dengan kes buruh yang telah dibicarakan oleh pegawai Buruh di bawah seksyen 69 Akia Kerja 1955 dan bukan oleh Mahkamah Perusahaan. Pihak MAPA yang tidak berseiuju dengan keputusan kes tersebut telah membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi melalui Originating Molion 35/75 itu. Kes di Mahkamah Tinggi ini tiada kaitan lagi dengan Kementerian Buruh untuk mengulangjakinya. Terpulanglah kepada Mahkamah Tinggi untuk menimbangkan rayuan yang dikemukakan oleh MAPA itu.

GAJI BULANAN PEKERJA LADANG

38. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Buruh menyatakan;

- (a) sama ada pihak Kerajaan sedar bahawa tuntutan gaji bulanan oleh Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW) adalah untuk mendapat gaji bulanan yang tetap sebanyak \$350.00 iaitu di paras kemiskinan rasmi Kerajaan;
- (b) mengapa pihak Kerajaan boleh menentang tuntutan ini apabila tindakan sebegini bercanggah dengan satu daripada matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yakni membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum; dan
- (c) sebab-sebab mengapa sistem gaji harian yang diamalkan sekarang adalah lebih adil dan baik kepada pekerja-pekerja ladang.

Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Kerajaan memang sedar akan tuntutan gaji bulanan oleh Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW). Dewasa ini NUPW sedang merundingkan

skim gaji dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja ladang dengan Persatuan Pengeluar-Pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA);

- (b) Anggapan Ahli Yang Berhormat tuntutan NUPW adalah tidak benar. Sebaiknya Kerajaan sedang membantu seberapa yang boleh dalam penyelesaian tuntutan-tuntutan ini.
- (c) Sistem gaji pekerja-pekerja ladang yang diamalkan sekarang telah diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan melalui Keputusan 111/86. Pada masa ini, NUPW dan MAPA sedang berunding untuk menentukan sistem dan kadar gaji baru. Rundingan dan persetujuan secara sukarela merupakan cara yang paling adil dan sebaik mungkin untuk kedua-dua pihak.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE KOREA SELATAN

39. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan hasil tiga perjanjian yang ditandatangani di antara Malaysia dan Korea Selatan dalam lawaian rasmi Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahalhir Mohamad kepada negara tersebut dalam bulan Ogos, 1983:

- (a) perijma Perjanjian uniuk mengecualikan keperluan visa selama tiga bulan untuk pelancong dan perdagangan Malaysia;
- (b) perjanjian Memorandum Persefahaman Bersama untuk pemindahan teknologi antara Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan Korea Technology Advancement Corporation; dan
- (c) Perjanjian usaha sama antara Seraya Sendirian Berhad dari Perak dan Yang Dong Chemical

Company untuk pengeluaran formalin dan pelekut resin.

Dato' Kok Wee Kiat:

- (a) Hasil daripada Perjanjian Penghapusan Visa' Separuh yang ditandatangani di antara Malaysia dengan Korea Selatan semasa lawatan Y.A.B. Perdana Menteri dalam tahun 1983 tersebut ialah rakyat kedua-dua negara dibenarkan melawat kedua-dua negara tanpa visa bagi tempoh tiga bulan. Perjanjian ini telah dapat memudahkan pelawat-pelawat dari Malaysia dan Korea Selatan melawat negara satu sama lain dan secara tidak langsung telah dapat meningkatkan perdagangan antara kedua-dua negara.

Bagaimanapun kemudahan melawati tanpa visa ini hanya untuk lawatan-lawatan biasa seperti melancong dan berdagang. Kemudahan ini dikecualikan daripada beberapa jenis tujuan lawatan lain, antaranya untuk bekerja, membuat penyelidikan ilmiah dan keagamaan seperti berdagang. Untuk lawatan-lawatan yang bertujuan demikian, visa hendaklah terlebih dahulu dipohon daripada Kedutaan-Kedutaan Korea Selatan dan Malaysia.

- (b) Memorandum Persefahaman Bersama Bagi Pemindahan Teknologi telah ditandatangani di antara Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan Korea Technology Advancement Corporation (K-Tac) pada 10 Ogos 1983. Di antara bidang-bidang kerjasama yang terbuka kepada kedua-dua pihak adalah:
 - (i) penggunaan teknologi-teknologi baru;
 - (ii) bantuan teknik dan pengurusan;
 - (iii) mengenalpasti projek-projek yang didapati

berdaya maju yang boleh ditubuhkan di Malaysia, menggunakan teknologi kepunyaan K-TAC;

- (iv) penyediaan kajian pra kemungkinan (pre-feasibilities);
- (v) penubuhan usahasama bagi projek-projek pcr-industrian di Malaysia; dan
- (vi) perlesenan dan perbekalan teknologi.

Walau bagaimanapun disebabkan kemelesetan ekonomi di dalam tahun-tahun 1985 dan 1986 yang turut mempengaruhi prestasi Bank Pembangunan, aktiviti-aktiviti dan arah kerja Bank ini telah disusun semula supaya ia lebih menumpukan kepada usaha-usaha pemulihan ke atas projek-projek pelanggannya yang bermasalah letapi masih berdaya maju. Adalah didapati banyak daripada masalah pengguna Bank Pembangunan lebih berkisar kepada soal kewangan dan bukan masalah teknikal. Oleh yang demikian, saya telah difahamkan bahawa Bank Pembangunan tidaklah dapat menumpukan perhatiannya kepada bidang kerjasama yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

- (c) Saya telah difahamkan bahawa Perjanjian Usahasama di antara Seraya Sdn Bhd dari Perak dan Yang Dong Chemical Company untuk pengeluaran formalin dan pelekatesin padat tahun 1983 telah dibatalkan disebabkan pembubaran Syarikat Yang Dong Chemical Company di negara tersebut. Oleh itu projek itu sehingga kini telah tertangguh pelaksanaannya. Walau bagaimanapun Syarikat Seraya Sdn Bhd. kini sedang merancang untuk

mengerakkan semula projek ini dan sedang berusaha untuk mendapatkan rakan usahasama yang baru.

BIRO TATANEGARA

40. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan tugas tanggungjawab dan peranan yang dimainkan oleh Biro Tatanegara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Biro Tatanegara adalah sebuah agensi kerajaan yang di peringkat awalnya diletakkan di bawah program Belia dan dikenali sebagai Unit Penyelidikan Belia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Peranan utama Unit tersebut ketika itu ialah untuk mengawasi kegiatan Belia dan Pelajar di Pusat-pusat Pengajian Tinggi di dalam dan di luar negeri bagi memastikan mereka bertindak selaras dengan kehendak dan aspirasi negara,

Apabila **Biro Tatanegara diletakkan** di bawah Jabatan Perdana Menteri (Oktober, 1981) tugas dan tanggungjawab telah ditambah; bukan sahaja tertumpu kepada kegiatan pelajar-pelajar letapi yang lebih utama ialah untuk memupuk semangat cintakan negara di semua lapisan masyarakat dari golongan pelajar, belia, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dan juga sektor swasta.

Mulai tahun 1986 hingga hari ini, bidang **aktiviti Biro** Tatanegara telah diperluas lagi kepada pembentukan watak rakyat yang bernaung dan bersatupadu yang mampu bersaing dengan negara lain di peringkat antarabangsa.

MAS—KAJIAN KADAR TAMBANG

41. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Sistem Penerbangan Malaysia bercadang mengkaji semula tambang di dalam dan di luar negeri.

Dato' Seri Dr Ling Liong Sik: Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sedang mengkaji kadar tambang dalam dan luar negeri. Kajian ini akan mengambil kira semua faktor termasuk unsur kos operasi penerbangan.

PARTI KOMUNIS MALAYSIA— PERJANJIAN PERDAMAIAN

42. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan setelah perjanjian perdamaian telah dilangsungkan antara Kerajaan Malaysia dengan PKM, bagaimanakah perkembangan terbaru. Apakah tujuan perjanjian ini ditandatangani dan selepas perjanjian ini adakah Kerajaan Malaysia membenarkan mereka menjalankan aktiviti-aktiviti politik secara rasmi **scrt** adakah mereka akan diberikan taraf kewarganegaraan Malaysia.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Selepas perjanjian penamatan kegiatan bersenjata di antara Kerajaan Malaysia dan Parti Komunis Malaya ditandatangani pada 2 Disember, 1989 di Haadyai, Selatan Thailand, perkembangan-perkembangan selanjutnya adalah seperti berikut:

- (a) Setakat hari ini sejumlah 1091 bekas anggota-anggota PKM telah pun meletakkan senjata dan keluar dari pengkalan-pengkalan mereka di hutan Malaysia dan Thailand. Mereka kini ditempatkan di empat buah Kampung Aman di Selatan Thailand di mana mereka diletakkan di bawah kawalan keselamatan pihak berkuasa Thailand.
- (b) Setakat ini lebih daripada sejumlah 1120 senjata, 80,370 butir peluru, 390 bom lagan, 1650 bahan letupan, dan 2,860 alat letupan keempat-empat Kampung Aman tersebut dengan disaksikan oleh pihak berkuasa Malaysia dan Thailand,

(c) PKM telah pun menutup radio sulit mereka iaitu siaran **Suara Demokrasi Malaya** sejak 1 Januari, 1990.

(d) Pihak berkuasa Malaysia sedang membua persediaan dengan pihak berkuasa Thai bagi melaksanakan segera pembersihan semua jerangkap samar yang telah ditanam oleh pihak PKM di kawasan-kawasan khususnya di Perak, Kedah dan di kawasan-kawasan berhampiran sempadan Malaysia-Thai dijangka akan bermula pada bulan Mac, 1990.

Tujuan perjanjian ini ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia adalah khususnya untuk menamatkan sama sekali semua bentuk kegiatan bersenjata PKM terhadap Kerajaan Malaysia bagi membolehkan Kerajaan menumpukan sepenuhnya usaha ke arah pembangunan sosio-ekonomi yang lebih pesat lagi untuk faedah semua rakyat.

Mengenai soal PKM kedudukannya ialah parti tersebut tetap diharamkan dan jika ada mana-mana bekas anggota PKM yang berasal dari Malaysia dan berhasrat untuk kembali menetap di negara ini ianya adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang negara.

PELANCONG MELAWAT MALAYSIA

43. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan berapakah jumlah pelancong-pelancong yang dicatatkan telah melawat Malaysia pada bulan Januari selepas pelancaran Tahun Melawat Malaysia 1990; dan dalam jumlah tersebut pelancong-pelancong dari negara manakah yang paling ramai melawat Malaysia. Dan sama ada Kementerian beliau berpuas hati dengan program-program yang dijalankan pada tempoh yang sama.

Dato' Ng Cheng Kuai: Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dengan kerjasama Jabatan Imigresen sedang mengumpul perangkaan tentang bilangan pelancong yang telah mengunjungi Malaysia pada bulan Januari 1990 selepas pelancaran Tahun Melawat Malaysia. Mengenai sama ada Kementerian bcrpuas hati dengan program-program yang dijalankan pada tempoh tersebut, sukalah dinyatakan bahawa Kementerian memang berpuas hati.

(Soalan No. 44. Sila lihat noia mengenai Soalan No. 3)

KERAJAAN CAMPURAN DI SABAH

45. Tuan Madatang Morejal minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab permintaan beliau agar sebuah kerajaan campuran diwujudkan di Ncgcri Sabah walaupun pemerimah Kerajaan Ncgcri mempunyai lebihduapcrliga(2/3) majoriti kerusi Dewan Undangan Negeri. Adakah permintaan tersebut bercanggah dengan amalan demokrasi di mana rakyat memilih parti unluk mcmerintah mereka.

Dato Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Salah satu manfaat mengadakan Kerajaan Campuran ialah memperkukuhkan peniadbiran sesebuah negara atau negeri. Kerajaan campuran akan mengurangkan kancah berpolitik dan sebaliknya lebih banyak masa akan dapat ditumpukan untuk pembangunan negara dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Barisan Nasional yang memerintah adalah Kerajaan campuran dan nilai-nilai dan manfaal-manfaat mengadakan kerajaan campuran di negara kita jelas tercapai. Barisan Nasional memerintah di peringkat persekutuan dan semua negeri, melainkan Sabah. Kita tidak berhajat memaksa sesiapa uniuk mengadakan KerajaanCampuranjikapihakberkenaan tidak berminat.

(Soalan No. 46. Sila lihat nota mengenai Soalan No. 3)

PETRONAS—STESEN MINYAK

47. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah stesen-siesen PETRONAS dibuka dan bagaimana pula preslasi-prestasi mereka dan siapakah tuan empunya.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Sehingga 31-1-1990 PETRONAS telah membuka sebanyak 252 buah stesen minyak di seluruh negara. Pada keseluruhan preslasi stesen-stesen minyak PETRONAS adaiah memuaskan. Secara purala stesen-stesen minyak PETRONAS telah mencatat jualan petrol sebanyak 35% lebih tinggi dari jualan purata yang dicatikan oleh stescn-stesen lain.

Dari jumlah 252 buah stesen minyak, 129 buah dimiliki sepenuhnya oleh PETRONAS, 97 buah stesen dimiliki bersama oleh PETRONAS dan wakil pcnjual, manakala 26 buah stesen lagi dimiliki sepenuhnya oleh wakil penjual. Dari segi pengendalian stesen-stesen tersebut pula, sebanyak 227 buah siesen dikendalikan oleh wakil-wakil penjual, manakala selebihnya sebanyak 25 buah stescn dikendalikan oleh PETRONAS sendiri.

SEKOLAH MENENGAH YANG USANG

48. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Pendidikan menyaikan:

- (a) jumlahsekolah-sekolahmenengah rendah dan menengah yang telah usang di negara ini; dan
- (b) jumlah kewangan yang diperuntukkan oleh Kerajaan untuk membaiki bangunan-bangunan lama itu di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan anggaran perbelanjaan bagi Rancangan Malaysia ke Enam.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Bcrhormal,

- (a) Sebenarnya Kementerian Pendidikan tidak membuat klasifikasi sama ada sesebuah sekolah itu usang ataupun tidak seperti yang dibangkitkan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan sedar tentang wujudnya bangunan-bangunan lama di beberapa buah sekolah rendah yang digunakan sebagai kelas biasa ataupun untuk pusat kegiatan ko-kurikulum.

Bangunan-bangunan sekolah-sekolah yang telah dikenalpasti itu dimasukkan ke dalam projek gantian atau projek baikpulih sekolah di bawah Kementerian Pendidikan. Sebcnarnya sebahagian besar daripada bangunan-bangunan tersebut telah pun diperbaiki, dibaikpulih atau digantikan dengan bangunan batu. Dalatn Rancangan Malaysia Kelima (RML) bilangan sekolah rendah di seluruh negara yang termasuk di dalam projek gantian atau baikpulih Hu bcrjumlah 153 buah.

- (b) Jumlah kewangan yang diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek gantian dan baikpulih sekolah dalam RML ialah berjumlah \$92.5 juta untuk sekolah rendah dan \$38.6 juta untuk sekolah menengah. Peruntukan dalam Rancangan Malaysia Keenam (RME) Kementerian ini masih dalam proses mengumpul maklumat.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA— PROMOSI

49. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kcrajaan Pusat

sehingga ke hari ini ke atas promosi "Tahun Melawat Malaysia" dan apakah promosi-promosi yang telah dijalankan;

- (b) bilangan ketibaan pelancong-pelancong luar ke negara ini tahun ini sehingga sekarang melalui pintu-pintu masuk di Malaysia masing-masing dan jika boleh, memberi angka-angka pelancong tersebut dan negara asas mereka; dan
- (c) nama negara jiran seperti yang dituntut oleh pihak Kerajaan telah memburuk-burukkan Malaysia untuk mengagalkan "Tahun Melawat Malaysia" dan juga apakah taktik-taklik yang telah digunakan oleh negara Jni untuk mengagalkan usaha negara Malaysia menarik pelancong-pelancong.

Dato' Ng Cheng Kuai:

- (a) Jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Pusat sehingga ke hari ini ke atas promosi "Tahun Melawat Malaysia" ialah sebanyak \$33,431,438. Jumlah ini adalah untuk perkara-perkara berikut:

(i) Promosiluardan dalam negeri	\$30,000,000
(u) Pengeluaran bahan promosi	\$3,144,204
(iii) Sebaran Am dalam negeri	\$ 287,234

Di anlara promosi yang telah dijalankan dalam menjayakan Tahun Melawat Malaysia ini ialah dari segi pengiklanan, di media elektronik/media massa dan penajaan acara yang dapat menimbulkan publisili dan sebagainya.

- (b) Adalah terlalu awal uniuk menerangkan jumlah pelancong-pelancong asing yang masuk ke negara kita. Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dengan kerjasama Jabatan Imigresen

masih dalam peringkat awal mengumpul data-data tersebut dan akan menyediakan laporan pertama pelaksanaan program Tahun Melawat Malaysia 1990 dalam bulan Jun 1991. Hasil daripada laporan ini akan dapat diketahui jumlah pelancong dan hasil-hasil pertukaran wang asing untuk tahun 1990.

- (c) Negara jiran seperti yang dituduh oleh pihak Kerajaan yang telah mencemarkan-burukkan Malaysia untuk menggagalkan program Tahun Melawat Malaysia ialah Singapura. Negara tersebut cuba menggagalkan kempen Tahun Melawat Malaysia dengan lujuan untuk mengurangkan kemasukan pelancong-pelancong asing melalui Malaysia. Mereka juga mencermi gambaran yang kurang baik terhadap kekurangan kemudahan pelancongan di negara ini seperti kurang tempat penginapan dan lain-lain.

(Soalan No. 50. Sila lihat nota mengenai Soalan No. 3)

SEKOLAH MENENGAH JIT SIN, BUKIT MERTAJAM— BANTUAN MODAL

51. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sudahkah Kementerian beliau meluluskan supaya Sekolah Menengah Jit Sin Bukit Mertajam dipindah kepada tapak baru berdekatan dengan Taman Sri Rambai, Bukit Mertajam, jika ya, bila; dan jika belum, mengapa;
- (b) jumlah peruntukan yang diberi oleh Kementerian beliau kepada sekolah ini dan bilakah wang ini akan dikeluarkan; dan
- (c) adakah Kerajaan akan membuat peruntukan mengikut kaedah "dollar for a dollar" yang dikutip oleh pihak sekolah dari orang awam, jika tidak, mengapa.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Sekolah Menengah Jit Sin, Bukit Mertajam adalah sebuah sekolah bantuan modal. Mengenai cadangan perpindahan sekolah tersebut ke tapak baru di Taman Sri Rambai, Bukit Mertajam, Kementerian Pendidikan tidak mempunyai halangan terhadap cadangan tersebut dengan syarat sekolah lama ditutup, tiada bantahan daripada Kerajaan Negeri dan kemudahannya dikongsi dengan penduduk tempatan.

Kementerian Pendidikan difahamkan bahawa cadangan perpindahan tapak tersebut telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pihak Lembaga Pengurus Sekolah banya dikehendaki membayar premium atas kadar nominal (\$1.00). Keluasan lapak baru sekolah tersebut ialah 6.5 ekar dan plan bangunannya telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada 31-1-90. Pada masa ini, pihak sekolah sedang menyediakan dokumen tender bagi projek yang melibatkan anggaran kos sebanyak \$8 juta.

- (b) Setakat ini pihak Lembaga Pengurus Sekolah masih belum mengemukakan permohonan bagi mendapatkan bantuan modal untuk melaksanakan projek tersebut.
- (c) Kementerian Pendidikan tidak bercadang memberi peruntukan mengikut "dollar for a dollar" memandangkan ia hanya memanfaatkan sekolah-sekolah besar atau sekolah-sekolah yang terletak di kawasan bandar di mana penduduk sekitarnya mampu memberi sumbangan yang banyak. Jika kaedah tersebut diikuti, sebahagian besar peruntukan akan dinikmati oleh sekolah-sekolah besar dan terletak di bandar sahaja.

Oleh yang demikian, bagi memastikan peruniukan yang ada dapat dinikmati oleh semua sekolah, cadangan "dollar for a dollar" adalah tidak sesuai.

RINGGIT MALAYSIA

52. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Faktor-faktor yang menyebabkan pertukaran ringgit Malaysia terus jatuh berbanding dengan dolar Singapura sejak tahun lepas, lebih-lebih lagi ketika dolar Amerika Syarikat dilaporkan sedang mengukuh di pasaran wang antarabangsa.
- (b) Memandangkan Kerajaan telah mengumumkan dasar tidak mahu campurtangan dalam mekanisme pertukaran asing, adakah ianya bermakna ringgit Malaysia di biarkan terus jatuh terhadap dolar Singapura, jika tidak, maka bagaimanakah Kerajaan bercadang menghalang kejatuhan kadar peruniukan ini tanpa memasuki pasaran matawang.

28-2-90

44. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab matawang ringgit Malaysia telah merosot berbanding dengan matawang Singapura; apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah kemerosotan matawang ringgit Malaysia berbanding dengan matawang Singapura.

6-3-90

37. Tuan P. Patto minia Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kadar pertukaran matawang Ringgit Malaysia dengan Dolar Singapura adalah dalam lingkungan \$ 1.50 sen (Malaysia) bagi setiap \$1.00 (Singapura) dan ini adalah yang paling rendah dalam sejarah tukaran wang kedua-dua negara tersebut, jika ya, nyatakan sebab-sebab boleh berlaku

keadaan ini di mana Ringgit Malaysia sungguh lemah berbanding dengan Dolar Singapura.

8-3-90

8. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Kewangan menyatakan secara perbandingan nilai ringgit Malaysia dengan nilai wang negara-negara Asian setelah kejatuhan nilai ringgit itu. Dan nyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan kejatuhan nilai ringgit itu. Dan apakah langkah-langkah positif yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasinya.

8-3-90

20. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab mengapa nilai ringgit terus jatuh berbanding dengan nilai malawang asing, memandangkan kepada dakwaan Kerajaan bahawa ekonomi Kerajaan telah lebih meningkat atau terus meningkat semenjak tahun lalu.

8-3-90

48. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab berlakunya kemerosotan berterusan nilai matawang ringgit berbanding dengan malawang Yen, Dolar Singapura dan lain-lain malawang, dan sama ada ini telah menyumbang terhadap peningkatan kos hidup dan inflasi.

14-3-90

42. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Kewangan menyatakan nilai matawang negara kita amal kurang jika berbanding dengan Singapura. Adakah Kerajaan mempunyai apa-apa cadangan untuk menurunkan nilai matawang negara kita.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Di dalam persidangan Dewan Rakyat kali ini, saya menerima beberapa soalan-soalan berkenaan nilai ringgit.

Soalan-soalan ini dikemukakan oleh ahli-ahli berikut:

<i>Nama Ahli</i>	<i>Kawasan</i>
(1) Y.B. Dr Tan Seng Giaw	Kepong
(2) Y.B. Tuan Fung Ket Wing	Sandakan
(3) Y.B. Tuan P. Pallo	Ipoh
(4) Y.B. Dato' Hj. Saidin bin Hj. Mat Piah	Tasek Chenderoh
(5) Y.B. Tuan Samson Chin Chee Tsu	Tawau
(6) Y.B. Dr Chen Man Hin	Seremban
(7) Y.B. Tuan M. G. Pandithan	Tapah

Walaupun soalan-soalan berlainan sedikit, pada keseluruhannya sama dalam ertikata meminta penerangan dan penjelasan mengenai:

- (a) Perbandingan nilai ringgit Malaysia dengan nilai matawang negara-negara terutama dari negara-negara Asia, terutamanya dolar Singapura;
- (b) Fakior-fakior yang menyebabkan kejatuhan nilai ringgit itu;
- (c) Sama ada kejatuhan ini telah menyumbang kepada peningkatan kos dan inflasi, pengurangan import dan peningkatan eksport kita;
- (d) Langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian Kewangan bagi mengatasinya;
- (e) Adakah ringgit dibiarkan terus jatuh terhadap dolar Singapura, jika tidak bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk menghalang kejatuhan nilai ringgit; dan
- (f) Adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk menurunkan nilai ringgit.

Dengan izin saya ingin menjawab kesemua soalan-soalan itu sekaligus.

Dalam persidangan Dewan Rakyat yang lepas saya telah memberitahu Dewan ini faktor-faktor yang menyebabkan naik turun nilai ringgit dari tahun 1985 ke tahun 1988. Dengan itu saya ingin menerangkan kepada Dewan sekarang faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan-perkembangan ringgit dalam tahun 1989 ke masa kini.

Pada tahun 1989 nilai ringgit telah kukuh terhadap beberapa matawang ulama dan matawang Asia, berbanding dengan tahun 1988. Dalam bulan Januari 1990 nilai ringgit adalah sama dengan nilainya pada bulan Januari 1989 berbanding dengan dolar Amerika Syarikat dan deutchemark. Walau bagaimanapun nilai ringgit hanya merosol sebanyak 2% ibrhadap dolar Singapura dan 4% terhadap pound sterling.

Pada asasnya nilai sesuatu malawang adalah bergantung kepada kedudukan ekonomi sesebuah negara seperti kadar pertumbuhan, imbalan pembayaran, inflasi dan pasaran malawang. Nilai ringgit adalah diasaskan kepada nilai sekumpulan matawang atau komposit rakan dagangan utama Malaysia. Naik atau turunnya nilai ringgit berbanding dengan sesuatu matawang adalah ditentukan oleh faktor pasaran, dipasaran pertukaran matawang asing. Pada keseluruhannya turun dan naik nilai ringgit berbanding dengan nilai matawang tertentu sama ada dolar Singapura baikpun dolar Amerika, yen Jepun, deutchemark Jerman Barat, Pound Sterling dan lain-lain matawang adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor penawaran dan permintaan terhadap ringgit berbanding dengan matawang yang tertentu. Saya ingin memberitahu Dewan ini bahawa Kerajaan tidak sengaja mengurangkan nilai ringgit. Bukanlah menjadi dasar Kerajaan untuk campurtangan di dalam pasaran matawang asing. Kerajaan hanya bertindak di dalam pasaran matawang asing untuk menentukan keadaan pasaran terhadap ringgit adalah teratur.

Kemerosotan nilai ringgit terhadap dolar Singapura adalah disebabkan oleh perkembangan-perkembangan di Singapura. Sebagai satu pusat kewangan antarabangsa, Singapura mempunyai dasar yang berlainan dari kita yang mempunyai ekonomi yang berasaskan sumber-sumber asli dan pembuatan. Tambahan pula ekonomi negara Singapura adalah lebih kukuh dari negeri kita dengan pendapatan per capita lebih

empat kali ganda. Kita seharusnya tidak perlu merasa begitu bimbang terhadap pergerakan nilai matawang asing sahaja. Kita seharusnya mengambil kira pergerakan ringgit terhadap komposit matawang rakan-rakan dagangan utama Malaysia.

Matlamat negara kita adalah berlainan jika dibanding dengan Singapura. Nilai ringgit yang kompetitif akan memberi lebih munafaat kepada kita kerana matlamat utama kita adalah pembangunan sumber-sumber ekonomi. Kemerosotan nilai ringgit terhadap dolar Singapura telah menghasilkan kesan-kesan yang baik kepada negara kita terutama sekali kepada negeri Johor, dari segi pelancongan dan pelaburan.

Dengan nilai ringgit yang ada sekarang, daya bersaing eksport barangan Malaysia yang kebanyakannya disebut harga dalam dolar Amerika Syarikat telah meningkat dan ini telah menambahkan eksport negara dan menambahkan hasil pengeksporth-pengeksporth. Untuk tahun 1989 jumlah eksporti Malaysia telah meningkat kepada \$68 ribu juta berbanding dengan \$55 ribu juta pada tahun 1988. Tambahan pula nilai ringgit sekarang jadi pendorong kepada usaha menggantikan import dan bahan-bahan pengeluaran yang lebih mahal dengan keluaran-keluaran tempatan dalam negeri.

Sungguhpun demikian, kejatuhan nilai ringgit juga tidak begitu meningkatkan harga-harga barang di pasaran tempatan.

Kadar inflasi dalam tahun 1989 adalah sederhana, iaitu sebanyak 2.8 peratus sahaja walaupun kadar yang dijangkakan semasa Belanjawan tahun lepas ialah 4 peratus. Ini disebabkan oleh nilai ringgit yang lebih stabil dalam tahun 1989 dan Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah-langkah untuk membendung tekanan inflasi. Langkah-langkah ini termasuklah dasar-dasar fiskal dan kewangan yang berhati-hati untuk mengurangkan tekanan atas harga-harga dalam negeri serta pengawalan terhadap harga barang-barang keperluan, pengawalan pembekalan dan langkah-langkah untuk menambahkan pengeluaran tempatan.

Tindakan-tindakan Mengukuhkan Nilai Ringgit

"Pundamental", dengan izin, dalam ekonomi Malaysia terus kukuh dan ekonomi kita dijangka terus bertumbuh pada kadar yang tinggi dalam tahun sembilan puluhan. Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah untuk mengukuhkan lagi dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Langkah-langkah fiskal dan kewangan telah berhasil di dalam mengukuhkan pertumbuhan negara dan meningkatkan pelaburan lerutamanya pelaburan-pelaburan asing.

Oleh kerana ekonomi kita adalah kukuh, kedudukan rizab kita adalah memuaskan dan kadar inflasi adalah rendah, ringgit dijangka akan menjadi lebih stabil pada masa akan datang.

KADAR PERTUKARAN RINGGIT AKHIR TEMPOH

<i>Tempoh</i>	<i>Dolar AS</i>	<i>Dolar Singapura</i>	<i>Pound Sterling</i>	<i>Deutschemark</i>	<i>Yen (100)</i>
1981	2.24	1.10	4.79	1.00	1.02
1982	2.32	1.10	3.76	0.97	0.99
1983	2.34	1.11	3.40	0.86	1.01
1984	2.43	1.11	2.83	0.77	0.97
1985	2.41	1.15	3.48	0.98	1.20
1986	2.60	1.20	3.82	1.34	1.63

<i>Tempoh</i>	<i>Doiar AS</i>	<i>Dolar Singapura</i>	<i>Pound SterUng</i>	<i>Deutschemark</i>	<i>Yen (100)</i>
1987 Mac	2.51	1.17	4.03	1.39	1.72
Jun	2.53	1.19	4.05	1.38	1.72
September	2.54	1.21	4.13	1.38	1.73
Disembcr	2.49	1.30	4.67	1.57	2.03
1988 Mac	2.56	1.28	4.81	1.54	2.05
Jun	2.61	1.28	4.45	1.43	1.96
September	2.68	1.31	4.51	1.42	1.99
Disember	2.71	1.39	4.87	1.52	2.15
1989 Mac	2.73	1.40	4.64	1.45	2.08
Jun	2.70	1.38	4.18	1.38	1.88
September	2.69	1.37	4.35	1.44	1.93
Disember	2.70	1.42	4.34	1.60	1.88
1990 Januari (pada 26hb)	2.70	1.45	4.53	1.60	1.87
% Perubahan Tahun Asas					
1985	-10.74	-20.69	-23.18	-38.75	-35.83
Januari1990	0.00	-2.07	-4.19	0.00	0.53

PENGHURAHAN PEKERJA KE NEGARA LAIN

53. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- sama ada Kerajaan masih berdegil cnggan mengawasi kcadaan emigrasi Lenaga kerja mahir, tcrutamanya mereka yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dari Malaysia, lebih-lebih lagi dengan adanya laporan penghijrahan keluar tenaga kerja pentadbiran dan pengurusan dalam sektor estet baru-baru ini;
- bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk mcnarik balik lenaga kcrja yang mahir dan bcr-pengalaman ini balik ke Malaysia, jika lidak ada usaha dirancang, maka berapa lamakah fenomcna ini akan dibiarkan sahaja terus berlaku sehingga mencapai tahap yang cukup membimbangkan sebelum Kerajaan bertindak;
- keadaan di sektor estel sekarang sudah pun mula membimbangkan

pihak Kementerian Biiruh. Mengapa pula tidak membimbangkan Kementerian Dalam Negeri.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Penomena penghijrahan pekerja-pekerja dari sebuah negara ke sebuah negara yang lain adalah satu perkara biasa yang disebabkan oleh faktor-faktor ekonomi dan sebagainya. Ia berlaku bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di beberapa negara yang lain. Sebagai sebuah negara demokrasi, warganegara Malaysia adalah bebas untuk keluar ke negara lain untuk tujuan seperti bekerja, bemiaga, belajar, melancong atau lain-lain. Pada masa sekarang fenomena penghijrahan tenaga manusia dari negara ini belum lagi mencapai tahap yang membimbangkan Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan tidak menyekat rakyat negara ini yang bekerja di luar negeri daripada kembali ke tanahair. Mereka bebas kembali pada bila-bila masa. Dengan demikian pihak Kerajaan tidak perlulah mengambil apa-apa

tindakan untuk menggalakkan mereka kembali ke Malaysia.

KEMATIAN ANTHONYSAMY— PENYIASATAN

54. Dr Chen Man Hin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Peguam Negara akan mengarahkan satu penyiasatan polis diadakan ke dalam keadaan misteri yang menyelubungi kematian Anihonysamy kerana pihak koronerielah mengisylharkan kepulusan terbuka ke atas sebab kematiannya apabila selesainya penyiasatan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pada masa ini pihak polis belum menerima apa-apa arahan dari Peguam Negara supaya siasatan lanjut mengenai kematian Anthonysamy diadakan.

BALAI BOMBA DI PENAMPANG

55. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementerian beliau akan mcmbina sebuah Balai Bomba di Penampang dalam Rancangan Malaysia akan datang. Jika ia, berapakah peruntukannya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Bagi makluman Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Keenam, Jabaian Bomba telah pun membuat cadangan untuk membina sebuah Balai Bomba di Penampang dengan peruntukan sebanyak 4 juta ringgit.

56. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang membina sebuah Balai Bomba di Putatan memandangkan lokasinya yang strategik di samping pembangunan pesat di sekitarnya sepcrti Petagas dan Lok Kasi.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia menyedari keperluan pembinaan banyak lagi Balai-balai Bomba di bandar-bandar dan pekan di seluruh negara termasuk di Negeri Sabah. Dalam penyediaan bagi Rancangan Malaysia Keenam, Jabatan Bomba lelah mengambil kira akan pembinaan 10 Balai-balai Bomba di Negeri Sabah khususnya di bandar-bandar dan pekan-pekan yang mempunyai kepadatan penduduk serta risiko kebakaran yang tinggi. Tempat-tempat yang dicadangkan pembinaan Balai-balai Bomba baru ialah seperti berikut:

1. Tuaran
2. Sipitang
3. Likas
4. Marudu
5. Ranau
6. Penampang
7. Kuala Penyu
8. Pekan Menggatal
9. Tambunan
10. Kunak

Ketika ini Jabatan ini tiada membuat cadangan mcmbina Balai Bomba di Paitan di dalam Rancangan Malaysia Keenam akan tetapi kemungkinan pembinaan akan dibuat jika keadaan mendesak

WANG PALSU MALAYSIA— SINDIKET ASING

57. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyalakan sama ada benar bahawa sindiket-sindiket asing dengan bantuan tempatan terlibat dengan giatnya terutama di Kunak, Lahad Datu dan Semporna di dalam pengeluaran secara besar-besaran wang palsu Malaysia pada masa ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Penglibatan rakyat lempatan dengan sindiket-sindiket asing dalam pengeluaran wang palsu di Kunak, Lahad Datu dan Sempoma masih belum dikesan dan setakat ini belum ada sebarang langkapan berhubung dengan pengeluaran wang palsu di tempat-tempat tersebut.

UNIVERSITI TERBUKA—KAJIAN

58. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyaikan:

- (a) sama ada pihak Kementerian telah mengkaji sistem universiti terbuka (open university);
- (b) rumusan, khasnya kebaikan dan kelemahannya, kajian itu; dan
- (c) sama ada sistem universiti terbuka akan dilaksanakan dan kalau ia, bila. Kalau tidak, mengapa.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan merasakan belum perlu dijalankan kajian yang terperinci mengenai sistem Universiti Terbuka (open university system) di negara ini buat masa ini. Universiti Terbuka ialah suatu sistem yang membolehkan pelajar-pelajar mengikuti kursus-kursus pengajian tercinu tanpa hadir sepenuh masa di universiti. Notakursus dikirimkan kepada pelajar dan pengajaran tambahan dibuat melalui media massa seperti rancangan di televisyen serta alat komunikasi yang lain.

Sungguhpun sistem universiti terbuka belum diamalkan di negara ini tetapi sistem pengajaran jarak jauh telah dilaksanakan oleh Universiti Sains Malaysia melalui Pusat Pengajian Luar Kampusnya. Selain daripada membekalkan module pembelajaran kepada pelajar-pelajarnya, menyediakan tutorial di pusat-pusat Wilayah dan kursus jangka singkat di kampus induk, Pusat Pengajian Luar Kampus ini telah mewujudkan pembelajaran melalui "teleconferencing"

iaitu perbincangan dua hala di antara penuntut dengan pensyarah dengan menggunakan talian televisyen khas menghubungkan kampus induk dengan pusat-pusat Wilayah.

Buat sementara ini Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa universiti-universiti dan cawangan-cawangannya yang sedia ada boleh menambahkan pengambilan pelajar dari semasa ke semasa untuk memenuhi keperluan gunainya di negara ini. Oleh yang demikian, pengwujudan sistem universiti terbuka tidaklah merupakan suatu keperluan yang amat mendesak di negara ini.

PEGAWAI KEMAS JADI PENOLONG PEGAWAI PENDAKTARAN

59. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan setakat mana bebasnya Suruhanjaya Pilihanraya dalam mengendalikan segera urusan berkaitan daftar pemilih dan pilihanraya memandang baru-baru ini UMNO Baru telah menyatakan bahawa pegawai-pegawai KEMAS akan mendaftarkan pemilih-pemilih dan sejak bilakah pegawai-pegawai KEMAS menjadi Pegawai Pendaftaran Pemilih Suruhanjaya Pilihanraya.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Hajt Daud: Perlantikan Penolong Pegawai Pendaftaran dalam musim pendaftaran pemilih dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya dan bukan oleh mana-mana parti politik. Sesiapa sahaja khususnya kalangan kakitangan Kerajaan boleh dipilih untuk melaksanakan aktiviti pendaftaran pemilih ini. Kakitangan Kerajaan yang dipilih adalah merupakan mereka yang ada urusan secara langsung dengan masyarakat tempatan. Soal percaturan oleh mana-mana parti politik tidak timbul selagi tidak berlaku sebarang diskriminasi dalam mendaftarkan mana-mana orang yang layak untuk mendaftar

sebagai pemilih. Suruhanjaya Pilihanraya dan kakitangan sama ada tetap atau sementara tidak pernah mengamalkan sikap diskriminasi terhadap mana-mana pihak.

ELEKTRIK—STANDARDISASI KADAR BAYARAN

60. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah Kementerian beliau akan melaksanakan standardisasi bagi kadar bayaran yang dikenakan ke atas penggunaan elektrik di seluruh negara, dan bagaimana ia akan dilaksanakan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kementerian belum lagi menentukan bila dan bagaimana standardisasi kadar bayaran penggunaan elektrik di seluruh negara akan dilaksanakan.

Kadar dan struktur bayaran tarif elektrik ditentukan berdasarkan banyak faktor terutama sekali kos penajaan, pengagihan dan penghantaran yang ditanggung oleh sesebuah utiliti perbekalan elektrik. Kerajaan telah pun melantik satu juruperunding untuk mengkaji struktur dan kadar tarif elektrik di seluruh negara dan seterusnya mencadangkan syor-syor ke arah keseragaman struktur dan kadar tarif. Kajian ini dijangka selesai pada akhir tahun ini dan perakuannya akan dikaji dan diperakukan kepada Kerajaan sewajarnya.

(Soalan No. 61. Sila lihat nota mengenai Soalan No.3)

3.39ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Pagi ini saya ada memberi notis bahawa saya akan meminta izin untuk menagih Dewan ini untuk membangkitkan satu perkara ialah mengenai kempen pendaftaran pengundi mengejut selama 27 hari di bawah arahan sulit UMNO (Baru) dan Kerajaan Barisan Nasional dan

saya dapat satu surat apabila saya memasuki Dewan ini bahawa Tuan Yang di-Pertua tidak membenarkan saya kemukakan atau membaca perminlaan saya mengikut Peraturan 36 (8).

Apabila saya baca Peraturan ini, apa dilarangkan yang pertama ialah kelakuan atau sifat Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya dan perkara yang saya mahu bangkitkan ialah mengenai jentera pendaftaran pengundi, jentera Suruhanjaya Pilihanraya tetapi bukan atas kelakuan atau sifat Suruhanjaya Pilihanraya, oleh kerana kalau ini satu halangan yang blank cheque tidak ada apa-apa hal yang bersangkutan dengan perjalanan atau urusan Suruhanjaya Pilihanraya boleh ditimbulkan. Tentulah ini tidak menjadi lujuan Peraturan Mesyuarat ini, Bolehkah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kaji semula supaya perkara ini yang begitu penting boleh dikemukakan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya telah memakan masa yang panjang untuk memikirkan perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan daripada usulnya yang saya baca, saya telahpun berpendapat bahawa apa yang dikaiakannya itu ialah bercanggah dengan Peraturan 36 (8), dengan kerana apa yang dikatakan tadi, ini adalah hanya berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihanraya, bukannya Ahli-ahli. Tetapi sebenarnya apabila kita bercakap berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihanraya itu, apa-apa tindakan ataupun keputusan yang mereka itu ambil bermakna Ahli-ahlinya, jadi termasuk kepada Ahli-ahlinya. Pada fikiran saya Peraturan 36(8) adalah termasuk apa yang dikatakan ataupun benda-benda yang disebutkan dalam usul Yang Berhormat dari Tanjong itu, iaitu tidak patut, tidak boleh dikemukakan melainkan di bawah Peraturan 36(8) dan tidak boleh dibawa di bawah Peraturan 18 (1). Itulah keputusan saya.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1989)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG UBAT (IKLAN DAN PENJUALAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kesihatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mencadangkan;

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan

Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

3.46 ptg.

Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya Ahmad bin Omar akan mencadangkan bahawa satu

ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang berbunyi demikian:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Ketujuh."

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya yang tidak terhingga kerana telah diberi kepercayaan untuk mencadangkan ucapan tersebut. Kepercayaan ini adalah juga satu penghormatan kepada rakyat yang saya wakili di kawasan Parlimen Pagoh khasnya dan rakyat negeri Johor amnya. Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Ketujuh pada 26hb Februari, 1990 buat pertama kalinya di Dewan yang mulia ini telah mencatatkan lagi satu sejarah gemilang dalam amalan demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan di negara ini.

Usul yang saya bawa ini adalah bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana nikmat-nikmat yang telah dikecapi oleh rakyat hasil kesempurnaan hidup yang telah wujud berkat pemerintahan Kerajaan Kebawah Duli Tuanku yang diketuai pentadbirannya oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahahir Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia.

Saya juga ingin melafazkan kesyukuran yang tidak terhingga banyaknya kepada Allah s.w.t. kerana sentiasa memelihara dan melindungi rakyat jelata dan negara dalam keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan. Semoga era

pemerintahan Kebawah Duli Tuanku akan terus diberikan limpahan rahmat oleh Allah s.w.t. dan segenap lapisan rakyat sentiasa selamat di bawah naungan Kebawah Duli Tuanku sebagai payung negara.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan ulung Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengandungi mesej-mesej yang jelas dan terang untuk difahami. Baginda menyentuh beberapa aspek termasuk ekonomi, keselamatan, agama, pendidikan dan lain-lain yang secara keseluruhannya mencerminkan kesungguhan Baginda untuk melihat dan menjadikan kemakmuran ekonomi, kestabilan politik dan kesejahteraan sosial satu realiti di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun era pemerintahan Kebawah Duli Tuanku baru bermula tetapi telah banyak menempa dan mencatatkan sejarah yang gemilang. Bermula dari tarikh Duli Yang Maha Mulia Tuanku menjadi Yang di-Pertuan Agong Yang Kesembilan dan dimasyhurkan pertabalan Baginda pada tahun lepas, negara telah banyak mengalami peristiwa-peristiwa bersejarah yang sungguh bererti kepada seluruh rakyat Malaysia.

Saya dan seluruh rakyat Malaysia berasa bertuah dan berbangga mempunyai seorang Raja yang berpengalaman luas, berwibawa tinggi dan berjiwa rakyat menerajui negara ini. Di dalam era pemerintahan Baginda yang baru bermula, Baginda telah berjaya membina dan menaikkan imej Kerajaan dan negara. Ini adalah kerana keunggulan dan kebijaksanaan Baginda memerintah negara sehingga membolehkan negara yang kita cintai Malaysia terus mengalami kestabilan politik dan perkembangan ekonomi yang pesat di mana ini adalah amat penting dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kelima yang tamat tempohnya pada tahun ini iaitu tahun 1990.

Negara telah mencipta kejayaan demi kejayaan dalam masa beberapa bulan

yang lepas. Tirai tahun 1989 telah kila tutup dengan cemerlang di mana Malaysia telah berjaya menganjurkan beberapa acara yang telah mengharumkan nama negara.

Upacara gilang-gemilang Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah telah selamat disempurnakan. Kekallah institusi Raja Berpelembagaan dan bermulalah era pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang Kesembilan. Seluruh rakyat menjunjung kasih di atas pemerintahan Baginda dan menumpukan penuh taat setia kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Kila tidak akan sckali-kali rela membiarkan orang lain menggugat dan mengancam sistem Raja Berperlembagaan di negara ini. Kita sanggup berkorban harta dengan nyawa bagi menghalang mana-mana petualang yang ingin mencemarkan sistem ini. Bagindalah menjadi simbol perpaduan dan keunggulan rakyat Malaysia.

Kita rakyat negara ini bertuah kerana bernaung di bawah Kebawah Duli Tuanku yang bukan sahaja amat arif dalam bidang perundangan dan pentadbiran tetapi juga Baginda mempunyai kecenderungan yang mendalam dalam bidang kesukanan khususnya permainan hoki. Justeru itu, Tuanku menjadi sumber dan pendorong kuat dalam memajukan sukan negara.

Dalam Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Tuanku telah menegaskan::

"Kerajaan Beta akan berusaha untuk memastikan sukan negara terus meningkat dengan mengadakan berbagai-bagai kemudahan, kepakaran dan galakan".

Sukan SEA XV telah kita anjurkan dengan jayanya. Setiap lapisan masyarakat telah terlibat. Kita telah mencatatkan rekod terbaik dalam sejarah Sukan SEA di mana kita berjaya menduduki tempat kedua secara keseluruhan di kalangan negara-negara peserta. Kita juga titah membuktikan

kemampuan kita menganjurkan beberapa kejohanan peringkat dunia seperti Kejohanan Hoki Remaja Dunia, Kejohanan Squash Dunia, Kejohanan Polo dan Golf.

Tuan Yang di-Pertua, melangkah ke tahun 1990, Malaysia terus mengekalkan kecemerlangannya dalam bidang sukan. Kejayaan Pasukan Badminton Malaysia yang diterajui oleh anak-anak Datuk Haji Sidek dan ahli-ahli yang lain dalam Sukan Komanwel di Auckland, New Zealand adalah menjadi kemegahan negara. Sekaligus Pasukan Badminton negara telah berjaya mengharumkan nama negara dengan rangkulan dua pingat emas dan dua pingat perak.

Tuan Yang di-Pertua, usaha gigih yang dicurahkan oleh Haji Sidek Kamal yang boleh dianggap "Bapa Badminton Negara" memang sudah sewajarnya mendapat penghargaan tinggi dengan diberikan anugerah gelaran "Datuk". Kejayaan Datuk Haji Sidek mendidik kelima-lima anaknya hingga berjaya di peringkat antarabangsa adalah satu kejayaan yang unik pernah berlaku di negara kita. Keunikan kejayaan tersebut menyebabkan Malaysia dikenali di seluruh dunia. The Sidek brothers, dengan izin, telah dengan secara tidak langsung memberi free advertising, dengan izin, kepada Kerajaan Malaysia untuk dikenali lebih rapat oleh dunia luar. Dengan itu saya cadangkan pihak Kerajaan dan sektor swasta dapat memberikan sumbangan berbentuk material kepada keluarga Datuk Haji Sidek bagi menghargai jasa-jasa yang mereka pernah curahkan untuk negara selama ini. Syabas dan tahniah kepada Datuk Haji Sidek serta keluarganya atas kejayaan dan sumbangan mereka semoga mereka akan menjadi sumber inspirasi dan pendorong kepada ahli-ahli sukan dan atlit-atlit negara untuk memajukan bidang sukan yang mereka serlai.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan pasukan badminton negara melayakkan diri ke pusingan akhir Piala Thomas di Tokyo nanti adalah merupakan

kemenangan negara dan rakyat keseluruhannya. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang melibatkan diri secara langsung dalam sukan, sudah tentulah merasa amat bangga dan gembira sekiranya hasrat kita menjadi juara Piala Thomas nanti tercapai. Secara otomatis ianya akan menjadi hadiah istimewa di zaman pemerintahan Tuanku.

Dalam hal ini Kerajaan perlulah meningkatkan lagi kemudahan sukan negara. Sebanyak \$52 juta telah di-untukkan bagi tahun 1988 dan 1989. Saya menyarankan kepada Kerajaan supaya kemudahan untuk bersukan seperti padang-padang permainan, mini kompleks sukan, mini stadium, dewan untuk permainan dan bantuan untuk Majlis Sukan Negeri-negeri dan daerah-daerah serta Jabatan Belia dan Sukan Negeri-negeri dan Daerah-daerah ditambah dan dibanyakkan lagi supaya lebih banyak aktiviti-aktiviti sukan terancang dapat dijalankan dengan memberi peluang penyertaan yang lebih luas kepada ahli-ahli sukan, khususnya semua golongan belia yang begitu ramai bilangannya sama ada di bandar atau di luar bandar. Dengan itu tenaga belia ini dapat digunakan sebaik-baiknya untuk memajukan sukan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pujian seharusnya diberikan kepada Kerajaan khususnya Kementerian yang bertanggungjawab di atas peningkatan mutu sukan negara yang begitu ketara sekali. Biarlah sejarah kemajuan sukan negara terus menuju ke mercu kecemerlangan. Tetepikan dengan jelas perancangan sukan negara untuk lima tahun akan datang dan gariskan dengan terang matlamat masa depan sukan di negara ini. Ketepikan semangat sukan untuk mencari nama sendiri atau kumpulan semata-mata. Masih banyak yang perlu dilakukan untuk mencapai kecemerlangan sukan negara. Hakikat ini bukan mustahil. Dengan penglibatan seluruh masyarakat termasuk Kerajaan, kecemerlangan sukan negara boleh menjadi aspirasi nasional di

samping melahirkan dan mewujudkan generasi baru yang sihat dan cergas serta bersefahaman dan bersatupadu yang mana menjadi ciri-ciri penting dalam menjamin keharmonian hidup masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah pemerintahan Tuanku juga, kita telah menerima lawatan Ratu Elizabeth serta menjadi tuan rumah kepada Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM). Persidangan ini memberi erti yang besar kepada pemimpin dan rakyat negara ini. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah diberi kepercayaan oleh Ketua-ketua Kerajaan Komanwel untuk menjadi Pengerusi Kumpulan Tinggi mengenai masa depan Komanwel. Kejayaan persidangan adalah berpunca dari pimpinan dinamis dan bijak oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan Perdana Menteri telah menerima penghargaan dan sanjungan tinggi dari. Ketua-ketua Kerajaan Komanwel. Melalui Persidangan CHOGM, negara dan rakyat keseluruhannya semakin lebih dikenali dan disanjung tinggi oleh masyarakat antarabangsa.

Kejayaan Mesyuarat CHOGM juga mencerminkan kemampuan kita mengendalikan mesyuarat di peringkat antarabangsa dan yang lebih istimewa di sini ialah wujudnya perpaduan serta sokongan padu setiap lapisan rakyat dan semangat cintakan negara. Hasil daripada Persidangan CHOGM juga lahirnya Deklarasi Langkawi mengenai alam sekitar dan Kuala Lumpur terkenal sebagai kotaraya yang indah dan bersih serta mempunyai penduduk berbilang kaum dan bersopan-santun. Tegasnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah diakui kewibawaannya sebagai seorang pemimpin yang dihormati di arena politik antarabangsa. Ini adalah merupakan penghormatan tinggi kepada negara. Cara ini juga kita telah berjaya meletakkan Malaysia di peta dunia secara lebih jelas, dengan cara yang paling terhormat dan bermaruah. Inilah

yang menentukan kejayaan kita di masa-masa hadapan.

Dalam konteks ini, sekaligus kita telah membuka tahun 1990—Tahun Melawat Malaysia, dengan lebih yakin. Kebanjiran para pelancong ke negara ini sejak pelancaran Tahun Melawat Malaysia adalah bukti bahawa Malaysia telah dikenali oleh masyarakat dunia dan menarik minat mereka untuk melihat keindahan yang sedia ada di Malaysia. Jumlah pelancong yang mengunjungi Malaysia pada tahun 1987 ialah 3.36 juta dan pada tahun 1988 ialah 3.62 juta - pertambahan sebanyak 7.7%. Kadar ini dianggarkan akan meningkat lebih pesat lagi. Keadaan imej yang begini baik tidak sepatutnya tercemar sehingga menjejaskan kejayaan Tahun Melawat Malaysia dengan sebab-sebab yang tidak sepatutnya berlaku.

Kita semua rakyat Malaysia akan merasa dukacita sekiranya ada pihak atau kumpulan yang ingin menggagalkan Tahun Melawat Malaysia. Kita juga akan kecewa jika rancangan ini terbantut disebabkan ketidakcekapan kita untuk menjangkakan, dengan izin, anticipate dan seterusnya merancang persiapan-persiapan yang cukup dengan sebaik-baiknya supaya tidak ada pihak yang berkunjung ke sini berasa kecewa disebabkan oleh kelemahan kita dari segi menyediakan kemudahan-kemudahan pengangkutan, tempat tinggal dan penerangan yang jelas serta lain-lainnya.

Sehubungan dengan itu kita juga patut mempunyai penglibatan yang positif untuk mendapat faedah maksima dari usaha-usaha kita dalam bidang perkhidmatan dan juga berbagai kegiatan perniagaan lain yang semakin diperlukan. Rakyat tidak patut hanya menjadi pelakun yang penuh glamour, rakyat tidak wajar hanya menjadi pemerhati yang pasif, rakyat sepatutnya menjadi peserta yang agresif dan progresif. Keadaan ini adalah bersesuaian dan bertepatan dengan kajian terbaru oleh Wharton Econometric Broadcasting Associate dari Amerika yang menyalakan bahawa industri

pelancongan adalah merupakan industri terbesar di dunia dari segi gunatenaga dan sumbangan yang penting kepada ekonomi sesebuah negara baik yang maju mahupun yang sedang membangun.

Kita telah berjaya membina imej yang baik dan seterusnya mewujudkan suasana yang menggalakkan untuk meningkatkan Industri Pelancongan Negara. Inilah masa keemasan yang patut kita tidak sia-siakan. Harapan kita ialah menjadikan negara ini destinasi pelancongan utama yang mempunyai segala keistimewaan dan kehebatan yang mampu bersaing dengan negara-negara lain di rantau ini. Oleh itu penglibatan seluruh lapisan masyarakat dan sektor swasta perlulah menyeluruh dan bersungguh-sungguh berasaskan kepada segala potensi yang ada. Sekarang terpulanglah kepada kita untuk mengeksploitasikan segala peluang dan kesempatan yang ada.

Kita tidak hairan kalau satu hari nanti Pulau Langkawi akan menjadi Bali Kedua di rantau ini, pulau impian yang sentiasa menjadi idaman kepada semua rakyat. Kesan terus kepada negara ialah pada jangka panjangnya negara akan memperolehi pertukaran wang asing yang bukan sedikit jumlahnya iaitu pada tahun 1987 berjumlah \$1,800 juta dan tahun 1988 berjumlah \$2,000 juta. Ini dengan sendirinya menjadikan Industri Pelancongan Negara sebagai sektor kelima terpenting dari segi memperolehi pendapatan dari pertukaran wang asing. Harapan kita ialah pendapatan dari pertukaran wang asing melalui Industri Pelancongan akan terus meningkat lebih tinggi daripada yang kita jangkakan di masa-masa akan datang.

Sungguhpun begitu, Kerajaan haruslah berhati-hati dengan elemen-elemen negatif yang berkemungkinan dibawa masuk oleh pelancong-pelancong asing. Golongan pelancong ini terbahagi kepada beberapa kategori, ada golongan atasan, pertengahan dan kelas bawahan. Kerajaan khasnya pihak yang bertanggungjawab patutlah mengawasi kemasukan mereka ini, khasnya golongan ketiga, kerana

dikuatiri mereka ini akan membawa gejala yang kurang sihat seperti penyibaran penyakit kurang daya tahan dan perbuatan-perbuatan atau kelakuan-kelakuan yang menjolok mata yang tidak sesuai dengan norma kebudayaan tempatan yang boleh membawa kesan negatif kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan penekanan yang ditumpukan oleh Kebawah Duli Tuanku mengenai Malaysia dan hubungan serta peranannya di peringkat antarabangsa. Malaysia mengamalkan Dasar Luar berasaskan kepada hidup aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN). Atas dasar inilah juga kita telah berjaya mewujudkan rantau aman, bebas dan berkecuali. Seterusnya kita telah bersetuju untuk mewujudkan kerjasama yang erat dalam bidang ekonomi, kebudayaan, pendidikan, perhubungan dan lain-lain lagi. Kesungguhan dan kejujuran Malaysia melaksanakan Dasar Luar yang sentiasa konsisten menyebabkan negara kita semakin dihormati oleh masyarakat dunia, tidak kira sama ada oleh blok timur atau blok barat, kumpulan komunis atau bukan komunis. Negara juga terus menjalin hubungan rapat dengan negara-negara Islam sedunia bahkan telah memainkan peranan penting dan mendapat tempat di dalam persatuan negara-negara Islam sebagai negara Islam yang boleh dicontohi.

Seterusnya Malaysia juga memainkan peranan utama dalam perjuangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali terutama dalam membela nasib negara-negara anggota yang mundur dan miskin alau baharu mcmbangun. Suara Malaysia yang berani dan lantang dipandang tinggi serta diterima oleh Persidangan Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali di Belgrade tahun lalu. Sehubungan dengan itu, Pcrsidangan Agung UNESCO yang ke-25 di Paris tahun lalu telah mengiktiraf Malaysia dengan memberi kepercayaan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia menerajui pertubuhan itu untuk penggal ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini membuktikan bahawa bukan sahaja Dasar Luar kita yang berteraskan kepada prinsip hidup 'peaceful co-existence', dengan izin, telah diterima baik dan dipandang tinggi oleh masyarakat antarabangsa tetapi ia juga membuktikan bahawa tarafpelajaran di Malaysia adalah tinggi dan setanding serta boleh diterima untuk dijadikan contoh oleh masyarakat luar. Pencapaian tinggi taraf pelajaran di negara ini telah menjadi salah satu catalyst, dengan izin, dalam memesatkan pembangunan negara. Sekali gus pelajaran juga menjadi salah satu faktor yang menetap dan mengukuhkan imej negara di peringkat antarabangsa. Secara langsung pelajaran telah menjadi faktor yang mempengaruhi penerimaan Dasar Luar kita oleh masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita di Malaysia merasa lebih yakin di atas kedudukan keselamatan negara apabila ancaman Parti Komunis Malaya yang telah wujud sejak tahun 1948 telah dengan sendirinya hapus hasil daripada kesediaan pemimpin tertinggi Parti Komunis Malaya meletakkan senjata tanpa syarat. Peranan pasukan keselamatan dalam membanteras ancaman komunis ini adalah amat dihargai dan disanjung tinggi. Saya bagi pihak seluruh rakyat Malaysia ingin merakamkan ucapan setinggi tahniah dan syabas kepada seluruh anggota keselamatan dan juga kepada mereka yang melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung bagi menentukan negara bebas dari sebarang ancaman yang menggugat keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan negara.

Kewibawaan anggota keselamatan negara telahpun diiktiraf dan diberi penghormatan tinggi oleh dunia di mana tentera kita telah bersama-sama berkhidmat di bawah panji-panji Bangsa-bangsa Bersatu di Namibia dan juga di sempadan Iran/Iraq dengan jayanya. Mereka ini wajarlah dijadikan contoh di samping diberikan sanjungan dan penghargaan kerana khidmat mereka yang cemerlang sehingga dapat meng-

harumkan nama negara. Kecemerlangan perkhidmatan yang ditunjukkan oleh mereka semasa bertugas di Namibia inilah yang menyebabkan Kerajaan Namibia meminta agar anggota keselamatan dari negara kita terus dikekalkan di sana walaupun tempoh tugas dengan Bangsa-bangsa Bersatu akan tamat tidak berapa lama lagi. Jasa-jasa mereka yang cemerlang ini akan sentiasa tercatat dalam tinta sejarah perjuangan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan itu saya ingin menyarankan kepada pihak Kerajaan seharusnya tidak mengabaikan kebajikan keluarga bekas-bekas perajurit terutama yang telah terkorban dan juga mereka yang kehilangan keupayaan semasa menjalankan tugas. Penyertaan bekas-bekas perajurit dalam bidang pekerjaan sama ada dalam sektor awam atau swasta dan dalam bidang perniagaan perlu diberikan keutamaan dalam segala aspek. Ini adalah merupakan penghargaan Kerajaan dan negara kepada bekas-bekas perajurit yang sanggup berkorban demi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ancaman komunis secara gerila telahhapus tetapi Kerajaan haruslah sentiasa peka dan berwaspada di atas sebarang kemungkinan wujudnya penyusupan anasir-anasir subversif melalui politik, melalui pelajaran, melalui kebudayaan, segala bentuk media-massa, agama dan sebagainya. Ini tidak mustahil berlaku sebagai taktik halus mereka. Keselamatan negara yang berkekalan boleh dianggap sebagai tunggak yang menentukan kejayaan kita dalam proses pembangunan negara atau nation building, dengan izin. Tanpa keselamatan yang berkekalan sudah tentu sukar untuk kita mencapai objektif yang kita cita-citakan.

Bagi menentukan keselamatan negara yang berterusan, saya mencadangkan pertama, peruntukan pertahanan hendaklah diberi keutamaan pada setiap masa bila diperlukan. Justifikasi bagi peruntukan untuk pertahanan seharusnya berasaskan kepada pentingnya

keselamatan kepada negara mengatasi lain-lain keperluan. Kedua, kelengkapan alat-alat senjata yang baru dan sofistikated patutlah dibeli bagi menggantikan alat-alat senjata yang telah lama dan kurang keupayaan dan keberkesanannya. Ketiga, latihan-latihan menggunakan senjata moden mestilah dijalankan sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun keselamatan negara pada keseluruhannya terjamin terlepas dari ancaman komunis secara terbuka tetapi pada hakikatnya negara masih belum terlepas dari ancaman satu lagi musuh kejam negara yang sama dahsyatnya dengan ancaman komunis iaitu ancaman najis dadah. Wabak dadah telah melanda dan mengancam sebahagian masyarakat Malaysia tidak mengira jantina, tidak mengira umur, tidak mengira bangsa dan tidak mengira agama. Bagi menghapuskan musuh nombor satu negara ini, Kerajaan sanggup menetapkan hukuman hingga ke tali gantung sampai mati kepada sesiapa juga yang sabit kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, biar kita membunuh seorang sebelum ia dapat memusnahkan beberapa orang yang lain. Setiap rakyat mestilah waspada dengan ancaman nasional yang merbahaya ini yang kalau dibiarkan boleh melumpuhkan seluruh generasi kita yang akan datang. Segala usaha membanteras wabak ini adalah terletak di bahu setiap anggota masyarakat yang bertanggungjawab kepada negara. Usaha ini tidak akan berjaya tanpa penglibatan semua lapisan masyarakat di dalam negara mahupun di luar negara.

Alhamdulillah, hari ini usaha kita telahpun membuka mata dunia dan dicontohi oleh negara-negara lain, termasuk negara-negara yang pernah memandang serong dan mencemohtindakan Kerajaan kita, bahkan pemimpin kita sendiri pada hari ini telah diberi kepercayaan untuk memimpin, usaha membantras penyalahgunaan dadah di peringkat antarabangsa. Adalah menjadi

azam kita sendiri di negara ini untuk tidak mengakhiri usaha kita membantras penyalahgunaan dadah selagi ancaman ini masih ada.

Saya merayu seluruh lapisan masyarakat supaya tampil ke hadapan untuk memerangi musuh negara ini, dan anggaplah ia sebagai tugas jihad untuk menyelamatkan bangsa, agama dan watan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di pagi kelmardin, persoalan ekonomi merupakan persoalan pokok yang menjadi asas kepada usaha-usaha pembinaan negara seterusnya.

Rancangan Malaysia Kelima (RML) telah dilancarkan pada lahun 1986 di tengah-tengah suasana ekonomi yang tidak menentu. Sebelum pelancaran RML, Malaysia telah mencapai pertumbuhan ekonomi pada kadar purata 6.7% di antara tahun 1981 hingga 1984. Pertumbuhan ini walaupun, menggalakkan adalah disebabkan oleh polisi belanjawan sektor awam yang bertambah tahun demi tahun untuk menampung kemelesetan ekonomi negara dalam tahun 1981 hingga tahun 1982. Oleh itu strategi berorientasikan perkembangan sektor awam untuk menggerakkan ekonomi negara akan menyebabkan ketidakseimbangan kedua-dua sektor awam, dan juga akaun luaran, dengan izin, "external account" dan ini menyebabkan sektor awam terpaksa meminjam dengan banyaknya dari sumber luaran untuk membiayai jurang yang kian meluas di antara simpanan dan pelaburan. Dari itu jika strategi ini diteruskan, jelas kestabilan kewangan dan ekonomi negara akan menuju ke implikasi yang lebih serius dan buruk lagi. Ini dibuktikan dalam tahun 1985 di mana pertumbuhan ekonomi adalah negatif 1.0% disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia, beban hutang yang banyak dan kedudukan kewangan sektor awam yang defisit.

Rancangan Malaysia Keempat banyak memberi pengajaran kepada Kerajaan. Oleh itu, Kerajaan tidak ada pilihan selain daripada mengurangkan belanjawan sektor awam. Pengurangan ini akan menyebabkan pertumbuhan ekonomi kian runcing, dengan itu Kerajaan berpendapat bahawa sektor swasta yang boleh memainkan peranan yang penting untuk menggerakkan ekonomi negara, berdasarkan strategi inilah RM1 telah dilancarkan.

Dalam RML, sektor swasta dipertanggungjawabkan untuk mendahului lain-lain sektor bagi menggerakkan ekonomi negara. Beberapa perubahan polisi telah diperkenalkan dengan tujuan membolehkan sektor swasta mengembangkan aktiviti, khususnya dalam bidang pertanian, pembuatan, pembangunan dan industri pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan merangkumi polisi yang luas, polisi kewangan, dengan izin, "monetary policy" dirangka untuk membantu pertumbuhan dan menyediakan mudah tunai untuk pelaburan di sektor swasta. Kadar faedah pinjaman diturunkan dan Tabung Pelaburan Baru diwujudkan untuk membolehkan dana disalurkan ke sektor yang produktif. Polisi kadar pertukaran dirangka untuk membolehkan nilai ringgit mencari titik keseimbangan, dengan izin, equilibrium level dengan sendirinya dan ditentukan oleh asas pasaran, dengan izin, market fundamental. Beberapa polisi telah dilonggarkan termasuklah amalan lesen industri dan panduan mengenai ekuiti asing, pembelian aset dan pekerja expatriate, sistem galakan cukai diperbaiki lagi khususnya keputusan untuk mengurangkan cukai korporat. Kesemua langkah-langkah yang diambil seperti yang dinyatakan adalah bertujuan untuk memberikan suasana iklim pelaburan yang positif, yang boleh membantu pengeluaran eksport negara dan menarik lebih banyak lagi pelaburan asing. Untuk mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara, Kerajaan telah memperhebatkan rancangan penswastaan

dalam RML. Semcnjak polisi ini diperkenalkan sebanyak 24 projek telah diswastakan, dari jumlah itu 14 projck diswastakan dalam Separuh Penggal RML.

Alhamdulillah, perubahan dasar Kerajaan mempertanggungjawabkan sektor swasta untuk menggerakkan ekonomi melalui RML amatlah menggalakkan. Pertumbuhan ekonomi negara meningkat dari negatif 1.0% ke positif 1.2% dalam tahun 1986, 5.2% dalam tahun 1987, 8.7% dalam tahun 1988 dan dianggarkan 7.6% dalam tahun 1989, dan pada tahun ini diramalkan pertumbuhan sebanyak 6.5%. Beban hutang negara dijangka merosot kepada 6.2% kepada 44,151 juta berbanding dengan 47,055 juta pada tahun 1988. Peratus hutang negara kepada KNK dijangka bertambah baik daripada 54% pada tahun 1988 kepada 46.4% dalam tahun 1989. Pendapatan per kapita akan meningkat kepada \$5,733 berbanding dengan \$5,477 pada tahun 1989. Lebihan akaun semasa, imbalan pembayaran dijangka mencatat lebihan yang kecil dalam tahun 1990. Sungguhpun begitu rizab Kerajaan akan terus kukuh berjumlah lebih dari \$21 ribu juta dan dengan itu nilai ringgit dijangka terus stabil, keadaan inflasi juga dijangka berkurangan kepada 3.8%, rancangan penswastan telah menjimatkan belanja modal Kerajaan sebanyak \$4,930 juta dan menerima \$704 juta hasil daripada jualan.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan pengangguran dijangka bertambah baik dan akan turun kcpada 7.6% berbanding dengan 8.1% pada tahun 1988, kadar pengangguran sepatutnya lebih rendah, seandainya sikap memilih kerja dapat diketepikan. Dalam dekad 90an ini kita berharap rakyat Malaysia haruslah bersikap lebih realistik dengan tidak terus mengamalkan sikap terlalu memilih kerja sehingga boleh menjejaskan penggunaan gunatenaga di dalam beberapa sektor, terutamanya dalam sektor pertanian dan perladangan yang menjadi asas kepada kekuatan ekonomi negara.

Kecemerlangan ekonomi negara adalah disebabkan oleh dasar-dasar pengurusan kewangan negara yang lebih pragmatik yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, yang telahpun menerima pengiktirafan dari dunia luar tentang keberkesanan beliau mengendalikan ekonomi negara yang menyebabkan keyakinan pelabur-pelabur asing ke atas negara ini semakin bertambah. Bertambahnya pelaburan asing adalah disebabkan galakan-galakan perdagangan dan pelaburan yang begitu agresif yang telah dijalankan oleh Kerajaan, khasnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama dalam tahun 1989 Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia telah menerima sejumlah 462 permohonan pelabur asing, peningkatan pelaburan sebanyak 42.4%. Sektor swasta juga tidak ketinggalan untuk menanam modal di negara ini. Pada tujuh bulan pertama tahun 1989, MIDA telah meluluskan sejumlah 409 projek dengan jumlah pelaburan \$6,137 juta ataupun peningkatan 34% lebih tinggi daripada tempoh perbandingan yang sama pada tahun 1988. Peningkatan pelaburan yang menggalakkan ini menggambarkan kepercayaan pelabur-pelabur terhadap kestabilan politik dan ekonomi negara secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, pujian sepatutnya diberikan kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian kerana dengan usaha-usaha gigih beliau lah yang menyebabkan peningkatan pelabur asing menanam modal di Malaysia.

Dalam keghairahan Kerajaan menyediakan iklim pelaburan yang baik untuk pelabur asing, elemen-elemen negatif tidak dapat dielakkan. Satu-satunya kesan negatif yang mula menular dalam sistem ekonomi negara ialah penurunan nilai Ringgit. Isu penurunan nilai Ringgit telahpun dibincangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sidang Parlimen yang lepas. Berbagai-bagai alasan telah diberi untuk menjelaskan sebab-sebab

turunnya nilai Ringgit dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki kedudukan Ringgit.

Pada hari ini saya hanya membandingkan nilai Ringgit dengan beberapa matawang asing untuk lapan bulan pertama 1989. Pertama, Dollar Amerika meningkat 0.7% berbanding dengan kemerosotan 6.7% dalam tempoh yang sama tahun 1988. Deutsche Mark meningkat 9.2% berbanding dengan kenaikan 10.3% dalam tempoh yang sama tahun 1988. Sicrling Pound meningkat 13.9% berbanding dengan kenaikan 3.7% dalam tempoh yang sama tahun 1988. Yen meningkat 14.4% berbanding dengan peningkatan sebanyak 2.5% dalam tempoh yang sama tahun 1988. Dollar Singapura meningkat 1.8% berbanding dengan kemerosotan 4.8% dalam tempoh yang sama tahun 1988.

Kenaikan nilai Ringgit bergantung kepada permintaan dan pengeluaran, dengan izin, demand and supply. Pertambahan permintaan Ringgit adalah disebabkan oleh kepercayaan pembeli-pembeli Ringgit terhadap pertumbuhan ekonomi negara yang menggalakkan.

Dari perbandingan di atas, jelas menunjukkan adanya peningkatan nilai Ringgit berbanding dengan matawang asing. Di sinilah letaknya keteguhan Ringgit Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara sedang memasuki era Negara Industri Baru (NIC), sektor pertanian terus menjadi sektor penting dari segi sumbangannya kepada pendapatan negara. Adalah menjadi harapan kita dengan permodenan sektor pertanian dan pelbagaian jenis tanaman termasuk tanaman makanan, diharap ini akan membantu mengurangkan import barang-barang makanan dan ini sudah tentu akan memperbaiki lagi imbalan pembayaran dan pertukaran wang asing negara. Bagi memesatkan usaha-usaha ini, petani-petani perlulah menerima dan melaksanakan konsep pertanian secara moden yang lebih menekankan lagi cost

effectiveness, dengan izin. Ini bermakna petani-petani mestilah bersedia untuk mengubah kaedah pertanian cara tradisional yang tidak ekonomik kepada cara baru yang lebih menguntungkan melalui pengurusan yang lebih berkesan.

Cara penanaman yang lebih baik seperti yang terdapat dalam konsep perladangan atau ladang kelompok yang mana ciri-ciri penghasilan yang bermutu tinggi menjadi matlamat utama untuk menjadikan petani-petani kecil di luar bandar khususnya bersikap lebih komersial. Kaedah dari pertanian cara moden ini bukan sahaja akan dapat menghasilkan produktiviti yang tinggi, tetapi juga akan dapat menambahkan pendapatan yang lebih lumayan lagi. Dengan cara ini juga, aktiviti pertanian akan dapat diperbagaikan dan dilipatgandakan dengan penggunaan tanah secara optima.

Diharapkan pembasmian kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar yang melibatkan diri secara langsung di sektor pertanian akan dapat memperbaiki lagi taraf hidup mereka. Oleh itu pihak Kerajaan menerusi semua agensi-agensi pelaksana haruslah lebih bersedia untuk berusaha lebih lagi bagi merubah cara pemikiran dan sikap petani-petani luar bandar supaya menjadi lebih dinamik dan sanggup menerima sebarang perubahan-perubahan baru.

Sungguhpun rakyat menikmati taraf hidup yang baik pada keseluruhannya di negara ini, tetapi bagi terus menjamin kesejahteraan hidup mereka, aspek kesihatan perlulah diambil berat. Dalam hal ini, Kerajaan patut mengambil apajua langkah yang wajar bagi menambahkan lagi kemudahan-kemudahan untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan terutama di kawasan-kawasan terpencil di luar bandar, di mana kerap kali mereka ini mengalami kesulitan untuk mendapatkan rawatan perubatan disebabkan keadaan perhubungan yang begitu jauh dan menyulitkan, di samping kurangnya perkhidmatan perubatan dan rawatan yang diberikan di kawasan luar bandar.

Kawasan-kawasan luar bandarlah yang menghadapi masalah serius dari segi mendapat khidmat doktor-doktor pakar yang baik, bahkan di setengah-setengah tempat, ibu-ibu yang bakal melahirkan anak juga menghadapi kesulitan untuk mendapatkan rawatan kerana banyak lagi kekurangan klinik-klinik desa atau rumah-rumah bidan walaupun telah dipohon kepada pihak Kerajaan, tetapi mengambil masa yang begitu lama sebelum dapat dilaksanakan. Saya berharap pada Rancangan Malaysia Keenam, keadaan ini akan berubah lebih baik lagi. Ingin saya tegaskan, "Rakyat Sihat, Negara Maju".

Tuan Yang di-Pertua, kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial tidak akan membawa makna kepada rakyat sekiranya rakyat terdedah kepada ancaman keselamatan disebabkan langkah-langkah keselamatan yang tidak rapi sehingga penjara yang sepatutnya menjadi pelindung kepada rakyat daripada ancaman-ancaman penjenayah yang merbahaya pada hari ini sudah tidak dapat lagi mengawal banduan-banduan dari lepas lari. Saya berharap penjara-penjara di Malaysia dapat memperbaiki lagi langkah-langkah keselamatan dan kawalannya supaya peristiwa-peristiwa banduan lari dari penjara tidak akan berulang lagi sehingga boleh menjejaskan keselamatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita telah melihat tanda-tanda pertumbuhan ekonomi yang menampakkan pencapaian yang semakin meningkat, tetapi kita masih belum mencapai matlamat ekonomi melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) secara keseluruhan. Dengan sebab itulah pentingnya MAPEN memainkan peranan untuk mengkaji secara keseluruhan mengenai kelemahan-kelemahan dan pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Sebarang dasar ekonomi negara yang akan wujud selepas 1990 mestilah mengekalkan terus matlamat serampang dua mata, iaitu membasmi kemiskinan tidak kira kaum dan menghapuskan pengkhususan ekonomi

mengikut batasan kaum. Dasar ini mestilah selaras dan tidak lari atau terkeluar daripada apa yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Negara.

Penubuhan MAPEN hendaklah dianggap sebagai mencerminkan keikhlasan Kerajaan Barisan Nasional membentuk satu dasar ekonomi yang lebih komprehensif dan berkesan untuk kepentingan semua kaum di Malaysia, tetapi sayangnya niat Kerajaan yang murni ini tidak diterima baik oleh segelintir golongan yang bersikap chauvinist dan ingin mengeksploitasikan isu-isu untuk kepentingan mereka khasnya bagi tujuan politik yang sempit.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, kita patut merakamkan rasa kesyukuran kita kerana negara kita telah diakui di mata dunia sebagai sebuah negara Islam yang maju dalam semua bidang. Kemajuan di dalam negara ini menjadi contoh bukan sahaja kepada negara Islam yang lain tetapi ia juga turut dicontohi oleh negara-negara yang bukan Islam. Kesungguhan Kerajaan bagi menegakkan syiar Islam dan menjadikan Islam sebagai agama yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada manusia sebagai satu cara hidup yang menyeluruh dan merangkumi semua aspek termasuk cara pemerintahan, pengagihan ekonomi, keselamatan, kemasyarakatan dan lain-lain. Oleh itu adalah tidak wajar kalau ada mana-mana pihak yang ingin menjadikan agama sebagai alat untuk politik atau dengan kata-kata lain mempolitikkan agama bagi tujuan tertentu. Dengan mempolitikkan agama, akan timbul isu-isu yang boleh memisahkan hubungan sesama umat Islam. Sikap-sikap seperti inilah yang dengan sendirinya akan memecah-belah dan melemahkan umat Islam di negara ini.

Saya percaya bahawa bagi menentukan kemajuan negara berterusan, mestilah wujud budaya kerja yang cemerlang dan taat setia yang sepenuhnya oleh setiap lapisan masyarakat kepada Raja dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Yang Berhormat dari Betong untuk menyokong usul.

4.44 ptg.

Tuan Douglas Uggah Embas (Betong): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memohon menyokong usul menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana sudi menyampaikan Titah Ucapan Baginda di Persidangan Parlimen Ketujuh, Penggal Yang Keempat pada 26hb Februari yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kesempatan ini juga saya bagi pihak President, Ahli-ahli Majlis Tertinggi dan ahli-ahli Parti Pesaka Bumiputera Bersalu Sarawak dan rakyat jelata, khususnya di bumi Sarawak menyembahkan setinggi-tinggi junjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda itu. Mudah-mudahan dengan kesungguhan, kepekaan dan bimbingan Baginda, negara akan terus maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya terharu dengan seruan yang dititahkan oleh kebawah Duli Yang Maha Mulia agar kita mengekalkan semangat perpaduan, bertolak ansur dan semangat patriotik. Saya berpendapat unsur-unsur ini telah dapat kita capai dengan cemerlang sekali di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad. Dari pemerhatian saya, saya dapati majoriti rakyat bangga dengan apa yang telah dicapai oleh Kerajaan Barisan Nasional, negara dan Perdana Menteri-nya. Kesungguhan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaannya meningkatkan taraf hidup rakyat, pembabitan negara di dalam beberapa jawatankuasa di peringkat antarabangsa, pengendalian Persidangan CHOGM di Ibu Kola Kuala Lumpur, pertemuan Menteri-

menteri Ekonomi Eropah dan ASEAN di Kuching, penghormatan yang diberi oleh negara asing terhadap usaha-usaha mencegah penyalah-gunaan najis dadah yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, menjadikan beliau sebagai pemimpin ulung yang diingati dan dikasihi oleh rakyat jelata. Secara peribadi dan bagi pihak parti saya PBB, saya berharap dan berdoa agar usaha baik ini akan dapat diteruskan. Mudah-mudahan juga Tuhan memberi kesihatan yang baik kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk terus memimpin kita menghadapi cabaran-cabaran yang lebih besar dalam tahun-tahun 90an ini,

Tuan Yang di-Pertua, adalah tepat dan kena pada masa dan ketikanya Titah Ucapan kebawah Duli yang menggariskan panduan untuk segenap lapisan masyarakat dalam usaha kita bersamasama membina negara Malaysia ke arah negara yang makmur, bersatu dan aman. Saya percaya jika setiap lapisan masyarakat mengamalkan nasihat kebawah Duli, kita akan terus mara ke tahun 90an dengan penuh keyakinan bahawa kita akan berjaya menempuh segala cabaran dan dugaan yang lebih sophisticated dan complicated, dengan izin, serta yang baru yang tidak pernah kita alami selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran dan cubaan yang lebih hebat akan berpunca daripada masalah perkauman, keagamaan dan kedaerahan. Pihak yang tidak bertanggungjawab akan terus memperalatkan keadaan masyarakat majmuk yang menganut berbagai agama, kebudayaan dan adat resam, di samping kedudukan geography mereka dari berbagai wilayah di seluruh negara dari Perlis, Kelantan hingga Sabah dan Sarawak. Maka sewajarnya kita mengambil berat Titah Ucapan Baginda yang meminta kita sentiasa berwaspada dan meningkatkan usaha-usaha penyatuan, walaupun ancaman bersenjata komunis telah berakhir. Maka untuk membolehkan kita mengatasi masalah dalam tahun-tahun 90an, kita harus

sentiasa menjadikan nasihat Baginda sebagai panduan seharian, khususnya bagi pemimpin-pemimpin negara di semua peringkat. Dengan cara itu saya yakin kita mempunyai masa depan yang cerah, seterusnya kita juga akan berjaya membina negara yang bahagia seiring dengan matlamat integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun yang lalu langkah ke arah integrasi nasional hangat dan hebat dibincangkan serta pesat dilaksanakan. Misalnya, perkhidmatan FERI Malaysia diadakan; pertukaran pegawai-pegawai di antara Wilayah Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia juga diadakan, begitu juga mengenai pertukaran-pertukaran murid-murid sekolah, projek anak angkat dan berbagai-bagai kegiatan lain termasuk aktiviti Pemuda Barisan Nasional. Berjuta-juta ringgit telah dibelanja untuk membiayai projek tersebut. Ini bukti jelas bahawa pucuk pimpinan negara sentiasa sedar bahawa integrasi nasional adalah penting untuk menentukan masa depan negara sentiasa cerah, supaya Malaysia terus kekal bersatu, maju, makmur dan aman.

Tuan Yang di-Pertua, ke arah integrasi nasional, kami dari negeri Sarawak berterima kasih dan terhutang budi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Pemimpin yang telah memainkan peranan utama menentukan matlamat itu tercapai. Lawatan-lawatan Perdana Menteri dan Timbalannya ke seluruh pelusuh tanahair negeri Sarawak telah memberi keyakinan kepada rakyat Sarawak bahawa pucuk pimpinan adalah ikhlas dan mempunyai azam yang tinggi untuk menentukan bahawa matlamat integrasi nasional dicapai. Namun demikian, kami juga berharap pemimpin-pemimpin lain dapat melakukan perkara yang sama agar penerapan usaha-usaha perpaduan dapat ditingkatkan dengan lebih segera. Jadi, saya penuh yakin skiranya lawatan dan tinjauan yang lebih kerap dari rakan-rakan pemimpin dan menteri-menteri dari

Semenanjung, dari Kuala Lumpur dapat dilakukan, ianya akan memberi makna yang lebih besar dan konkrit ke arah perpaduan yang tulen.

Tuan Yang di-Pertua, ke arah imegrasi nasional yang hendak kita capai ini, rakyat Malaysia termasuk pemimpin politik, pegawai Kerajaan, wartawan dan belia harus memainkan peranan yang berkesan. Setiap pihak harus berusaha memahami dan menghormati inspirasi masalah kekurangan dan harapan masing-masing, baikpun rakyat di Sarawak, Sabah, di Perlis atau di Johor. Kita harus mengamalkan sikap bertolak ansur dan mengakui kita semua adalah satu keluarga yang besar. Adalah wajar sekali bagi pihak-pihak ini mengenali dan mengingati sensitiviti pihak-pihak yang lain. Mereka yang terlibat hendaklah lebih bijaksana mengenali diri sendiri dan tindakan kita masing-masing agar usaha-usaha perpaduan yang dipupuk selama ini tidak tercemar. Setiap keputusan dan tindakan harus diambil dengan adil dan seseorang atau sekumpulan tidak merasa dia dihina, ditindas, diketepikan dan sengaja ditinggalkan di luar arus pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan bersikap adil dan saksama serta memahami dan menghormati inspirasi dan masalah masing-masing, maka akan wujudlah kesefahaman dan keyakinan kepada sistem yang sedia ada. Dengan kesefahaman itu maka kita berjaya mengelakkan diri dari mengambil keputusan atau tindakan yang terburu-buru mengikut perasaan dan prejudice, dengan ini, yang akan menyinggung perasaan orang lain sehingga ia boleh mencetuskan salah faham dan perpecahan di kalangan masyarakat setempat dan di antara wilayah. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, jika pihak yang berkenaan memahami dan menghormati inspirasi, masalah kekurangan dan harapan pasukan "Ngap Sayot" Sarawak baru-baru ini maka kejadian pasukan itu mengundurkan diri dari Pasukan Bolasepak Malaysia tahun lepas mungkin dapat

dilakukan. Ini harus menjadi satu pengajaran kepada kita semua di bidang sukan ataupun politik supaya kita dapat mengelakkan peristiwa yang lebih hitam berlaku dalam liputan sejarah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kami dari Sarawak tetap memainkan peranan kami ke arah mengeratkan lagi perhubungan dan persefahaman antara wilayah di Malaysia. Bagi kami Malaysialah negara kami. Kami bersedia mengorbankan kepentingan kami untuk mengambil kira kepentingan rakyat Malaysia keseluruhannya. Di sebaliknya kami berharap rakyat di wilayah lain bersedia mengorbankan kepentingan mereka untuk mengambil kira kepentingan kami pula.

Tuan Yang di-Pertua, proses ini sepatutnya berjalan dua hala dari wilayah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia dan sebaliknya. Tetapi selagi kita akan mengamalkan sikap negatif dan prejudis maka selagi itulah matlamat integrasi nasional akan semakin jauh untuk dikejar. Tetapi sekiranya semua pihak turut mengambil bahagian yang positif, saya yakin integrasi nasional akan dicapai lebih awal dari yang dijangka. Justeru itu ada baiknya barangkali saya menekankan di sini agar bukan sahaja pihak Kerajaan dan agensi-agensi sahaja yang terlibat, sebaliknya pihak swasta juga harus turut serta. Mereka ini harus ingat bahawa rakyat yang bersatu-padu akan menjamin kestabilan dan kecemasan, manakala keamanan itu sendiri akan segera menggalakkan pertumbuhan dagangan dan lebih menguniunkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu cara kami memainkan peranan iaitu untuk mengentengahkan masalah-masalah yang telah dan mungkin akan menjejaskan perhubungan di antara wilayah. Dengan cara itu, saya berharap masalah itu diketahui, dikaji dan akhirnya diselesaikan demi kepentingan rakyat dan negara. Apabila penyelesaian telah dicapai maka luaslah jalan untuk kita terus berusaha menyatu-padu rakyat dan negara.  tujuan kami apabila kami membuat apa-apa teguran

iaitu tidak ada tujuan lain. Kami tidak mahu sesiapa pun menafsirkan mengikut selera kepentingan politik masing-masing yang hingggakan kesetiaan dan kejujuran kami juga dipersoalkan.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa isu dan masalah yang masih menjadi duri dalam daging dalam usaha ke arah integrasi nasional ini. Saya cadangkan bahawa isu-isu ini mesti dikaji supaya ia yang tidak adil dan yang menggugatkan perhubungan di antara wilayah mesti dipcrbaiki.

Tuan Yang di-Pcrtua, yang pertama adalah mcngenai pegawai-pegawai Persekutuan yang berkhidmat di Negeri Sarawak. Dalam perkara ini ada dua isu.

Tuan Yang di-Pcrtua, yang pertama, kebanyakan rakyat Sarawak merasakan agak berlebihan jumlah pegawai-pegawai dari Semenanjung Malaysia ditempatkan di Negeri Sarawak, khasnya di kategori 'C' dan kaiegori 'D'. Saya faham ada beberapa pegawai ini adalah terlibat dalam program pertukaran pegawai wilayah. Tetapi sebahagian rakyat tidak berapa memahami hakikat. Mengikut angka yang ada pada saya, kedudukan pegawai-pegawai Persekutuan yang berkhidmat di Sarawak adalah seperti berikut,

Dalam kategori 'A' dari Semenanjung Malaysia adalah 770 orang dan orang tempatan dari Sarawak adalah 1,672. Kategori 'B'—673 orang dari Semenanjung Malaysia, 1,838 orang dari Sarawak. Kategori 'C'—3,188 orang dari Semenanjung Malaysia dan 21,967 orang dari Sarawak, manakala dalam kategori 'D' pula 138 orang dari Semenanjung Malaysia dan 12,285 orang dari Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan yang sentiasa diberi mengapa pegawai-pegawai dari Semenanjung perlu ditempatkan di Sarawak, senang difahami dan diterima rakyat Sarawak sekiranya masalah pengangguran tidak seburuk sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, ramai belia kelulusan SRP, SPM, STPM masih menganggur di bandar dan di luar bandar. Untuk tahun 1990 kadar pengangguran diramalkan di sekitar 9.6%. Maka dalam keadaan mendesak adalah sukar untuk keluarga belia yang menganggur menerima penjelasan demi kepentingan negara, anak-anak mereka terus menganggur sedangkan pegawai dari tempat lain mendidik atau berkhidmat di kawasan mereka dekat kampung atau dekat rumah panjang. Bagi ibu-bapa belia ini, pegawai-pegawai yang datang dari tempat lain itu adalah dianggap oleh mereka sebagai merampas peluang anak mereka bekerja. Pandangan mereka semakin sempit apabila mereka dihasut oleh pihak Pembangkang yang sentiasa mengambil kesempatan untuk meracuni fikiran rakyat khususnya rakyat di luar bandar. Maka dengan perasaan cemburu dan ditambah dengan hasutan dari pihak Pembangkang, mereka mula membentuk sikap yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua adalah mengenai sikap pegawai-pegawai dari Semenanjung yang berkhidmat di Sarawak. Pada keseluruhannya kita puas hati dengan sikap dan mutu perkhidmatan pegawai-pegawai tersebut. Perlu juga saya rakamkan di sini ucapan tahniah dan terima kasih di atas perkhidmatan mereka itu. Kebanyakan mereka memahami dan menghormati inspirasi masalah dan kekurangan tempatan. Mereka juga berhati-hati apabila membuat keputusan atau apabila bergaul dengan rakyat tempatan. Mereka cepat menerapkan diri dengan masyarakat tempatan. Mereka ini memang memainkan peranan penting untuk meningkatkan kefahaman di kalangan masyarakat di Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, mereka ini diterima, dihormati, dan kami di Sarawak berterima kasih atas sumbangan mereka yang membangunkan Negeri Sarawak. Namun demikian, terdapat di kalangan mereka yang tidak mengambil kira sensitiviti rakyat tempatan. Tindakan-tindakan mereka semacam membelakangkan kepentingan tempatan dan

lebih tidak menyenangkan ialah bila kedatangan keputusan yang mereka buat menyinggung perasaan pemimpin negeri. Inilah yang menimbulkan kesangsian di kalangan rakyat di Negri Sarawak. Terdapat juga keputusan-keputusan Jabatan Persekutuan yang dibuat tanpa rundingan dengan pimpinan negeri. Bila rakyat menimbulkan kesangsian, maka pemimpin negeri jugalah yang akan menerima padahnya. Oleh yang demikian, adalah baiknya kalau rundingan diadakan, keputusan yang diambil sebaik-baiknya dibual selepas adanya persetujuan bersama. Saya bimbang tanpa cara yang baik ini, pihak Pembangkang di Negeri Sarawak akan menjadikan ini sebagai isu, pihak Pembangkang ini tidak kira perkara sangat, tindakan mereka hanya untuk kepentingan politik mereka sendiri. Dia tidak peduli rakyat berpecah belah, biar negeri hancur asalkan mereka untung di segi politik. Tindakan yang tidak bertanggungjawab ini harus dihentikan segera. Mereka itu hendaklah sentiasa ingat bahawa kesejahteraan rakyat mestilah diutamakan. Janganlah hendaknya fikiran rakyat dipesungkan, janganlah rakyat diracuni dengan hujah-hujah perkauman yang boleh membakar seluruh keamanan yang dicipta selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang menyedihkan juga ialah walaupun ada kesefahaman di antara pemimpin-pemimpin negeri dan pemimpin-pemimpin pusat, ianya sentiasa tidak dilaksanakan oleh pegawai-pegawai selaras dengan kefahaman di antara pemimpin dan pihak atasan. Misalnya masalah mengenai ration sekolah baru-baru ini, walaupun keputusan yang telah dipersetujui di peringkat atasan telah diberitahu kepada pegawai tersebut, tetapi masalah itu terus tidak dipedulikan.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan perkara ini, saya ingin mencadangkan, yang pertama adalah semua jawatan dalam kategori 'B', 'C' dan 'D' untuk Jabatan Persekutuan di Negeri Sarawak

dikhaskan kepada penduduk tempatan Sarawak. Ini boleh diubahsuaikan apabila masalah pengangguran di Negeri Sarawak telah reda dan berkurangan. Sebelum itu saya berharap jawatan tersebut di Negeri Sarawak hanya diisi.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap ya.

Tuan Sim Kwang Yang: Bolehkah saya minta penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Penjelasan?

Tuan Sim Kwang Yang: Ya, bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Betong menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini sedikit sebanyak tentang kontrak makanan ke sekolah-sekolah di Negeri Sarawak, sebab ini sudah dijadikan satu isu yang sedikit panas di Negeri Sarawak dan melahirkan perasaan anti-Federal di Negeri Sarawak itu. Dan bolehkah Yang Berhormat dari Betong menjelaskan pendiriannya sendiri dan PBB juga terhadap sama ada ayam-ayam yang digunakan untuk kontrak ini perlu dibeli di Negeri Sarawak ataupun diimport dari lain tempat khasnya memandangkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang ada di sini, mungkin dia pun sedar.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sengaja tidak berhasrat membincang lebih panjang mengenai perkara rasion sekolah ini kerana perkara ini telah dibincang dengan pihak berkenaan di Kuala Lumpur dan pihak berkenaan telah juga memberi keputusan bahawa perkara ini akan diselesaikan.

Mengenai ayam, saya tahu Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah membuat kenyataan di Kuching, mungkin kerana election akan datang. Ini pandangan saya sendiri. Adalah

diharapkan bahawa segala ayam yang diperlukan oleh sekolah ini dibeli di negeri Sarawak sendiri. Saya rasa kalau ayam itu diimport dari luar negeri, ia akan menjejaskan kedudukan penternakan ayam di negeri Sarawak. Itu pendirian dari saya sendiri, kerana kami lebih dahulu dari Yang Berhormat dari Bandar Kuching menyentuh perkara ini tetapi tidak menggunakan suratkhabar. Kami berbincang dengan Menteri-menteri berkenaan dan pegawai-pegawai berkenaan. Cukup?

Tuan Sim Kwang Yang: Dia tanya cukupkah, memang tak cukup. Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya sebab perkara ini tidak melibatkan kepentingan parti-parti politik sahaja, tetapi sektor pertanian di negeri Sarawak seluruhnya. Maka bolehkah Yang Berhormat dari Betong menjelaskan lagi bagaimana satu pemberian kontrak dapat diberi kepada satu syarikat untuk membekalkan ayam-ayam sahaja, terdapat satu monopoli diberi. Itu nombor satu.

Yang keduanya, adakah tender dibuat ataupun ini 'negotiated contract'. Adakah ini satu syarikat yang berasal dari negeri Sarawak ataupun beralamat di Kuala Lumpur? Kalau ianya satu syarikat berasal di Kuala Lumpur, adakah ia adil kepada anak Sarawak? Itu minta penjelasan lagi.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat dari Bandar Kuching tidak lupa, saya menimbulkan soalan yang sama pada mesyuarat Parlimen bulan November, tetapi sehingga sekarang saya masih menunggu jawapan dari Timbalan Menteri Kewangan. Saya bukan Timbalan Menteri Kewangan, jadi saya tidak dapat menjawab soalan yang ditanyakan oleh Wakil dari Bandar Kuching itu.

Untuk menyambung, jawatan tersebut di negeri Sarawak hanya diisi oleh rakyat Malaysia berasal dari Sarawak, orang tempatan. Bagi kategori C dan D peluang sepatutnya dikekalkan diberi kepada belia

tempatan. Untuk maklumat Dewan ini, kategori D adalah terdiri dari drebar dan sebagainya,

Cadangan saya yang kedua adalah sejauh mana yang dapat sebelum Ketua Jabatan Persekutuan ditempatkan di Sarawak, Kerajaan Negeri Sarawak harus diberi peluang untuk memberi pandangan. Ini adalah penting untuk menentukan bahawa Ketua Jabatan tersebut secara tidak langsung menghormati kedudukan Kerajaan Negeri dan rakyat Sarawak. Maka dari awal perhubungan baik dan persefahaman terjalin di kalangan Pegawai-pegawai Negcri dan Persekutuan. Ini adalah penting untuk mengelakkan wujud salah faham yang akan menggugat pntadbiran dan menjejaskan perkhidmatan kepada rakyat umum. Yang menjadi mangsa kelak adalah rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua yang menjadi duri dalam daging adalah mengenai ketidakseimbangan pembangunan di antara wilayah, khasnya di antara Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Dalam sektor pembangunan di negeri Sarawak jelaslah tertinggal. Bagaimanapun, kita menjunjung kasih kepada Baginda atas jaminan Baginda bahawa keutamaan akan diberi kepada pembinaan dan peningkatam mutu jalan di Sabah dan di Sarawak. .

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di seluruh pelusuk tanahair, termasuk di seluruh negeri Sarawak telah menyaksikan keadaan pembangunan yang pesat di negeri-negeri Semenanjung Malaysia dari tayangan TV ataupun baca suratkhbar atau menyedari sendiri apabila melawat ke Kuala Lumpur, ke Pulau Pinang, ke Melaka ataupun ke Johor. Misalnya, mereka merasa kesesakan memandu atau dipandu di jalanraya dari Johor ke Perlis. Apabila mereka memandu di jalan tersebut, mereka merasa seolah-olah di tempat ataupun di negara lain kerana apabila mereka balik ke negeri Sarawak, jalanraya utama negeri Sarawak pun masih lebih mundur dari jalan-jalan

kampung di beberapa tempat di Semenanjung Malaysia.

Begitu juga keadaan kemudahan-kemudahan asas seperti air, elektrik, kesihatan dan sebagainya. Misalnya, pada tahun 1988 hanya 42% isirumah di luar bandar negeri Sarawak menerima bekalan elektrik jika dibandingkan dengan kadar 79% untuk seluruh negara. Untuk tahun yang samajuga, 37% sahaja isirumah luar bandar di negeri Sarawak menikmati bekalan air, manakala angka untuk seluruh negara adalah 61.6%. Dari segi keperluan bilik darjah di sekolah-sekolah mengikut angka tahun 1989, bagi sekolah rendah jumlah kekurangan bilik darjah adalah 2,706 bilik manakala 2,388 bilik dari 7,334 bilik darjah adalah bangunan dan bilik darjah sementara.

Bagi rangkaian jalanraya mengikut angka tahun 1985, rangkaian jalanraya di negeri Sarawak hanya sepanjang 4,620 kilometer dan dari itu hanya 35% ditar. Angka ini begitu rendah jika dibandingkan dengan rangkaian jalanraya di Semenanjung Malaysia yang sepanjang lebih 30,000 kilometer dan 66.3% ditar. Kerana keluasan kedua-dua negeri ini hampir sama, Sarawak keluasanya adalah 124,000 kilometer persegi dan Semenanjung Malaysia 131,000 kilometer persegi, maka terbuhtilah Sarawak adalah tertinggal dalam bidang ini.

Maka jelaslah, Tuan Yang di-Pertua, dari angka-angka di atas kemudahan asas di negeri Sarawak masih jauh ketinggalan dari kemajuan di Semenanjung Malaysia. Maka selepas 27 tahun merdeka dalam Malaysia, hasrat dan harapan rakyat Sarawak adalah kemajuan di semua sektor ditingkatkan selaras dan setimpal dengan pembangunan di wilayah yang lain. Walaupun kami sedar keadaan di negeri Sarawak tertinggal, tetapi jika jurang perbezaan terlalu ketara dan jauh, ia akan menimbulkan berbagai persoalan. Keadaan ini juga boleh diperalatkan oleh orang yang tidak bertanggungjawab untuk menggugat kestabilan negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya merayu bahawa bantuan kewangan untuk pembangunan negeri Sarawak ditingkatkan atau ditambah lebih banyak lagi dari apa yang diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelima hanya S2.2 billion diluluskan untuk Sarawak jika dibandingkan dengan S6.6 billion yang dipohon. Walau bagaimanapun, kami sedar pada permulaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima, negara kini menghadapi kemerosotan ekonomi yang begitu teruk. Maka kami memahami dan menerima alasan yang diberi apabila sebahagian besar dari projek yang dipohon, projek pembangunan negeri Sarawak ditunda ataupun dipotong atau terpaksa dibiayai oleh negeri Sarawak sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pemulihan ekonomi negara, kami merayu bahawa peruntukan perbelanjaan pembangunan untuk negeri Sarawak ditingkatkan dan ditambah dalam Rancangan Malaysia Keenam. Tambahan pula negeri Sarawak sekarang menghadapi berbagai masalah sosio-ekonomi yang perlu segera diselesaikan. Oleh yang demikian, kami berhasrat hendak mempercepatkan lagi rentak pembangunan supaya masalah tersebut dapat dikurangkan. Masalah-masalah tersebut adalah, yang pertama, kadar pengangguran yang tinggi di kalangan belia yang tidak mempunyai kemahiran dan kecenderungan bekerja sebagai buruh atau pekerja kolar biru. Ini berlaku apabila peluang pekerjaan ada di ladang-ladang, tetapi tidak ramai belia bersedia bekerja di ladang sebagai buruh. Walaupun banyak peluang di industri untuk pekerja mahir, di industri petroleum seperti kimpalan dan sebagainya adalah susah mencari tenaga kerja tempatan yang dapat atau bersedia memasuki sektor ini, maka mereka ini rela menganggur.

Dalam tahun 1988 kadar pengangguran di Sarawak adalah 9.7%. Ini dijangka

turun kepada 9.6% pada tahun ini. Masalah kedua, Tuan Yang di-Pertua, adalah masalah kadar kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar yang masih tinggi. Bagi tahun 1987, kadar kemiskinan luar bandar Negeri Sarawak adalah 29.5% jika dibandingkan dengan 22.4% di luar bandar di Semenanjung Malaysia. Walaupun kadar untuk Negeri Sarawak ini telah berjaya diturunkan dari 31.9% pada tahun 1984, ianya masih dianggap sebagai tinggi.

Masalah ketiga adalah ketidakseimbangan terhadap pembangunan di antara wilayah dan di antara kumpulan atau suku-suku kaum di Negeri Sarawak. Misalnya, kadar kemiskinan di antara wilayah Negeri Sarawak berbeza seperti dalam tahun 1987, kadar kemiskinan di luar bandar adalah 29.4%, manakala di bandar hanya 8.2%. Perbezaan juga wujud di antara kaum atau kumpulan mengikut angka pada tahun 1984. Kadar kemiskinan di kalangan kaum-kaum dari Sarawak adalah seperti berikut. Kaum Melayu adalah 26.8%, kaum Iban 52%, kaum Bidayuh 42%, kaum Melanau 41.2%, Orang Ulu 33.4%, Cina 9.4%. Saya rasa angka ini memang bertambah baik, tetapi saya tidak dapat angka yang lebih akhir dari tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan dan langkah untuk mengurangkan ketidakseimbangan ini perlu disegerakan. Perkara ini telah dan saya percaya akan terus dijadikan modal oleh pihak tertentu. Yang paling penting ialah kita tidak mahu masalah ini berkembang sebagai penyakit sosial dalam masyarakat kita. Kita tidak mahu melihat sesiapa pun mundur dan tertinggal kerana dari dasar yang tidak seimbang itu, dari pembahagian harta dan kepayaan negara yang tidak setimpal dan meningkatkan jurang perbezaan di antara yang berada dan yang tidak berada. Dari situ boleh meletus masalah sosial yang akan menggugat kestabilan negara. Dalam pandangan saya kesemua masalah di atas perlu dikurangkan. Ini memerlukan perbelanjaan yang besar, maka saya berharap Kerajaan Persekutuan dapat

memperutukkan lebih banyak lagi pcruntukan untuk Negeri Sarawak supaya masalah tersebut selesai, supaya jurang perbezaan kadar pembangunan di antara wilayah dikurangkan. Dengan kesefahaman dan kerjasama semua pihak, saya yakin harapan Baginda semoga negara kita terus bersatu, aman, maju dan makmur dicapai.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Negara Malaysia memang sentiasa berhadapan dengan berbagai tuduhan liar yang dibuat oleh pihak berkepentingan diri di dalam dan di luar negri. Sentiasanya kita biar perkara itu begitu sahaja. Tetapi buru-buru ini seorang yang dipandang tinggi oleh masyarakat dunia, bakal pewaris takhta British dan Ketua Negara yang mempunyai sejarah rapat dengan Malaysia terburu-buru tanpa berhati-hati, tanpa berusaha menentukan sama ada tuduhan itu tepat atau tidak, terus membuat tuduhan liar mengenai pembunuhan beramai-ramai kaum Penan di Sarawak oleh Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa dukacita kerana Putera Charles menghina dan menyinggung perasaan rakyat Malaysia. Maka saya menyokong penuh tindakan Pergerakan Pemuda UMNO yang telah menghantar nota bantahan ...

Tuan Sim Kwang Yang: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat....

Tuan Douglas Uggah Embas: ... dan berhasrat hendak berjumpa dengan Putera Charles.

Tuan Sim Kwang Yang: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Betong, sekejap.

Tuan Sim Kwang Yang: Peraturan Mesyuarat 36 (8). . . sovereigns of friendly states shall not be referred to except upon a substantive motion moved for that purpose. Putera Charles tidak

bolth disentuh sebab kelakuannya sendiri, Peraturan Mesyuarat 36 (8), minta satu ruling.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Peraturan Mesyuarat 36 (8), Yang Berhormat?

Tuan Sim Kwang Yang: 36 (8)... .siapa jua Ketua Negara negeri-negeri yang bersahabat dengan Malaysia, tidak boleh disebutkan kecuali dengan dikeluarkan usul sendiri bagi maksud-maksud itu.

Tuan Douglas Uggah Embas: Prince Charles belum menjadi Ketua Negara.

Tuan Sim Kwang Yang: Bakal Ketua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat biar saya buat keputusan. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching tadi ialah mengenai Ketua Negara. Saya bersependapat dengan Ahli dari Betong bahawa Prince Charles bukan Ketua Negara. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Douglas Uggah Embas: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap Putera Charles tidak mendapat maklumat dari Yang Berhormat wakil dari Bandar Kuching.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa kaum Penan masih jauh tertinggal dari arus pembangunan. Menyedari hakikat itu Kerajaan Negeri menubuhkan jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Perindustrian Sarawak, Yang Berhormat Abang Johari Tun Abang Haji Openg. Setiap tahun Jawatankuasa ini diperuntukkan satu juta ringgit bantuan. Baru-baru ini S4 juta telah diberi pcruntukan lagi oleh Kerajaan untuk membina kemudahan seperti sekolah, klinik dan pusat pertanian di perkampungan Penan di Baram dan di Belaga. Maka dari itu jelaslah hasrat Kerajaan adalah untuk membawa perubahan kepada kaum Penan. Bantuan itu adalah bertujuan bahawa mereka dapat

menikmati kehidupan baru selaras dengan zaman dan seimbang dengan kemajuan negara keseluruhannya.

Saya berharap mereka dapat bersama-sama menikmati kemudahan pendidikan kesihatan dan cara hidup yang lebih selesa. Maka jelaslah bukti bahawa tuduhan Putera Charles itu liar dan silap. Dia telah mendapat maklumat yang tidak tepat. Mungkin orang yang memberi maklumat itu sengaja hendak mengotorkan nama negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu dan mendesak Suruhanjaya Tinggi British di Kuala Lumpur untuk memberi maklumat yang betul kepada Putera Charles. Dengan maklumat yang betul itu maka kita berharap beliau akan membetulkan kenyataan beliau untuk pengetahuan seluruh dunia. Itulah sekurang-kurangnya beliau harus buat untuk memilikkan keadaan ini. Kita berharap hubungan rapat kita sebagai keluarga dalam Komanwe! akan memudahkan lagi pertukaran maklumat di antara Kuala Lumpur dan London.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya merayu bahawa Kementerian Luar kita memberi taklimat kepada duta-duta asing mengenai beberapa perkara semasa di negara kita ini supaya mereka ini mendapat maklumat yang betul dan tepat supaya perkara yang seperti ini tidak berlaku lagi.

Dan dengan itu saya sekali lagi ucap jutaan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyokong Usul Titah Ucapan Di Raja dan dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Ketua Pcmbangkang, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

5.09 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertua Agong Kesembilan atas Titah Ucapan Di Raja semasa Baginda membuka sesi bersama Parlimen kelmarin.

Baginda Yang di-Pertuan Agong telah buat satu seruan yang amat mustahak apabila Baginda bertitah: "Kita semua mestilah memainkan peranan masing-masing bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan negara terus terpelihara. Beta menyeru semua rakyat mengekalkan semangat patriotik supaya sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan akan terus menjadi amalan kita."

Tuan Yang di-Pertua, inilah seruan yang cukup terang daripada Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya semua rakyat Malaysia dapat mempertahankan sistem demokrasi berparlimen dan sistem Raja Berperlembagaan di Malaysia. Seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama harus bersama-sama menyahut seruan Baginda untuk mempertahankan sistem demokrasi berparlimen dan sistem Raja Berperlembagaan di Malaysia.

Di seluruh dunia, perubahan-perubahan politik yang besar sedang bergerak sama ada di Eropah Timur, di Russia ataupun di Afrika Selatan. Pada masa-masa lampau, pemimpin-pemimpin negara kita pernah mengutuk dalam forum-forum antarabangsa tentang betapa kurangnya kebebasan demokratik dan hak-hak asasi manusia di negara-negara tersebut, tetapi apabila kita melangkah masuk ke satu dekad 1990an yang baru, nampaknya Malaysia telah ketinggalan di kalangan negara-negara lain yang membenarkan rakyat mereka menikmati hak-hak asasi manusia dan kebebasan demokratik yang sungguh bererti.

Dalam bidang ekonomi, dari kedudukannya di tangga kedua di ASEAN selepas Jepun pada zaman merdeka tahun 1957, Malaysia kini juga ketinggalan oleh negara-negara yang digelar "Empat Naga Kecil" iaitu Taiwan,

Korea Selatan, Singapura dan Hong Kong. Dan kini, Malaysia juga ketinggalan dalam segi politik dan demokrasi.

Malaysia ketinggalan dari lain-lain negara dalam segi hak-hak asasi manusia dan kebebasan demokratik kerana dua faktor: pertama, gerakan kemajuan ke arah democalization dan penghormatan hak-hak asasi manusia yang diambil oleh negara-negara ini yang pada satu ketika tidak bebas; dan keduanya, kemerosotan dan tindakan merampas kebebasan demokratik dan hak-hak asasi manusia yang tidak terhingga di negara kita.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bertolak ke Lusaka kelmarin untuk bertemu dengan Nelson Mandela yang dipenjarakan selama 27 tahun kerana perjuangannya menentang dasar-dasar perkauman, tidak demoktrik di bawah regim apartheid Pretoria.

Selepas pembebasan Nelson Mandela dari pcnjara, tokoh Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) ini boleh mengadakan rapat umum seramai 50,000 orang dan juga 100,000 orang di Cape Town dan lain-lain tempat di Afrika Selatan. Tetapi di Malaysia yang mendakwa ia mempunyai nilai-nilai moral yang lebih murni berbanding dengan regim repressive di Afrika Selatan, rapat umum masih diharamkan (*Tepuk*) meskipun Kerajaan Malaysia telah menandatangani Perjanjian Pendamaian dengan PKM di Haadyai pula bulan Disember lalu bagi menamatkan perjuangan bersenjata komunis selama 41 tahun.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bertolak ke Lusaka sebaik sahaja selepas pembukaan Penggal Keempat Parlimen, meninggalkan negara kita ini tanpa seorang Perdana Menteri, tanpa seorang Timbalan Perdana Menteri, tanpa seorang Pemangku Perdana Menteri (*Tepuk*) untuk memberi penghormatan kepada pejuang kebebasan yang menghabiskan 27 tahun meringkuk di dalam penjara demi kebebasan demokratik dan hak-hak asasi manusia bagi rakyat dan negaranya.

DAP memberikan sokongan sepenuhnya kepada Nelson Mandela dan perjuangannya untuk memulihkan hak-hak asasi manusia dan maruah rakyat dan negaranya kerana perjuangan untuk menegakkan hak-hak asasi manusia dan kebebasan demokratik adalah satu aspirasi manusia yang sejagat yang tidak kenal batasan sempadan negara ataupun sempadan buatan manusia. Malangnya, jika seorang rakyat Malaysia, seorang pemimpin orang Malaysia berdiri dan berucap di negara lain tentang keperluannya untuk mendapat sokongan antarabangsa dan perpaduan solidariti antarabangsa untuk mempertahankan hak-hak asasi manusia dan kebebasan demokratik manusia sendiri, dia akan dituduh sebagai seorang pengkhianat oleh Kerajaan dan jentera propaganda rasmi dan media massa. Mengikut ukuran Barisan Nasional, Nelson Mandela akan digelarkan sebagai seorang pengkhianat kerana beliau telah pergi ke Lusaka untuk berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri demi memperjuangkan hak-hak asasi manusia dan kebebasan demokratik bagi orang kulit hitam di Afrika Selatan.

Saya tidak mengsyaki bahawa sekiranya seorang rakyat Malaysia mengikut jejak langkah Nelson Mandela berjumpa pemimpin-pemimpin asing di negara-negara asing bagi membincang tentang ketidakadilan dan penghinaan manusia di tanahair kita, beliau akan dituduh, didakwa dan mungkin dipenjarakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. (*Ketawa*) Malaysia tidak seharusnya mempunyai "double standard" dalam isu hak-hak asasi manusia dan kebebasan demokratik sama ada menyentuh soal-soa! negara-negara lain mahupun rakyat Malaysia sendiri. Inilah sebabnya saya ingin menyeru kepada Kerajaan Malaysia untuk menyuarakan perhatian serta mengutuk pencabulan hak-hak asasi manusia di Myanmar.

Baru-baru ini Suruhanjaya Pilihanraya bagi Majlis Pemulihan Myanmar telah mengumumkan tokoh pembangkang

Aung San Suu Kyi yang kini masih di dalam kurungan rumahnya tidak layak bertanding sebagai calon bagi pilihanraya kebangsaan yang dijadualkan pada 27hb Mei tahun ini. Juga terdapat laporan-laporan yang merunsingkan yang menyatakan bekas Perdana Menteri U Nu juga telah ditahankan dan pemimpin National League of Democracy, U Tin Oo telah dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun atas tuduhan-tuduhan melaksanakan kegiatan subversif selepas dibicarakan oleh sebuah "Military Tribunal".

Ahli-ahli Parlimen di Malaysia serta Kerajaan harus mencyuarakan perhatian dengan jelas tentang penahanan dan pemenjaraan beribu-ribu ahli NLD dan lain-lain kumpulan pembangkang dan pertubuhan pelajar-pelajar serta laporan mengenai penyiksaan tahanan-tahanan politik ini. Kerajaan Malaysia harus meminta pihak berkuasa Myanmar untuk menarik balik sekatan-sekatan atas Aung San Suu Kyi untuk membenarkan beliau dan lain-lain pemimpin pembangkang untuk menggunakan hak-hak mereka untuk bebas berucap dan berpersatuan serta membebaskan semua tahanan politik termasuk U Tin Oo yang menuntut hak-hak mereka secara aman. Malangnya pendirian Kerajaan Malaysia atas isu hak-hak manusia dan kebebasan demokratik adalah begitu bersifat pilih kasih atau selective dan suspect sehingga Malaysia menjadi sasaran pengkritik-pengkritik antarabangsa khasnya kerana pencabulan hak-hak asasi manusia yang kian menjadi-jadi.

Sebenarnya dalam empat tahun selepas pilihanraya 1986, Kerajaan Barisan Nasional telah memusatkan kuasa-kuasa dalam tangannya dengan cara sistematik dengan mencabuli institusi-institusi penting serta prinsip-prinsip berperlembagaan yang berfungsi sebagai check and balance dalam memastikan sistem demokrasi berparlimen dapat bergerak di Malaysia.

Pada tahun 1986, Akta Rahsia Rasmi telah dipinda untuk mengenakan

hukuman mandatori, penjara minima satu tahun bagi sesiapa yang membongkarkan skandal-skandal kewangan. Ekoran itu, orang-orang yang membongkarkan skandal-skandal kewangan Kerajaan dianggap lebih salah dari orang-orang yang menyelewengkan wang rakyat. *(Tepuk)*

Jika Kerajaan tidak dapat menggunakan Akta Rahsia Rasmi untuk mencegah pembongkaran skandal kewangan Kerajaan, ia masih boleh bergantung kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menutup mulut-mulut, dengan izin, the whistle blowers. Inilah sebabnya mengapa saya dan rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Jelutong satu masa kita telah ditahan di Kemunting kerana skandal \$60 billion Lebuhraya Utara-Selatan yang melibatkan syarikat milikan UMNO-United Engineers Malaysia. *(Tepuk)* Dalam Kerajaan Barisan Nasional yang kelam kabut ini rasuah tidak menjadi satu jenayah tetapi membongkar rasuah adalah tindakan berjenayah. *(Tepuk)*

Dalam Lahun 1987, Kerajaan telah mewujudkan perasaan takut dan gentardi dalam negara dengan penahanan beramai-ramai pemimpin-pemimpin dan Ahli-ahli Parlimen Pembangkang dan pengkritik-pengkritik Kerajaan di bawah Operasi Lalang. Seramai 106 rakyat Malaysia yang tidak bersalah telah ditahan, di mana dari jumlah ini, 66 orang dibebaskan pada akhir tempoh soal-siasat selama dua bulan. Memandangkan tidak seorang pun yang ditahan selama dua tahun, sungguhpun ada diperintah untuk di tahan untuk dua tahun, ini jelas menunjukkan betapa tipisnya sebab penahanan mereka adalah kerana faktor keselamatan.

Matlamat Operasi Lalang yang amat jelas ialah bukan untuk melindungi kepentingan negara tetapi untuk menimbulkan perasaan takut dan gentar di kalangan rakyat Malaysia supaya mereka tidak menentang atau mengkritik Kerajaan dan dasar-dasarnya. Sebenarnya adalah satu ketika pada tahun 1988 rakan-rakan dan saya di Kem Tahanan

Kamunting menjangkakan Yang Berhormat dari Gua Musang dan rakan-rakannya mungkin menyertai kami di Kamunting bersama-sama menikmati, dengan izin, hospitality of His Majesty's Government.

Tuan Yang di-Pertua, empat buah suratkhbar ditutup semasa Operasi Lalang. Sebelum tamatnya tahun 1987, Kerajaan telah menggunakan majoriti yang begitu besar dalam Parlimen untuk meminda Akta Polis, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan bagi menekan lagi hak-hak rakyat Malaysia untuk bebas bersuara, bebas berkumpul dan bebas berpersatuan.

Pada tahun 1988, Kerajaan Barisan Nasional telah bergerak menentang Badan Kehakiman. Pada bulan Mac, ia sekali lagi menggunakan majoriti lebih dalam Parlimen untuk meminda Perlembagaan bagi membenarkan Badan Eksekutif untuk merampas kuasa dan fungsi Kehakiman. Langkah selanjutnya ialah memancung badan Kehakiman dengan memecat Ketua Hakim Ncgara, Tun Salleh Abas dan dua hakim Mahkamah Agung, Tan Sri Wan Sulaiman dan Datuk George Seah. Dengan begitu mudahnya, prinsip-prinsip utama tentang kebebasan badan kehakiman, kedaulatan undang-undang dan doktrin pemisahan kuasa telah dimusnahkan.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Pada bulan Julai 1988 dan sekali lagi pada Jun 1989, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menghapuskan peruntukan kajian semula perundangan ke atas alasan-alasan penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan memberikan diri sendiri kuasa-kuasa dictatorial.

Pada tahun 1989, Peguam Negara telah mengarahkan pihak Polis untuk memusnahkan bukti-bukti penting dalam skandal video lucah Yijandran iaitu 11 pita video lucah, empat sampul surat yang mengandungi 2,000 keping gambar dan

filem negatif yang dicuri dari peti simpanan kepunyaan bekas Timbalan Speaker Dewan Rakyat pada bulan Ogos 1988 selepas melakukan empat keputusan yang boleh disoalkan.

Pertamanya, bahawa empat orang yang ditahan kerana mencuri peti itu tidak akan didakwa kerana ibu Yang Berhormat dari Kapar tidak dapat mengenal pasti pencuri-pencuri itu walaupun kecurian itu berlaku pada waktu siang hari.

Keduanya, bahawa Yang Berhormat dari Kapar tidak akan didakwa kerana menyimpan pita-pita video, gambar-gambar dan filem negatif.

Kttiganya, bahawa Yang Berhormat dari Kapar tidak akan didakwa kerana membuat laporan Polis yang palsu yang mendakwa bahawa peti yang dicuri itu mengandungi dokumen-dokumen penting MIC apabila ia mengandungi pita video, gambar dan filem negatif.

Keempatnya, bahawa 11 pita video itu, 2,000 keping gambar dan filem negatif dimusnahkan dengan kebenaran Yang Berhormat dari Kapar. Dalam keadaan ini, jika pita video itu adalah mengandungi bahan-bahan lucah, adakah Yang Berhormat tersebut berhak untuk tidak memberi kebenaran?

Walau apa pun terjadi, pengumuman oleh Peguam Negara pada 10hb Januari, 1990 bahawa dia telah mengarahkan supaya pita video dan gambar-gambar dimusnahkan telah mengejutkan seluruh rakyat di mana kesan-kesannya masih boleh dirasakan hingga hari ini.

Sebelum mesyuarat Parlimen ini, saya telahpun membentangkan satu usul untuk memecatkan Yang Berhormat dari Kapar sebagai Timbalan Speaker dan merujukkannya kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Dua hari sebelum Pembukaan Parlimen, Yang Berhormat dari Kapar telah menghantar surat perletakan jawatan sebagai Timbalan Speaker, selepas dia telah memohon dan

diberikan cuti panjang tanpa batasan masa sebagai Timbalan Speaker satu bulan dahulu.

Kelmarin, akhbar-akhbar telah melaporkan satu kenyataan Yang Berhormat dari Kapar yang dikeluarkan oleh peguamnya yang memberikan sebab-sebab mengapa dia meletakkan jawatan Timbalan Speaker.

Sebab pertamanya ialah tindakan mengambil cuti telah membebaskan Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua.

Keduanya, isu itu telahpun dipolitikkan walaupun dia berkata Perdana Menteri, Presiden MIC dan Speaker telah memperlakukan haknya untuk terus menjadi Timbalan Speaker dengan alasan bahawa dia tidak bersalah sebelum dibuktikan demikian.

Ketiganya, dia mendakwa bahawa kekecohan isu yang ditimbulkan oleh DAP telah melahirkan anggapan prejudis terhadapnya untuk menjejaskan saman malu yang dia kemukakan terhadap anggota Parlimen DAP kawasan Jelutong.

Oleh kerana Yang Berhormat dari Kapar telah meletakkan surat perletakan jawatan sebagai Timbalan Speaker, saya tidak bercadang untuk memberi komen panjang tentang kedudukannya walaupun dia harus juga meletakkan jawatan sebagai Ahli Parlimen kawasan Kapar. (Tepuk)

Sebenarnya, sejak pengumuman Peguam Negara pada 10hb Januari, 1990 bahawa dia telah mengarahkan pemusnahan pita video, gambar-gambar dan filem negatif, isu itu bukan lagi isu seorang. Isu seseorang telah menjadi satu isu yang kecil dan sampingan berbanding dengan isu yang lebih besar dan asas berhubung dengan penyelewengan kuasa oleh Peguam Negara. Namun begitu, kenyataan umum yang dikeluarkan kelmarin tentang tiga sebab mengapa dia meletak jawatan sebagai Timbalan Speaker tidak boleh dibiarkan begitu sahaja khasnya dalam satu aspek.

Yang Berhormat dari Kapar menegaskan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Presiden MIC yang juga Menteri dan Tuan Yang di-Pertua telah mempertahankan haknya untuk terus menjadi Timbalan Speaker yang membayangkan kononnya mereka menghormati undang-undang dan mahkamah dengan baik. Soalan penting yang harus ditanya ialah sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Presiden MIC dan Tuan Yang di-Pertua membuat sesuatu yang betul apabila mempertahankan hak Yang Berhormat dari Kapar....

Tuan Hashim bin Safin: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Di bawah Standing Order....

Tuan Yang di-Pertua: Standing Order berapa?

Tuan Hashim bin Safin: 36 (2). Saya ingin mendapat penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua, apakah perkara ini boleh dibincangkan berdasarkan Peraturan Mesyuarat 36 (2)?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa tidak. Dia tidak sebutkan perkara-perkara yang hendak dibicarakan.

Tuan Hashim bin Safin: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Soalan penting yang harus ditanya ialah sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos selaku Presiden MIC dan termasuk Tuan Yang di-Pertua, membuat sesuatu yang betul apabila mempertahankan hak Yang Berhormat dari Kapar untuk terus menjadi Timbalan Speaker. Ini satu soalan yang penting dan jawapan yang betul adalah diperlukan sebagai satu panduan bagi tindakan Kerajaan apabila menghadapi keadaan yang sama di masa depan.

Di sini saya hendak menyoalkan kesopanan atau propriety dan prinsip sikap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos selaku Presiden MIC termasuk Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua bahawa Yang Berhormat dari Kapar berhak terus menyandang jawatan Timbalan Yang di-Pertua sehingga keputusan saman malu beliau terhadap Yang Berhormat dari Jelutong diselesaikan.

Saya hendak menegaskan sekali lagi bahawa saya tidak pernah meminta sesiapa termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dan Tuan Yang di-Pertua untuk menghukum dahulu, untuk pre-judge Yang Berhormat dari Kapar dan mengisytiharkan beliau sebagai bersalah dengan penglibatan dan menjadi bintang pelakun dalam 11 buah pita video

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu adalah sub-judice.

Tuan Lin Kit Siang: Saya tidak kata, saya tidak menanya sesiapa untuk pre-judge dan kata beliau salah dalam perkara yang sabit iaitu tuduhan mengatakan beliau menjadi premier actor, itu statement of fact.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa yang tuduh siapa itu? Yang membawa kes itu ialah kes sivil saman malu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak meminta sesiapa untuk membual satu pre-judgement dalam perkara ini dan saya bersetuju bahawa sesiapa yang membuat satu pre-judgement yang begitu, itu adalah tidak adil. Tetapi dalam kes ini saya percaya tidak seorang pun dari Jemaah Menteri dapat secara jujur serta bertanggungjawab mendakwa - saya lihat tidak ada seorang pun daripada Jemaah Menteri di sini—tidak seorang pun daripada Jemaah Menteri dapat secara jujur serta bertanggungjawab boleh mendakwa bahawa ia tidak tahu isi kandungan 11 pita video, 2,000 keping

gambar dan filem negatif yang dimusnahkan atas arahan Peguam Negara.

Pihak Polis dan Peguam Negara tahu apa isi kandungan dalam 11 pita video dan gambar-gambar serta filem negatif. Sama ada bahan-bahan itu lucu atau tidak, sama ada Yang Berhormat dari Kapar terbabit atau tidak, Polis tahu dan Peguam Negara tahu. Jemaah Kabinet boleh mendapatkan bukti-bukti dengan senang-nya dari pihak Polis atau daripada Peguam Negara dan pengetahuan pihak Polis, pengetahuan Peguam Negara harus dianggap atau attributed sebagai pengetahuan Kabinet dan Perdana Menteri, oleh kerana inilah prinsip collective responsibility. Pengetahuan Polis, pengetahuan Peguam Negara, pengetahuan Kerajaan dan pucak pimpinan Kerajaan ialah Kabinet dan Perdana Menteri dan tiada sesiapa dalam Kabinet boleh mengatakan bahawa mereka tidak tahu, selain daripada mereka bertindak seperti, dengan izin, "Ostriches hiding their heads in the sand". (*Tepuk*)

Jika tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Jelutong bahawa Yang Berhormat dari Kapar terlibat dalam pita-pita video lucu berhubung dengan perkara yang tidak diketahui oleh pihak Kerajaan dan tidak diketahui oleh pihak Polis, tidak diketahui oleh Peguam Negara, maka adalah sesuatu yang betul bagi Kerajaan untuk mengamalkan sikap bahawa seseorang tidak harus dihukum terlebih dahulu dan adalah terpulang kepada mahkamah untuk memutuskan tentang kebenaran tuduhan-tuduhan itu. Tetapi dalam kes ini Kerajaan tidak boleh mendakwa ia tidak sedar apabila melalui pihak Polis dia telah mendapat balik 11 pila video, 2,000 keping gambar serta menyerahkan kertas-kertas siasatan Polis kepada Peguam Negara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Jemaah Kabinet melalui Polis dan Peguam Negara tahu akan isi kandungan pita video, gambar-gambar dan filem negatif

kepunyaan Yang Berhormat dari Kapar. Sama ada bahan-bahan ini lucu dan membabitkan Yang Berhormat atau tidak....

Tuan S.S. Subramaniam: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Hulu Selangor bangun atas apa, Yang Berhormat?

Tuan S.S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, atas Peraturan Mesyuarat 36(2). Saya rasa perkara ini sedang dihadapkan di mahkamah dan saya ingin memohon kepada Yang di-Pertua janganlah teruskan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong berucap, dia tidak kata Yang Berhormat dari Kapar itu bersalah, dia tidak kata.

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang saya katakan ialah pendirian yang patut diambil oleh Kerajaan apabila menghadapi kes semacam ini. Itulah soalnya. (*Tepuk*)

Jika pita video, gambar-gambar dan filem-filem negatif adalah tidak menjolok mata, tidak merbahaya, tidak lucu sama sekali, Peguam Negara, Kabinet, Polis, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan bertindak dengan tidak bertanggungjawab sekiranya mereka tidak menyatakan begitu secara umum serta membersihkan Yang Berhormat dari Kapar. Mereka tahu apa di dalam video tape itu oleh kerana Polis tahu dan Peguam Negara tahu dan kalau mereka tahu tidak lucu, tidak salah, kalau mereka diam membenarkan Yang Berhormat dari Kapar menderita—mahu letak jawatan, saya rasa ini satu langkah yang tidak bertanggungjawab, satu langkah yang tidak honourable. (*Tepuk*) Tambahan pula dengan membenarkan Yang Berhormat dari Kapar meletakkan jawatan sebagai Timbalan Speaker apabila mereka tahu pita video, gambar dan filem negatif adalah tidak merbahaya, tidak lucu langsung, Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri, Yang Berhormat Presiden MIC dan kesemua Ahli-ahli Kabinet sudah berlaku dengan cara yang paling tidak jujur, malu dan keji, dengan izin, cowardly, contemptible (*Tepuk*), yang harus dikutuk oleh semua rakyat Malaysia yang waras.

Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Presiden MIC, Yang Berhormat Ahli-ahli Kabinet manusia yang tidak mempunyai maruah dan kesopanan? (*Tepuk*) Dengan izin, so lacking in common decency and honour membenarkan Yang Berhormat dari Kapar meletakkan jawatan sebagai Timbalan Speaker, Setiausaha Agung MIC, Pengerusi MAIKA Holding apabila mereka benar-benar tahu kerana melalui Polis dan Peguam Negara bahawa pita video, gambar-gambar yang dipunyai oleh Yang Berhormat dari Kapar tidak merbahaya dan tidak lucu. Biarpun saya tidak begitu bersetuju dengan cara-cara berpolitik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Presiden MIC dan lain-lain Ahli Kabinet, namun saya tidak percaya bahawa mereka semua adalah manusia yang tidak bermaruah dan tidak bersopan. Saya tidak percaya bahawa mereka lacking in basic honour and decency.

Saya tidak mensyaki bahawa mereka tahu isi kandungan dalam pita video dan gambar-gambar dan jika benar pita video dan gambar-gambar itu tidak merbahaya dan tidak lucu, mereka akan memperlakukan Yang Berhormat dari Kapar dengan sungguh-sungguh dan tidak akan membenarkan beliau meletakkan jawatan sebagai Timbalan Speaker. Saya kata saya tidak mensyaki bahawa Ahli-ahli Kabinet tahu isi kandungan pita video dan gambar-gambar kerana ini adalah tanggungjawab dan tugas mereka untuk memastikan apa yang....

Dr. Abdul Hadi bin Derani: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Kota Setar bangun.

Dr. Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Saya ingin minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan Yang Berhormat Karpal adalah Timbalan Speaker dan berkali-kali mengatakan bahawa Yang Berhormat Karpal adalah Timbalan Speaker. Jadi saya ingin penjelasanlah, adakah Yang Berhormat dari Jelutong itu bekas Timbalan Speaker? (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat daripada Kapar.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang sangat serius, satu perkara yang bersabit dengan prinsip Kerajaan, tanggungjawab Kerajaan bukan personality. Saya kata, saya tidak syaki bahawa Ahli-ahli Kabinet tahu isi kandungan pita video dan gambar-gambar kerana ini adalah tanggungjawab dan tugas mereka untuk memastikan apa yang pihak polis dan Peguam Negara lahu. Sekiranya Ahli-ahli Kabinet tidak pernah meminta satu taklimat daripada pihak polis dan Peguam Negara maka mereka telah melakukan kesalahan atau kecuaiian yang besar kerana mengabaikan tanggungjawab mereka. Saya cuma boleh membuat satu kesimpulan bahawa Ahli-ahli Kabinet telah diberikan satu taklimat oleh polis dan Peguam Negara berkenaan dengan pita video dan gambar-gambar tersebut dan mereka mendapati lebih baik untuk berpura-pura yang mereka tidak sedar akan isi kandungan pita video itu. Benar? (*Ketawa*)

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir seperti biasa sandiwara Ketua Pembangkang ini sudah lebih daripada balasnya. Dia membuat satu andaian bahawa ahli-ahli Jemaah Menteri diberi maklumat terperinci tentang pita video. Bukan kerja saya, bukan minat saya untuk melihat sepertimana minat peribadi beliau, "sheer hypocrisy" (*Tepuk*) atas nama moral, kerana kalau atas nama moral dan prinsip moral hendak diperlahankan, saya katakan kalau sesiapa sahaja tidak kira

Yang Berhormat dari Kapar atau Yang Berhormat dari Tanjong atau Yang Berhormat dari Jelutong melakukan kerja-kerja itu tindakan tetap diambil. Kita tidak akan mempertahankan atau mendukung tetapi bukan kerja kita, bukan minat kita untuk membuat hukuman sebelum perkara itu diputuskan oleh mahkamah dan kita tidak mendapat maklumat. (*Disampuk*)—dengar, kerana saya sudah muak dengan celoteh Pembangkang-pembangkang memainkan isu ini yang sebenarnya berpura-pura, kononnya hendak mempertahankan prinsip moral. Saya tidak berminat untuk mempertahankan sesiapa juga yang disabitkan bersalah dalam kes seperti ini tetapi bukan kerja saya untuk menjadi Ketua Hakim menghukum apatah lagi kes ini sedang dipertimbangkan dan akan diperimbangankan dan diputuskan oleh mahkamah. Ini penjelasan saya, Tuan Yang di-Pertua. (*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pendidikan hilang langsung point yang saya kemukakan. Saya tidak pernah kata dalam ucapan tadi mengenai masalah moral langsung. Saya kata perkara ini bukan satu perkara yang kita mahu bincang oleh kerana beliau sudah letak jawatan. Saya tidak membuat hujah mengenai soalan moral. Hujah-hujah saya ialah tanggungjawab Kabinet (*Tepuk*), tanggungjawab Kerajaan. Bukan saya kata bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan berminat tengok pita-pita video (*Ketawa*) semacam ini—saya tidak tahu,—tetapi oleh kerana beliau rasa perlu untuk membuat satu penahanan, mungkinlah dia ada sebab perlu satu defence. Tetapi hujah saya ialah mengenai video tape dalam tangan polis, video tape dalam pengetahuan Peguam Negara—mereka tahu apa dalam video tape itu dan apabila saya kata bahawa apabila polis dan Peguam Negara tahu, ini bererti Kerajaan tahu. Polis dan Peguam Negara tahu bagi pihak siapa? Bagi pihak Kerajaan dan siapa pucuk pimpinan Kerajaan? Kabinet, Perdana Menteri, Menteri Pendidikan! (*Tepuk*) Apabila

polis tahu, apabila Peguam Negara tahu, ini bererti Kerajaan tahu apabila

Tuan Anwar bin Ibrahim: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Biarlah saya habiskan dahulu, otherwise it jumps the point. Apabila Kerajaan tahu ini bererti bahawa kita mesti attribute pengetahuan pihak polis, pihak Peguam Negara kepada Kerajaan, kepada Kabinet. Ini bukan bererti bahawa semua Kabinet mesti pergi satu-satu video showing—tengok dengan terperinci—bukan. Tetapi sekurang-kurangnya tanggungjawab Kabinet, Ketua Kerajaan atau pucuk pimpinan Kerajaan ialah dapat atau meminta satu maklumat apa dalam video tape itu, oleh kerana kalau apa yang ada dalam video tape itu, dalam pengetahuan polis dan Peguam Negara tidak ada apa-apa yang lucu, tidak ada apa-apa yang salah, bukankah tanggungjawab Yang Berhormat Menteri Pendidikan, bukankah tanggungjawab Kabinet untuk mempertahankan Yang Berhormat daripada Kapar atau adakah mereka takut mereka pergi tanya jawapan yang akan diberi? Itulah soalan di hadapan kita sekarang bukan soalan Yang Berhormat dari Kapar, bukan soalan personality. Itulah soalan kedudukan pendirian maruah kerana dalam mengendalikan perkara semacam ini. Kalau dalam kes ini, ada satu tuduhan yang dibuat, police tidak ada tape-tape itu, Peguam Negara tidak tahu mengenai apa sebenarnya dalam tape dan Kerajaan ambil tindakan dan satu pendirian bahawa oleh kerana ia sudah jadi satu kes mahkamah kita tunggu keputusan mahkamah. Saya setuju, tetapi ini kes yang beza. Kerajaan tahu apa yang ada dalam video tape, saya tidak tahu, tetapi Kerajaan tahu (*Ketawa*) dan sebagai Kabinet, ada tanggungjawab

Tuan Anwar bin Ibrahim: Kalau tidak tahu diamlah.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, tidak tahu....

Tuan Anwar bin Ibrahim: Saya hendak jawab. Saya hendak beri penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak tahu diamlah. Ini masalahnya. Saya tidak salahkan Yang Berhormat dari Tanjong yang sebagai peminat video yang setia, tetapi yang menjadi persoalan kepada kita isu yang kita bangkitkan, sebab apa? Kita katakan sebab conscience, dengan izin, sebab minat kita untuk mempertahankan kemurnian moral dan akhlak bukan kerana niat politik yang buruk. Terdapat dua perbezaan di sini. Kalau isu ini dihubungkan dengan conscience dan moral, ada cara dan kaedah bagaimana kita boleh mengenengahkan isu ini yang meminta supaya tindakan diambil kepada sesiapa sahaja, tetapi untuk membuat andaian bahawa semua kes yang dibawa kepada pihak polis termasuk kes video, semua kes ini patut dalam maklumat Kerajaan dan Jemaah Menteri, saya ingat Jemaah Menteri tidak perlu kerja lainlah. (*Ketawa*)

Ahli-ahli DAP: Ooh! Ooh!

Tuan Anwar bin Ibrahim: Ooh! Tidak, saya tidak kiralah, tetapi please be a bit civilized, be a little civilized for this purpose, kerana kalau hendak cakap soal morality, you behave in a very semi-civilized manner (*Ketawa*), dengan izin. Jadi, bagi pendapat saya, saya hendak jelaskan apa yang berlaku kerana saya tengok oleh kerana ketiadaan isu yang lain, DAP ini melompat tidak menentu arah, sudah hilang pedoman. Banyak isu lain hendak diketengahkan dan kita bahaskan dengan baik. Apa yang hendak korek segala bilik-bilik tidur, katil, bawah katil orang, minat sangat ini sebab apa? Kalau isunya isu moral, saya sebutkan sekali lagi kes yang dirujuk kepada polis dan Peguam Negara terkeluar dari pengetahuan Jemaah Menteri. Kes itu dilakukan dan dilaporkan dan kita tidak tahu sehingga kes itu digahkan dan dihebahkan. Oleh kerana kes itu melibatkan kepentingan awam dan kedudukan jawatan-jawatan tertentu maka kita menyambut baik keputusan Yang Berhormat berkenaan meletakkan jawatan sebagai Timbalan Speaker tetapi kita tidak pre-judge. Sekarang ini setelah

beliau meletakkan jawatan dan kes itu dibawa ke mahkamah. mengapa perlu dalam keadaan sekarang melibatkan Ahli-ahli Jemaah Menteri mengapa tidak ambil tahu dahulu, mengapa tidak ambil tahu kandungan video tape sebelum dimusnahkan atau tidak. Ini ada peringkat-peringkatnya dan saya rasa oleh kerana kes itu di mahkamah, orang-orang yang bertanggungjawab akan menjelaskan pada masa dan ketika tersebut. Yang saya kesalkan ialah atas nama moral yang dia bawa ini sebenarnya kepura-puraan. A moral position, dengan izin, kalau hendak dikemukakan, mestilah juga dengan cara yang bermoral. Kalau kita hendak pertahankan prinsip moral, caranya itu cara rendah akal budi dan tidak bermoral, maka orang-orang itu patutlah dihumbankan ke dalam satu kumpulan sahaja. (*Tepuk*) Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya Yang Berhormat Menteri Pendidikan mahu memberi satu gambaran bahawa ia champion mengenai perkara-perkara moral dalam Malaysia (*Tepuk*), tetapi dalam perkara ini ia tidak ada moral (*Ketawa*). Perkara yang di hadapan kita bukan moral seorang, tetapi political morality Kerajaan Barisan Nasional, Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri. (*Tepuk*) Itulah masalahnya political morality. Saya boleh menerima bahawa sebelum perkara ini ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri Pendidikan tidak tahu langsung mengenai perkara ini. Saya boleh menerima—I accept on face value, civilised—I give you the benefit of the doubt, (*Tepuk*) tetapi apabila perkara ini ditimbulkan, dan oleh kerana perkara ini dalam tangan Kerajaan, Polis, Peguam Negara, tanggungjawab Kabinet ialah untuk mendapat satu maklumat dua perenggan.

Saya tahu Menteri-menteri Kabinet sangat sibuk mahu pergi ke Penang tiap-tiap minggu mahu hentam saya (*Ketawa*)—sangat sibuk. panik mengenai Negeri Pulau Pinang "Tanjong II"—tidak

apalah, tidak ada masa untuk tengok 11 video tapes, tidak perlu tengok 11 video tapes untuk 22 jam, satu paragraph daripada sama ada Jabatan Peguam Negara atau Polis apa yang ada di dalam tapes itu, kenapa mahu musnah—cukup, itupun takut mahu tanya, kalau itupun takut mahu tanya, mana ada political morality dalam Kerajaan, dalam Kabinet. (*Tepuk*)

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat dari Tanjong putarbelit sekali lagi kenyataan.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat sendiri putar-belit, ia ada champion twisier (*Ketawa*)....

Tuan Anwar bin Ibrahim: Yang Berhormat dari Tanjong memang terkenal, sekurang-kurangnya di Malaysialah dari segi putar-belit dan dari segi buat tuduhan palsu atas nama morality.

Saya hendak sebut di sini bila Yang Berhormat bangkitkan apakah perkara ini menarik minat ahli-ahli Jemaah Menteri atau tidak selepas perkara ini menjadi satu public issue; saya jawab "ya", "memang", sebagai ahli-ahli Jemaah Menteri, kita juga berminat untuk mengetahui apa yang berlaku, yang Yang Berhormat dari Jelutong ke hulu ke hilir sebok sangat ini apa isunya? Memang kita ambil tahu, betul, tetapi isu ini setelah dihebahkan. Yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong ialah mengapa kita tidak mengambil tahu, saya kata kita ambil tahu sesudah isu ini dihebahkan, tetapi kes ini sekarang di mahkamah, dan kita terpaksa biarkan ataupun serahkan kepada kebijaksanaan mahkamah kerana keputusan sedang dibuat, jadi soal umpamanya hendak dibangkitkan soal kita mengambil tahu atau tidak sebelum dimusnahkan - tidak benar, kerana kes itu tidak dalam pengetahuan kita sebelum tape dimusnahkan. Biar kita faham sequence sedikitlah, kalau tidak susahlah duduk di sini hendak jawab basic A,B,C pun tidak tahu, kena hantar balik KBSM barulah.

Tuan Lim Kit Siang: Syabas Yang Berhormat Menteri Pendidikan nampaknya sudah menjadi champion twister, perkara bukan minat ahli-ahli Kabinet, berminat selepas perkara ini dibongkar dalam Parlimen, tetapi sama ada Kabinet bertanggungjawab atau tidak bertanggungjawab dalam menguruskan kes ini. Pendirian saya ialah oleh kerana video tapes ini dalam tangan Polis dan dalam pengetahuan Peguam Negara mengenai apa isi kandungan itu, Kabinet apabila perkara ini dibangkitkan adalah bertanggungjawab untuk dapat tahu daripada Polis dan Peguam Negara, dan apabila Kabinet gagal mendapat satu taklimat, itulah satu kecuaiian atau itu sengaja tidak mahu tahu dengan motif-motif tersendiri....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Tanjong, sila ucapkan perkara yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya teruskan oleh kerana Yang Berhormat....

Tuan Yang di-Pertua: Ucapkan perkara yang lain pula, perkara itu telah pun Yang Berhormat ulang-ulangkan banyak kali sangat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya dipaksa oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk ulang point tadi dan saya mahu teruskan kalau boleh. Oleh kerana ini perkara yang mustahak bukan soal personaliti, dan kalau kita tidak boleh terima andaian bahawa ahli-ahli Kabinet adalah manusia yang langsung tidak bermaruah dan tidak bersopan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat perkataan "maruah" dan "sopan" itu

Tuan Lim Kit Siang: ... adalah manusia yang langsung tidak dan bukan itu double negative....

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi maknanya yang lain itu

Tuan Lim Kit Siang: Mereka ada maruah, kalau you object, saya boleh tarik balik, mereka tidak ada maruah (*Ketawa*)....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila jangan sebutkan perkataan yang begitu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dan tadi saya ada kata kalau dalam keadaan itu tentu tanggungjawab mereka ialah untuk mempertahankan Yang Berhormat dari Kapar dan bukan membiarkan beliau dikorbankan. Dalam keadaan yang sedemikian jika masih ada sesiapa pun termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mahu mempertahankan Yang Berhormat dari Kapar dan masih mendakwa bahawa beliau ada mempunyai hak untuk terus menjadi Timbalan Speaker, maka orang-orang itu telah melakukan sesuatu yang paling tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang penting dan saya ada menulis sepucuk surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan satu bahagian saya rasa sangat mustahak untuk dengan penuhnya memberi fokus mengenai isu yang saya kemukakan. Dan saya rasa yang perlu dapat pertimbangan semua orang yang waras, semua orang yang tulen-tulen, betul-betul adalah moral conscience dan bukan pura-pura sahaja. Dalam surat saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya ada kata, "Kerajaan tidak boleh dan tidak harus...."

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat daripada Tanah Merah bangun, ya . . .

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sebelum pergi kepada surat Perdana Menteri, boleh atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta penjelasan, boleh benar atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Tuan Hashim bin Safin: Saya mengikuti sepanjang percakapan Yang Berhormat dari Tanjong mengguna perkataan "maruah", "tidak bertanggungjawab", "tak berprinsip" dan sebagainya. Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu kalaulah perkara ini ada di kalangan Yang Berhormat daripada DAP yang berada dalam Dewan ini, yang kita boleh buktikan tidak bertanggungjawab, membuat penipuan, tidak bermaruah, apa tindakan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang, kalau kita boleh buktikan?

Tuan Lim Kit Siang: Kita tidak double standard, kita satu standard yang sama bukan semacam Yang Berhormat Menteri Pendidikan (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, surat saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri....

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Lim Kit Siang: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri,....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat nanti sekejap, hendak minta apa?

Tuan Hashim bin Safin: Dalam kaitan tadi saya hendak beri penjelasan, okay saya hormat prinsip daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang

Tuan Yang di-Pertua: Hendak minta apa Yang Berhormat? Minta penjelasan?

Tuan Lim Kit Siang: Saya sudah beri jawapan

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak minta penjelasan Yang Berhormat?

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan lagi satu.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak benarkan atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Tadi bukan penjelasan, saya sudah jawab dia, sudah cukup.

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan lagi satu.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak benarkan Yang Berhormat, sila duduk! Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Surat saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengatakan:

"Kerajaan tidak boleh dan tidak harus menggunakan kes saman malu yang difailkan oleh Yang Berhormat Kapar terhadap Yang Berhormat Jelutong sebagai alasan untuk tidak bertindak ke atas dakwaan bahawa Yang Berhormat Kapar telah berlakun dalam pita-pita video tersebut. Sebelas pita video berkenaan berada dalam jagaan pihak Polis semenjak bulan Oktober, 1988 dan Kerajaan melalui penyiasatan dan tuntutan Polis mengetahui apa yang terkandung di dalam pita-pita video tersebut. Kerajaan mempunyai tanggungjawab moral dan politik untuk bertindak ke atas maklumat yang ada dalam pemilikannya menerusi pihak Polis dan Peguam Negara untuk memelihara nama baik dan reputasi negara kita."

Sangat simple, tak tahu kenapa Yang Berhormat Menteri Pendidikan tidak faham, 3M tidak begitu baik.

Ini adalah satu isu yang tidak kena mengena langsung dengan kes saman malu yang difailkan oleh Yang Berhormat Kapar terhadap Yang Berhormat Jelutong. Begitu juga sekiranya Kerajaan mempunyai maklumat yang tepat bahawa seorang Menteri atau Timbalana Menteri itu adalah korup, maka Kerajaan mempunyai tanggungjawab moral dan politik untuk memecat Menteri atau Timbalan Menteri berkenaan daripada Kerajaan dan tidaklah perlu menunggu untuk litigasi sivil untuk membuktikan rasuah tersebut khususnya selepas ia menyalahgunakan tanggungjawab dan amanahnya dengan

gagal memfailkan tuduhan-tuduhan rasuah di dalam mahkamah terlebih dahulu.

Terdapat rasa marah moral atau moral outrage yang kian meningkat di kalangan rakyat terhadap pendirian Kerajaan ke atas isu ini di mana Kerajaan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hingga ke bawah nampaknya berdiri teguh di belakang Yang Bcrhormat Kapar masa itu. Kerajaan tidak boleh melalaikan tugas dan tanggungjawabnya kepada rakyat dan negara dengan menyembunyikan di sebalik kes saman malu yang mungkin akan memakan masa beberapa tahun untuk diselesaikan.

Tanggungjawab Kerajaan bukanlah untuk memutuskan atau menunggu untuk melihat siapakah yang akan memenangi kes saman malu itu. Tanggungjawab mendesak Kerajaan ialah untuk memelihara kehormatan dan reputasi negara. Dengan adanya maklumat dalam pemilikannya mengenai isi kandungan 11 pita video berkenaan, maka Kerajaan hendaklah sama ada secara awam dan kategorikal menyatakan bahawa pita-pita video tersebut bukanlah lucah atau Yang Berhormat Kapar tidak berlakon di dalamnya, ataupun mengambil cara yang terhormat dan bertanggungjawab untuk memecat beliau sebagai Timbalan Speaker.

Paragraph yang terakhir sekiranya Kerajaan tidak bersedia untuk membersihkan secara awam Yang Berhormat Timbalan Speaker sungguhpun ia mempunyai maklumat dalam pemilikannya mengenai 11 pita video tersebut, maka rakyat Malaysia hanya boleh menyimpulkan bahawa Yang Berhormat Timbalan Spcaker tidak layak untuk terus menjadi Timbalan Speaker dan Ahli Parlimen. Kerajaan hanya boleh menyalahkan dirinya sekiranya perasaan orang awam ini diperkukuhkan lanjut dengan pemusnahan 11 pita video tersebut.

Itulah surat saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, 14 Januari

tahun ini dan saya rasa sebenarnya pihak Kerajaan masih menghadapi dilemma moral yang sama sekarang, walau Yang Berhormat Kapar telah meletakkan jawatan sebagai Timbalan Speaker, kerana beliau masih Ahli Parlimen Barisan Nasional bagi kawasan Kapar.

Isu dilemma moral sama di hadapan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, sebab itu beliau begitu marah tadi (*Tepuk*). Jika pita-pita video itu tidak lucah, Yang Amat Berhormat Perdana Mcnteri dan seluruh Jemaah Menteri akan dipandang sepi sebagai tidak jujur dan keji jika mereka tidak sedia untuk mempertahankan secara terbukanya kedudukan Yang Berhormat Kapar bukan sahaja sebagai Ahli Parlimen tetapi juga sebagai Timbalan Speaker.

Di sebaliknya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kabinet akan dianggap gagal menunaikan tanggungjawab politik, moral dan nasional mereka sekiranya mereka masih mahu memberi sokongan kepada beliau untuk kekal jawatan Ahli Parlimennya, walaupun mereka tahu pita-pita video itu apa dalam isi kandungannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu lagi yang timbul daripada masalah ini ialah kedudukan Peguam Negara. Adakah Peguam Negara tertakluk kepada Parlimen, atau lebih tinggi dari Parlimen dan dialah, dengan izin, a law into himself.

Isu ini penting bukan kerana melibatkan masa depan seorang ahli politik Barisan Nasional, tetapi kerana ia merupakan satu episod yang mengejutkan di mana sebuah Kerajaan telah tidak dapat membezakan sesuatu yang betul dari yang salah, dengan izin, "simple right and wrong", dan itu masalah di sekolah-sekolah kita. Apa itu moral cause, right and wrong Menteri Pendidikan pun tidak boleh membezakan (*Tepuk*) kerana pemusatan kuasa yang berlebihan di dalam tangan Kerajaan Barisan Nasional telah menghina prinsip-prinsip demokrasi asas berkenaan akauntabiliti dan

tanggungjawab bersama di mana dalam analisa "terakhirnya akan menimbulkan ancaman terbesar kepada sistem demokrasi berparlimen di Malaysia.

Ini ditonjolkan dengan terangnya oleh penyelewengan kuasa oleh Peguam Negara dalam skandal ini. Sebenarnya, demokrasi berparlimen di Malaysia telah menerima ancaman bertubi-tubi sehingga hari ini, negara kini menghadapi soalan sama ada Peguam Negara tertakluk kepada Parlimen, atau lebih tinggi dari Parlimen dan "a law unto himself".

Ini satu soalan yang tidak harus sebenarnya dikemukakan di dalam sebuah demokrasi berparlimen yang bermakna, kerana tidak ada apa-apa keraguan bahawa Peguam Negara adalah tertakluk subject kepada Parlimen. Tetapi di Malaysia, demokrasi berparlimen telah begitu diputar-belitkan sehingga ada Menteri-menteri yang menegaskan bahawa Parlimen tidak boleh menuntut Peguam Negara bertanggungjawab atas penyelewengan kuasanya, serta memberi sokongan kepada usul kedua yang saya sudah kemukakan dalam mesyuarat Parlimen ini untuk memecat Tan Sri Abu Talib Othman sebagai Peguam Negara kerana menghalang keadilan dan siasatan polis apabila ia mengarahkan supaya 11 pita video lucuh, gambar-gambar dan filem negatif kepunyaan Yang Berhormat Kapar dimusnahkan.

Dengan memberi arahan sulit supaya 11 pita video, gambar-gambar dan filem negatif dimusnahkan, Peguam Negara telah menyebabkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri mengelirukan Parlimen dan negara pada Disember tahun lepas bahawa polis sedang menyiasat dalam pita-pita video lucuh, gambar-gambar dan filem negatif. Sebenarnya atas perkara yang ini, Peguam Negara patut dipanggil berhadapan dengan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Tetapi apa yang lebih tidak boleh dipercayai ialah pemusnahan pita-pita

video, gambar-gambar dan filem negatif atas arahan sulit Peguam Negara telah dilakukan tanpa pengetahuan pihak polis yang atasan sehingga CID Director, Datuk Zaman Khan dipaksa untuk membuat pengakuan secara awam bahawa apa yang beliau nyatakan tentang siasatan polis adalah tidak benar dan sebenarnya semua sudah dimusnahkan.

Dalam sebuah demokrasi berparlimen yang sihat, di mana akauntabiliti dan tanggungjawab Kerajaan dihormati dan disanjung, perkara-perkara yang scandalous ini akan memaksakan satu siasatan umum yang mendalam untuk menentukan:

- (a) bagaimana Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Pengarah Biro Siasatan Jenayah dapat dikelirukan dan ditipu untuk membuat kenyataan umum yang palsu dan tidak benar berkenaan kes ini;
- (b) kesahihan tindakan Peguam Negara memusnahkan pita-pita video, gambar-gambar dan filem negatif tanpa mendapat perintah majistrat; dan
- (c) sama ada Peguam Negara telah menyalahgunakan kuasa-kuasanya.

Peguam Negara masih dapat memberi kenyataan yang menggeli hati bahawa beliau sedia menghadapi apa-apa tindakan Undang-undang kerana keputusannya memusnahkan pita-pita video, gambar-gambar dan filem negatif, walaupun dia tahu bahawa beliau sendiri selaku Peguam Negara harus memutuskan apakah tindakan perundangan yang dikatakannya itu.

Inilah sebabnya kita dapat episod yang tidak difikirkan iaitu tindakan Peguam-cara Negara, orang nombor dua di dalam Pejabat Peguam Negara, Datuk Abdul Aziz Mohamad, mengeluarkan satu kenyataan sepanjang 16 mukasurat pada 21hb Pebruari 1990 dengan mengumumkan keputusannya bahawa bossnya, Peguam Negara tidak melakukan apa-apa kesalahan dengan

mengarahkan supaya pita-pita video, gambar-gambar dan filem negatif dimusnahkan dan juga tidak mengambil tindakan untuk mendakwa sesiapa.

Di bawah peruntukan Perlembagaan, Peguamcara Negara tidak ada sebarang kuasa untuk mengkaji semula keputusan Peguam Negara untuk memutuskan supaya tidak perlu mengambil tindakan mendakwa sesiapa berhubung dengan skandal pita video ini. Hanya Parlimen sahaja yang boleh membuat pengkajian semula.

Walau bagaimanapun, siapa boleh percaya bahawa Peguamcara Negara berani membuat sesuatu kesimpulan yang lain daripada membebaskan ketuanya, Peguam Negara dari sebarang kesalahan berhubung dengan skandal pita video itu.

Kini kita dapat satu keadaan di mana Peguam Negara, menerusi orang bawahannya iaitu Peguamcara Negara, telah menyandang beberapa peranan sebagai Hakim, Juri dan Si Tertuduh (Judge, Jury and Accused) di dalam kes laporan polis terhadapnya kerana melakukan kesalahan jenayah apabila mengarahkan supaya pita-pita video, gambar-gambar dan filem negatif dimusnahkan.

Tetapi apa yang tidak dipercayai dalam kenyataan setebal 16 muka surat untuk membebaskan Peguam Negara ialah kegagalan Peguamcara Negara untuk menyentuh isu penting sama ada isi kandungan pita-pita video, gambar-gambar dan filem negatif tersebut itu lucuh atau tidak. Oleh kerana kegagalan ini, kenyataan 16 mukasurat yang dibuat oleh Peguamcara Negara telah menjadikan satu penutupan (cover-up) skandal Kerajaan yang besar.

Peguamcara Negara telah berkata bahawa beliau mendapati Peguam Negara bertindak mengikut kuasa yang ada padanya apabila beliau memutuskan untuk memusnahkan pita-pita video, gambar-gambar dan negatif-negatif, dan beliau tidak nampak sebarang petanda "bahawa keputusan itu tercemar oleh

sebarang motif buruk" dan bahawa ianya adalah "keputusan bona fide". Tidak perlu bagi seorang peguam yang berpengalaman dan berkelulusan tinggi untuk mengetahui bahawa dalam menentukan sama ada keputusan Peguam Negara untuk memusnahkan pita video, gambardan negatif itu adalah betul, patut, bona fide atau salah, mala fide, tercemar dengan motif buruk dan tidak patut, soal penting hendaklah sama ada pita video, gambar dan negatif itu lucuh atau tidak.

Sekiranya pita video, gambar dan negatif itu lucuh, maka suatu anggapan (assumption) kuat timbul dengan gagalnya Peguam Negara untuk mendakwa Yang Berhormat dari Kapar kerana memiliki bahan-bahan lucuh dan juga mengarahkan ianya dimusnahkan, tindakan Peguam Negara adalah sebenarnya "tercemar oleh motif buruk dan salah" dan oleh yang demikian ia bukanlah satu "keputusan bona fide".

Bagaimanakah Peguamcara Negara berharap untuk meyakinkan rakyat Malaysia bahawa beliau telah menjalankan satu kajian semula yang lengkap, bersungguh-sungguh dan bona fide atas tindakan Peguam Negara memusnahkan pita video, gambar dan negatif itu, bilamana beliau tidak dapat mengisytiharkan sama ada bahan-bahan itu lucuh atau tidak?

Tindakan meninggalkan point (nut of the issue) ini memusnahkan keseluruhan kredibiliti kenyataan oleh Peguamcara Negara untuk melepaskan Peguam Negara.

Saya tidak bercadang untuk meninjau dengan panjang lebar dalam isu penting mengenai penyalahgunaan kuasa oleh Peguam Negara kerana ada satu usul atas nama saya untuk memecat Tan Sri Abu Talib dari jawatan Peguam Negara.

Saya bersetuju dengan Peguamcara Negara bahawa adalah termaktub dalam undang-undang bahawa pihak berkuasa yang mendakwa tidak boleh dipaksa untuk mendakwa dan bahawa keputusan pihak berkuasa yang mendakwa untuk

tidak mendakwa tidak boleh dipersoalkan dalam mahkamah. Lebih-lebih lagi, keputusan seumpama itu (sole discretion) oleh Peguam Ncgara tidak boleh disoal oleh orang bawahannya, iailu Peguam-cara Negara.

Forum dan institusi yang boleh mengkaji semula dan menyoal budibicara mutlak Peguam Negara untuk mendakwa ialah Parlimen, melainkan demokrasi berparlimen di Malaysia telah di-rendahkan ke tahap yang saya tidak pernah mengetahui di mana kuasa, hak dan kebebasan Parlimen tidak wujud lagi.

Menteri-menteri Kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional mungkin tidak bersetuju dengan cadangan saya untuk memecat Tan Sri Abu Talib Othman dari jawatan Peguam Negara atas penyalahgunaan kuasa oleh beliau, tetapi tidak sesiapa yang boleh pertikai bahawa Parlimen hendaklah mcnuntut hak semula dan mendapat balik kuasa, hak dan kebebasan dalam mengawal dan mengkaji semula segala kuasa Peguam Negara. Untuk menentukan tanpa, dengan izin, an iola of doubt bahawa Peguam Negara tertakluk kepada Parlimen (subject to Parliament) dan bukan lebih tinggi daripada Parlimen, dan bukan a law unto himself.

Jika usul saya untuk memecat Peguam Negara tidak dapat dibahas pun, maka demokrasi berparlimen di Malaysia menghadapi kesulitan yang amat teruk, dan seruan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapan Di Raja untuk mempertahankan dan memelihara demokrasi berparlimen di Malaysia adalah mendesak dan hendaklah disegerakan. (*Tepuk*)

Biarlah saya meneruskan hujah saya bahawa demokrasi berparlimen kini menghadapi keadaan penuh bahaya, dan seruan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pettuan Agong kepada rakyat Malaysia untuk mengekalkan semangat patriotik untuk mempertahankan dan memelihara sistem demokrasi berparlimen adalah jitu dan kena pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, ilulah sebabnya skandal pita video lucah ini amat penting, bukan kerana personaliti yang terlibat tetapi kerana tanggungjawab Kerajaan dan isu dan prinsip demokrasi berparlimen. Saya tidak ragu bahawa dalam dekad-dekad awalan ncgara kita, sama ada dalam tahun-tahun keenam puluhan mahupun tujuh puluhan, tiada seorang Peguam Ncgara pun mungkin bertindak seperti Peguam Negara sekarang dalam memusnahkan pita video, gambar dan negatif ataupun menentang dari memberi satu gambaran penuh mengenai tindakan beliau kepada Parlimen oleh kerana pada ketika itu terdapat lebih penghormatan bagi kuasa, hak dan kebebasan Parlimen.

Sebenarnya, seorang Peguam Negara yang bertanggungjawab yang menghormati tugas dan kebertanggungjawaban berperlembagaan beliau kepada Parlimen tentu rela untuk dihadapkan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen atau kepada satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen Khas untuk menjelaskan tindakannya, dan apabila aduan polis dibuat terhadap beliau, ia menyarankan kepada Kabinet supaya seorang Pendakwa Khas Bebas dilantik untuk mcngambil keputusan ke atas semua perkara yang terbabit dengan aduan-aduannya.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita baca dalam suratkhbar satu pengumuman mengenai penubuhan oleh beberapa warganegara Malaysia, suatu kumpulan bernama Pengesan Pilihanraya (Election Watch) yang diketuai oleh bekas Ketua Hakim Ncgara, Tun Suffian, untuk mempertahankan dan memelihara kebebasan dan integriti Suruhanjaya Pilihanraya. Lima orang anggota lain dalam kumpulan ini adalah bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin Zakaria, bekas Pengerusi Majlis Peguam, Raja Aziz Addruse, seorang lagi bekas Pengerusi Majlis Peguam, Dato' Param Kumaraswamy, Presidcn Aliran, Dr. Chandara Muzaffar dan seorang anggota Jawatankuasa Siasatan BMF, Encik Chooi Mun Sou.

Kumpulan Pengesan Pilihanraya ini harus diberi sokongan oleh semua rakyat Malaysia yang memandang berat tentang kebebasan-kebebasan demokratik, hak asasi manusia dan demokrasi berparlimen di Malaysia. Saya menyeru Kerajaan, dan khususnya Suruhanjaya Pilihanraya untuk memanjangkan kerjasama sepenuhnya kepada kumpulan Pengesan Pilihanraya melainkan mereka mempunyai sesuatu untuk menyembunyikannya.

Saya ingin menegaskan sekali lagi di sini bahawa untuk memelihara kebebasan berperlembagaan dan untuk terus menikmati keyakinan orang awam terhadapnya, sangat penting dan mustahak bahawa Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah bekerja rapat dengan semua parti-parti politik, sama ada yang memerintah atau yang menjadi pembangkang dan inilah yang akan

menjadi satu ukuran sama ada rakyat jelata boleh mendapat kepercayaan daripada Suruhanjaya Pilihanraya untuk menjalankan tugas Perlembagaannya mengendalikannya satu sistem pilihanraya yang adil, yang bersih. Dan di sini saya ingin membangkitkan satu perkara

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, banyak lagikah?

Tuan Lim Kit Siang: Sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.